



# BUKU PANDUAN SAUDARA BARU MUSLIM

*Memahami Masyarakat  
Islam Singapura*



# BUKU PANDUAN SAUDARA BARU MUSLIM

*Memahami Masyarakat  
Islam Singapura*

Muslim Converts' Association of Singapore  
Darul Arqam Singapore

📍 32 Onan Road, The Galaxy, Singapore 424484

☎ +65 6348 8344 📠 +65 6440 6724

🌐 [www.mcas.sg](http://www.mcas.sg) ✉ [info1@mcas.sg](mailto:info1@mcas.sg)





# KATA PENGANTAR

*Assalaamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

**Buku Panduan Saudara Baru Muslim - Memahami Masyarakat Islam Singapura** merupakan suatu rujukan yang sangat baik buat semua saudara baru Muslim di Singapura untuk meningkatkan kefahaman mereka tentang ajaran-ajaran Islam. Matlamat buku ini adalah supaya saudara-saudari baru Muslim kita dapat memperolehi kefahaman yang lebih jelas, dan membimbing mereka dalam kehidupan seharian selepas mereka mengucapkan dua kalimah shahadah dan menjadi seorang Muslim.

Sebagai sebuah pertubuhan yang berkhidmat untuk saudara baru Muslim di Singapura, kami akur tentang perlunya sebuah rujukan yang merangkumi cara-cara praktikal untuk seseorang itu menjalani hidup sebagai seorang Muslim. Buku panduan ini kaya dengan maklumat, rujukan dan ilustrasi. Ia diatur dengan cara yang 'mesra pembaca' supaya dapat memberi panduan terbaik dalam sesuatu bidang kajian yang sangat luas.

Buku Panduan Saudara Baru Muslim telah dikumpul dan direka oleh Muslim Converts' Association of Singapore (MCAS), atau lebih dikenali sebagai Darul Arqam Singapura, dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Ia akan diedarkan kepada semua saudara baru Muslim, sebaik sahaja mereka memeluk agama Islam di MCAS, *In Shaa Allah*.

Kami di MCAS berharap supaya buku panduan ini menjadi suatu wadah untuk saudara-saudara baru Muslim untuk menimba ilmu ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan dan mendapat manfaat darinya, supaya mereka dapat membuat peralihan kepada suasana kehidupan baru dengan mudah.

*"Apabila Allah menginginkan kebaikan untuk seseorang, Dia mengurniakan kepadanya kefahaman agama,"* maksud hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengikhtiraf sumbangan panel pakar dan asatizah yang telah menjadikan buku panduan ini suatu realiti.

*Wabillaahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**MUHAMMAD IMRAN KUNA**

Presiden, MCAS (Darul Arqam Singapura), Jun 2019.



## BUKU PANDUAN SAUDARA BARU MUSLIM

Memahami Masyarakat Islam Singapura

ISBN: 978-981-9414-30-7

Buku Panduan Saudara Baru Muslim telah disusun dan direka oleh Muslim Converts' Association of Singapore (MCAS), juga dikenali sebagai Darul Arqam Singapura, dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).

Hak Cipta © 2025 Muslim Converts' Association of Singapore (MCAS)  
(Darul Arqam Singapura)

Edisi Melayu - Cetakan Pertama: 1,000 salinan (2025)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem perolehan semula, atau dihantar dalam apa jua bentuk, dengan sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis daripada Muslim Converts' Association of Singapore.

Dicetak di Singapura.

# KANDUNGAN

|                                                                                     |                                                                    |     |
|-------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------|-----|
|    | Bab 1: Menjadi Seorang Muslim Yang Baru                            | 1   |
|    | Bab 2: Menjadi Seorang Muslim dalam Sebuah Masyarakat Bukan Muslim | 9   |
|    | Bab 3: Pengenalan kepada Peraturan-Peraturan Islam                 | 19  |
|    | Bab 4: Organisasi Islam di Singapura                               | 31  |
|    | Bab 5: Mahkamah Syariah Singapura                                  | 45  |
|    | Bab 6: Rumahtangga dalam Islam                                     | 55  |
|    | Bab 7: Muslim dan Keluarga                                         | 69  |
|    | Bab 8: Muslim dan Harta                                            | 83  |
|    | Bab 9: Pengagihan Harta                                            | 101 |
|    | Bab 10: Makanan dalam Islam                                        | 113 |
|  | Bab 11: Pakaian Muslim                                             | 123 |
|  | Bab 12: Fungsi Sebuah Masjid                                       | 131 |
|  | Bab 13: Islam dan Budaya                                           | 143 |
|  | Bab 14: Akhlak Seorang Muslim                                      | 151 |
|  | Bab 15: Menimba Ilmu Agama Islam                                   | 161 |
|  | Sebutan dan Transliterasi                                          | 170 |
|  | Glosari                                                            | 174 |





**BAB 1**

**MENJADI SEORANG  
MUSLIM  
YANG BARU**



## NIKMAT MENJADI SEORANG MUSLIM

Satu diantara nikmat terbesar yang diberikan Allah SWT kepada hambanya adalah nikmat menjadi seorang Muslim. Apabila seseorang memilih untuk memeluk agam Islam, ia bukanlah sesuatu yang berlaku atas kehendaknya, kepintarannya atau kebijaksanaannya. Hakikatnya adalah, Allah SWT yang sebenarnya telah menggerakkan hatinya untuk menerima keimanan. Allah SWT yang memilih sesiapa yang Dia kehendaki untuk menerima nikmat ini. Di dalam Al-Qur'an, Allah SWT telah berfirman:

يَمُنُونَ عَلَيْكَ أَنْ أَسْلَمُوا قُلْ لَا تَمْنُوا عَلَيَّ إِلَّا مَعَكُمْ  
بَلِ اللَّهُ يَمُنُّ عَلَيْكُمْ أَنْ هَدَاكُمْ لِلْإِيمَانِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٧﴾

*Mereka mengira dirinya berbudi kepadamu (wahai Muhammad) dengan sebab mereka telah Islam (tidak melawan dan tidak menentang). Katakanlah (kepada mereka): “Janganlah kamu mengira keislaman kamu itu sebagai budi kepadaku, bahkan (kalaulah sah dakwaan kamu itu sekalipun maka) Allah jualah yang berhak membangkit-bangkitkan budiNya kepada kamu, kerana Dia lah yang memimpin kamu kepada iman (yang kamu dakwakan itu), kalau betul kamu orang-orang yang benar (pengakuan imannya).” (Qur'an 49:17)*

Allah SWT tidak melakukan sesuatu tanpa sebab. Setiap yang berlaku itu mempunyai maksudnya dan setiap yang diciptakan itu mempunyai matlamatnya. Maka apakah matlamat kehidupan manusia? Adakah matlamatnya sekadar untuk hidup di dunia yang sementara sehingga tamat riwayatnya?

Sebenarnya, Pencipta kita telah pun memberikan jawapan kepada soalan-soalan tersebut. Di dalam Al-Qur'an, Allah SWT telah mengajarkan bahawa matlamat kehidupan kita di dunia ini adalah untuk mengabdikan diri kepadaNya.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ  
إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

*“Dan tidaklah Aku menciptakan jin dan manusia kecuali untuk mengabdikan diri kepadaKu” (Qur'an 51:56)*

Hanya Islam yang dapat membolehkan kita untuk mencapai matlamat tersebut, kerana ia merupakan satu-satunya agama yang diterima oleh Allah SWT. Maka, sebagai seorang Muslim, kita akan dapat lebih merealisasikan matlamat kehidupan kita sebagai hamba Allah SWT di dunia ini. Islam mengajar kita untuk mengejar kebaikan dalam akhlaq, kesihatan dan pengurusan harta kita. Islam menganjurkan supaya kita berlaku baik terhadap orang lain, haiwan, alam sekitar, mahupun alat barangan yang tidak bernyawa. Kita diajar untuk memelihara hubungan kita dengan Allah SWT dan hubungan



kita sesama manusia, dan mengejar keunggulan dalam apa jua yang kita lakukan. Dengan ini, Islam merupakan sesuatu yang lebih daripada setakat sebuah agama. Ia merupakan suatu cara kehidupan yang terdiri daripada peraturan dan prinsip-prinsip tertentu yang merangkumi segala sudut kehidupan. Ia lebih daripada doktrin kepercayaan dan ia mempengaruhi tingkah laku kita seharian. Di dalam Al-Qur'an, Allah SWT berfirman tentang bagaimana Islam itu lengkap dan menyeluruh:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ  
نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ  
اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ  
اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣﴾

*"Pada hari ini telah Kusempurnakan untukmu agamamu dan telah Kucukupkan untukmu nikmatKu dan telah Kuredhai Islam sebagai agamamu. Tetapi barangsiapa yang terpaksa berbuat dosa tanpa sengaja karena kelaparan, maka sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun, Maha Penyayang"* (Qur'an 5:3)

## ISLAM: AGAMA UNTUK SEMUA, DI MANA-MANA

Salah satu ciri yang membezakan Islam adalah bahawa ia merupakan sesuatu agama yang sesuai untuk semua orang, di semua tempat dan waktu. Nabi Muhammad ﷺ merupakan seorang Rasul untuk seluruh manusia, tanpa mengira bangsa, warna kulit, bahasa, ataupun budaya.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

*"Dan tidaklah Kami mengutusmu (wahai Nabi) melainkan untuk (menjadi) rahmat buat semesta alam."* (Qur'an 21:107)

Islam tidak membeza-bezakan manusia berdasarkan latarbelakang mereka. Malah, Islam meraikan kepelbagaian, termasuklah budaya.

Allah SWT berfirman di dalam Al-Qur'an:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن ذَكَرٍ وَأُنْثَى  
وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ  
عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

*"Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya, yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuannya."* (Qur'an 49:13)

Islam tidak pernah mewajibkan penganutnya untuk meninggalkan budaya dan tradisi mereka melainkan jika tradisi tersebut jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Kita dapat melihat bagaimana umat Islam di seluruh dunia mengintegrasikan budaya mereka dengan kepercayaan mereka sambil berpegang kepada akidah yang sama.





## REALITI MENJADI SEORANG MUALLAF

Apabila Nabi ﷺ diperintahkan untuk berdakwah kepada para penduduk Makkah, Baginda berseorangan dalam usaha tersebut. Seorang demi seorang, mereka menjawab seruan dakwah Baginda ﷺ dan menjadi orang yang beriman. Kemudian, Islam tersebar ke negeri lain dan lebih ramai orang memeluk agama Islam. Orang Islam kemudian bertambah ramai. Apabila mereka berkumpul dan membina keluarga, generasi umat Islam telah kian berkembang selama berabad-abad. Hari ini, Islam adalah satu agama utama di dunia dengan lebih 1.8 bilion penganut.

Namun, jangan kita lupa bahawa kebanyakan diantara penganut Islam yang awal terdiri daripada mereka yang sebelumnya merupakan penganut Kristian, Yahudi, penyembah berhala atau agama-agama lain. Begitu juga, terdapat ramai penganut Islam pada hari ini juga merupakan saudara baru di dalam Islam.

Dalam masyarakat yang majoritinya dilahirkan sebagai Muslim, seseorang itu mungkin mudah berasa selesa dan terlepas pandang dengan pelbagai cabaran dan perjuangan yang dihadapi para muallaf



apabila mereka sedang berusaha mengamalkan sesuatu kepercayaan baru dan menyesuaikan gaya hidup mereka.

Perjuangan tersebut sangat ketara. Di antara ramai yang memeluk Islam, terdapat sebilangan juga yang kemudian meninggalkan Islam kerana kurang sokongan dan bimbingan, dan berasa terasing dalam masyarakat masing-masing.

Mereka bukan sahaja sedang cuba membiasakan diri dengan gaya hidup dan amalan seorang Muslim, malah mereka juga sedang membiasakan diri dengan jangkaan tradisional atau adat budaya masyarakat Muslim di sekeliling mereka yang berbeza dengan budaya mereka sendiri.

Sebagai contoh, dalam mematuhi pemakanan Islam, seorang muallaf mungkin dihadapi beberapa kesulitan

kerana menggemari makanan dan minuman tertentu yang dilarang dalam Islam. Ini bakal menjadi cabaran sekiranya kebanyakan makanan yang dibenarkan dalam Islam (halal) merupakan masakan dari budaya yang berbeza atau tidak mengikut citarasanya.

Satu lagi aspek gaya hidup Islam yang mungkin perlu penyesuaian untuk seorang muallaf adalah dalam mengikut kod pakaian yang ditetapkan oleh undang-undang Islam. Ini termasuk menutup beberapa bahagian anggota tubuh yang mana sebelumnya tidak pernah menjadi suatu pertimbangan. Di negara yang mengalami cuaca tropika atau musim panas pula, mereka mungkin mengalami ketidakselesaan yang belum pernah mereka alami. Bagi sesetengah orang, ini juga boleh menimbulkan rasa janggal apabila mereka keluar bersendirian setelah

mengenakan cara pakaian yang baru. Memandangkan ini boleh menjadi sesuatu cabaran yang agak luarbiasa, seorang muallaf perlulah diberikan sokongan moral dan bimbingan seberapa banyak yang mungkin.

Tambahan pula, apabila seseorang itu menukar agama, ia biasanya bukanlah sesuatu keputusan yang mudah diterima oleh keluarga dan rakan-rakan. Terdapat sebahagian muallaf yang menghadapi situasi di mana ahli keluarga mula menjauhkan diri dari mereka. Ada pula menghadapi situasi yang lebih teruk lagi kerana langsung dipinggirkan atau diasingkan oleh orang-orang tersayang. Di sinilah umat Islam perlu bersatu dan mengambil langkah untuk memberikan kasih sayang dan sokongan kepada saudara sesama Islam, terutama sekali dalam peringkat awal setelah seorang memeluk agama Islam.

Sebagai cara hidup yang menyeluruh dengan prinsip dan peraturannya sendiri, Islam bukan sekadar melafazkan dua kalimah shahadah dan mengisytiharkannya sebagai agama kita. Seorang muallaf, perlu mempelajari asas-asas Islam supaya dapat mengamalkannya dengan betul. Menimba ilmu yang tepat memakan masa. Oleh itu, para muallaf perlu bersabar dalam mempelajari peraturan dan undang-undang kepercayaan baru ini mengikut kadar kemampuan masing-masing.

Kita tidak dapat menafikan realiti bahawa, pada hari ini, umat Islam menghadapi banyak penelitian dan kritikan. Kritikan yang semakin meningkat terhadap Islam menjejaskan



kehidupan ramai Muslim, terutamanya mereka yang tinggal di negara majoriti bukan Islam. Walau bagaimanapun, ini boleh lebih menjejaskan seorang muallaf baru yang tidak biasa dengan pengalaman sedemikian.

Perjuangan para muallaf mencabar jika masyarakat kurang memberikan sokongan yang diperlukan untuk mereka bergantung dan terus belajar untuk menjadi seorang Muslim yang lebih baik. Masyarakat Islam mesti bersikap terbuka dan menggalakan saudara baru mereka, tanpa mengira budaya atau latarbelakang, dan membantu mereka dalam perjalanan hidup yang baru ini. Pada masa yang sama, mereka juga dapat mempelajari dari perjalanan seorang saudara baru, dari sudut yang boleh menambah pengetahuan atau bahkan menguatkan iman mereka.

## RINGKASAN BAB

- Islam adalah sesuatu keberkatan dari Allah SWT keatas seseorang individu, tidak kira samada individu itu dilahirkan sebagai Muslim atau telah memeluk Islam semasa hayatnya.
- Islam membantu kita untuk memenuhi matlamat kehidupan kita untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT.
- Muallaf menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan gaya hidup baru berdasarkan Islam, di samping menyesuaikan diri dengan jangkaan tradisi dan kebudayaan masyarakat Islam di sekeliling mereka.
- Penting bagi masyarakat Islam untuk mengalu-alukan dan memberikan sokongan dan bimbingan sebanyak yang mungkin untuk saudara baru Muslim, tidak kira budaya dan latarbelakang.





BAB 2

MENJADI  
SEORANG MUSLIM  
DALAM SEBUAH  
MASYARAKAT  
BUKAN  
MUSLIM



## KEPELBAGAIAN DALAM ISLAM

Tidak dapat dinafikan bahawa Islam adalah agama yang merayakan kepelbagaian dalam ciptaan alam semesta, lebih-lebih lagi dalam ciptaan manusia:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ ثَمَرَاتٍ مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهَا وَمِنَ الْجِبَالِ جُدَدٌ  
بَيْضٌ وَحُمْرٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهَا وَغَرَايِبُ سُودٌ ﴿٢٧﴾ وَمِنَ النَّاسِ وَالْدَوَابِّ وَالْأَنْعَامِ  
مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ كَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾

“Tidakkah kamu melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan (dengan air itu) buah-buahan yang beraneka warna? Dan pada gunung-ganang itu terdapat jalanan, putih dan merah yang berlainan rona warnanya, dan ada pula yang sangat hitam. Dan begitu juga, di antara manusia dan makhluk yang bergerak dan binatang ternakan, terdapat pelbagai warna. Sungguh, yang takut kepada Allah hanyalah dari kalangan hamba-hambaNya yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa, Maha Pengampun” (Qur’an 35:27-28)

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ﴿١١٨﴾ إِلَّا مَنْ رَحِمَ رَبُّكَ  
وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١١٩﴾





*“Dan kalaulah Tuhanmu menghendaki, tentulah Ia menjadikan umat manusia semuanya menurut ugama yang satu. (Tetapi Ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan. Tetapi orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu di dalam ugama Allah); dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah menjadikan manusia. Dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu: “Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahannam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa)”. (Qur’an 11:118-119)*

Ayat-ayat di atas membuktikan bahawa kepelbagaian dan kelainan dalam budaya, kepercayaan dan latarbelakang merupakan suatu kepastian di dunia ini. Oleh itu, kita perlu belajar cara hidup majmuk dalam suasana harmoni dan saling hormat-menghormati.

Islam mengiktiraf kepelbagaian umat manusia dan kepelbagaian agama. Menghormati amalan agama lain tidak bermakna kita turut mempercayai agama tersebut dan mengamalkannya. Tetapi, hormat membawa maksud

menghormati pandangan mereka dan tidak mencela agama mereka.<sup>1</sup>

Nabi ﷺ menjaga hubungan baik dengan orang dari pelbagai kepercayaan agama. Baginda ﷺ pernah berlaku baik walaupun terhadap seseorang wanita yang tidak beriman yang telah mengganggu dan mendera Baginda ﷺ setiap hari pada ketika hayat Baginda ﷺ. Beginilah ajaran Islam yang patut diamalkan setiap Muslim; menjadi insan yang membawa kebaikan kepada orang lain, tidak kira siapa sahaja, walaupun berlainan latarbelakang, budaya, dan kepercayaan agama.



## PERBEZAAN ALIRAN MADZHAB

Perbezaan Aliran Madzhab Terdapat pelbagai aliran teologi dan perundangan (madzhab) dalam Islam. Perbezaan pandangan ini berkisar pada prinsip kefahaman, yang mana kebanyakannya menyentuh tentang isu cabang dan bukan isi pokok atau asas dalam agama.

Oleh itu, umat Islam mesti menunjukkan toleransi terhadap perbezaan pandangan, dan elakkan dari perdebatan yang tidak membina, ataupun tuduh-menuduh bahawa pandangan yang berbeza itu semestinya sesat.

<sup>1</sup> Siri Irsyad Kontemporari oleh Pejabat Mufti (Majlis Ugama Islam Singapura [MUIS], 2018)

## CABARAN DIHADAPI SEORANG MUSLIM SINGAPURA

Kehidupan dalam masyarakat berbilang budaya dan agama seperti di Singapura bermakna masyarakat Islam berinteraksi dengan orang bukan Islam setiap hari. Interaksi ini adakalanya melibatkan unsur seperti perayaan agama, upacara agama, dan rumah-rumah ibadat.




### **Mengucapkan selamat menyambut perayaan agama kepada bukan Islam**

Suatu perkara yang sering ditanya oleh orang Islam ialah samada dibenarkan untuk mengucapkan ucapan selamat menyambut perayaan agama kepada orang bukan Islam. Tidak dapat dinafikan bahawa ini adalah suatu isu yang dipertikaikan dan para ulama mempunyai perbezaan pandangan mengenai perkara ini. Dalam konteks Singapura, adalah dibenarkan untuk mengucapkan ucapan selamat kepada orang bukan Islam pada musim perayaan agama mereka tanpa niat untuk memuliakan agama mereka. Ia adalah sekadar menyampaikan tanda kegembiraan sewaktu melihat kegembiraan orang lain.



### **Memasuki rumah ibadat dan menghadiri majlis keagamaan agama lain**

Seorang Muslim hendaklah sentiasa menjaga dan memelihara keimanannya. Ini tidak bermakna seorang Muslim itu dilarang memasuki rumah-rumah ibadat atau menghadiri majlis keagamaan agama lain. Seorang Muslim boleh berbuat demikian jika niatnya adalah untuk menambah pengetahuan dan kesedaran tentang amalan orang lain. Walau bagaimanapun, seorang Muslim dilarang mengambil bahagian dalam apa-apa upacara keagamaan yang dilakukan di sana. Kita boleh mengambil contoh dari Sayyidina Umar (RA), yang pernah memasuki sebuah gereja sewaktu lawatan beliau ke Baitul Maqdis.



### **Menghadiri upacara perkahwinan orang bukan Muslim**

Tiada larangan untuk menghadiri majlis perkahwinan orang yang berlainan agama. Seorang Muslim boleh menghadiri dan meraikan majlis perkahwinan antara dua insan. Ini juga dapat mengekalkan hubungan baik dengan rakan dan keluarga yang bukan Muslim.

Semestinya, seorang Muslim tidak boleh turut serta jika terdapat sebarang upacara keagamaan pada majlis tersebut. Menghormati agama lain adalah suatu konsep universal yang difahami oleh semua budaya dan kepercayaan di Singapura.



## HIDUP SEBAGAI MUSLIM DI NEGERI-NEGERI BUKAN MUSLIM

Untuk mencapai kehidupan yang berjaya pada hari ini, kita perlu menerima realiti bahawa kita kini hidup dalam suasana yang bukan monolitik, dan ia merupakan suatu norma untuk hidup dalam suasana kepelbagaian.

Sebagai orang Muslim di negeri majoriti bukan Islam, kita mempunyai cabaran untuk mengemudikan identiti agama, budaya dan kebangsaan kita. Disamping kewajiban untuk berpegang kepada akidah Islam dan prinsip-prinsipnya, penting juga bagi kita untuk mengamalkan budi bahasa dan tatasusila dalam tindakan dan pertuturan kita - bukan sahaja

terhadap saudara seagama kita, malah termasuk orang bukan Islam.

Kita mempunyai tanggungjawab bersama untuk mencontohi dan menyebarkan nilai-nilai yang diajarkan Nabi ﷺ dengan bersahabat dengan orang lain, menerangkan keindahan agama kita melalui perbuatan yang baik dan sumbangan yang bernilai kepada kehidupan manusia.

Kita akan lebih berjaya jika kita dapat menyedari keluasan tanggungjawab kita dan menunaikannya - tanggungjawab kepada masyarakat dan tanggungjawab kemanusiaan secara keseluruhan. Tanggungjawab ini termasuklah menjaga keharmonian sosial, keselamatan dan menyumbang kepada pertumbuhan dan kestabilan tanahair kita bersama.



Malah, Islam mengajar kita untuk bersikap pro-aktif dan menyumbang untuk kebaikan umat manusia, di mana sahaja kita berada. Sabda Rasulullah ﷺ:

*“Sebaik-baik manusia ialah mereka yang paling banyak bermanfaat kepada orang lain”. (Riwayat At-Tabarani)*

Kehidupan Baginda ﷺ penuh dengan contoh-contoh bagaimana Baginda berurusan secara baik dengan semua orang, termasuk orang bukan Islam, dalam masyarakat Mekah dan Madinah. Oleh itu, kerana kita juga hidup bersama orang-orang yang bukan Islam, kita mesti berusaha untuk mencontohi dan menyebarkan nilai-nilai dan prinsip-prinsip positif yang diajarkan dalam Islam supaya orang ramai akan lebih menghargai agama Islam.



## **BERBILANG BUDAYA DI SINGAPURA**

Hidup di negara bukan Islam mungkin menimbulkan beberapa cabaran. Namun, umat Islam di Singapura telah dikurniakan banyak kemudahan yang sukar diperolehi oleh orang Islam yang tinggal di negeri majoriti bukan Islam.

Satu contoh adalah jumlah masjid yang terdapat di merata kawasan negara ini. Masjid-masjid di Singapura ditadbir dan diuruskan dengan baik, dan menganjurkan banyak program dan acara yang bermanfaat untuk masyarakat. Selain itu, terdapat banyak ruang solat yang tersedia di bangunan-bangunan awam dan swasta.

Satu lagi contoh adalah pelbagai sajian makanan halal, walaupun orang Islam dianggap minoriti di negara ini. Malah terdapat restoran dan kedai makan bukan Islam yang menyajikan makanan halal untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam di sini.

## **DIALOG ANTARA AGAMA DI SINGAPURA**

Singapura adalah salah satu negara di dunia yang paling berbilang agama walaupun ia sebuah negara yang kecil. Ia merupakan suatu pusat bertemunya pelbagai budaya, bahasa, dan agama. Oleh itu, keamanan dan kesejahteraan antara kaum adalah sangat penting. Selain itu juga, keharmonian agama dan kaum adalah salah satu faktor di sebalik pertumbuhan dan kejayaan Singapura.

Pastinya, keharmonian ini tidak dapat dicapai tanpa usaha gigih dan kerjasama rakyat dan pemimpin masyarakat. Usahaini perlu diteruskan untuk memupuk perpaduan sosial antara kaum berbilang budaya dan latar belakang.

Terdapat beberapa dialog dan inisiatif antara agama di Singapura. Usaha tersebut bertujuan untuk memupuk hubungan yang harmoni antara penganut agama yang

berbeza agar mencapai keamanan dan keharmonian. Penganut dari semua lapisan masyarakat berkumpul untuk saling mempelajari antara satu dengan yang lain, mencari persamaan dan bekerjasama untuk mencapai kebaikan untuk semua.

- **Pertubuhan Antara Agama (IRO)**

Salah satu inisiatif paling awal dalam memudahkan dialog antara agama telah dimulakan oleh seorang ulama dan pemimpin masyarakat Islam yang sangat disegani, Maulana Abdul Aleem Siddique. Beliau merupakan pelopor penubuhan Pertubuhan Antara Agama (IRO).

IRO adalah suatu badan bukan pemerintah yang mengumpulkan pemimpin dari 10 kepercayaan dan agama yang berbeza di Singapura.

Mereka berusaha bersama-sama untuk memupuk hubungan yang harmoni antara berlainan kumpulan dan mempromosikan keamanan. IRO

dilihat sebagai suatu platform yang membantu memudahkan dialog yang sangat diperlukan antara agama Islam dan agama yang lain.

- **Pusat Harmoni**

Pusat Harmoni, yang bertempat di Masjid An-Nahdhah, merupakan satu lagi organisasi yang berusaha ke arah matlamat yang sama. Ia bertujuan untuk menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang Islam dan umat Islam di kalangan masyarakat Singapura yang berpelbagai.

Pusat Harmoni telah berjaya untuk menyokong dan meneruskan usaha baik yang telah dimulakan oleh IRO. Pusat ini sangat aktif dalam mengadakan kerjasama dan penglibatan antara pelbagai agama.

Kehidupan dalam masyarakat yang sangat pelbagai dan berbilang agama tetapi juga sekular, telah mewujudkan suatu keperluan bagi umat Islam di Singapura untuk membentuk identiti mereka yang unik.



## IDENTITI ISLAM SINGAPURA

Adalah penting bagi umat Islam di Singapura untuk menjadi Muslim yang terus beriman, beramal dan dapat menyesuaikan diri mereka dalam konteks sosial Singapura yang sekular dan terbuka. Namun, umat Islam yang tinggal di negara ini tidak boleh mengamalkan amalan dan model kehidupan beragama dari negara atau masyarakat Islam yang lain secara bulat-bulat. Dengan itu, lahirlah projek Identiti Muslim Singapura (SMI). MUIS telah mengenalpasti 10 ciri-ciri yang diharapkan dalam diri setiap Muslim yang berada di Singapura<sup>2</sup>.

**01**

Berpegang teguh pada prinsip Islam dan dapat menyesuaikan diri dengan konteks yang berubah

**02**

Mempunyai moral yang tinggi dan sifat kerohanian yang utuh, mampu mengatasi cabaran kehidupan masyarakat moden

**03**

Progresif, mengamalkan Islam lebih sekadar ritual/bentuk dan dapat menyesuaikan diri dengan arus permodenan

**04**

Menghayati tamadun dan sejarah Islam dan berupaya memahami isu-isu semasa

**05**

Menjadi contoh dan inspirasi kepada semua

**06**

Percaya bahawa Muslim yang baik adalah rakyat yang baik

**07**

Dapat menyesuaikan diri sebagai golongan yang memberi sumbangan dalam masyarakat berbilang agama dan negara sekular

**08**

Membawa kesejahteraan kepada semua dan menggalakkan nilai dan prinsip sejagat

**09**

Tidak menyisihkan diri dan menerima kehidupan majmuk tanpa mengabaikan prinsip dan nilai Islam

**10**

Menghargai lain-lain tamadun, yakin diri untuk berinteraksi dan sedia belajar daripada masyarakat lain

SMI menggalakkan amalan Islam yang progresif, adaptif dan inklusif yang selari dengan masyarakat Singapura yang berbilang kaum dan agama. Semoga sifat-sifat ini dapat dihayati dan dipamerkan oleh masyarakat Islam Singapura.

<sup>2</sup> Dinukil dari 24 September 2024 dari <https://www.muis.gov.sg/-/media/Files/OOM/Resources/Risalah-Book.ashx>

## RINGKASAN BAB

- Islam sememangnya meraikan kepelbagaian dan terdapat banyak kelebihan yang boleh didapati dalam kehidupan masyarakat yang pelbagai dan yang saling bertolak ansur. Nabi ﷺ adalah contoh terbesar seorang yang bertolak ansur dan berlaku baik terhadap orang lain dari pelbagai latarbelakang, kaum dan budaya.
- Sebagai Muslim di negara-negara majoriti bukan Islam, kita harus merasa suatu kewajiban bersama untuk kita menyebarkan dan menerangkan keindahan agama kita kepada orang lain melalui perbuatan baik dan melalui sumbangan kita kepada masyarakat sekeliling kita. Usaha untuk mencontohi dan menyebarkan prinsip dan nilai positif ajaran Islam akan memudahkan orang ramai supaya memahami dan menghargai Islam dengan lebih baik.
- Hidup harmoni dalam masyarakat berbilang budaya dan agama tidak akan dapat tercapai tanpa ilmu pengetahuan, kesedaran budaya, dan niat dan usaha untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera dan padu.
- MUIS telah menggariskan Identiti Muslim Singapura (SMI), yang menonjolkan sifat-sifat yang harus dipegang oleh seorang Muslim di Singapura, negara yang berbilang kaum dan agama. Sifat-sifat ini membantu membimbing umat Islam ke arah amalan agama yang progresif dan sesuai untuk konteks Singapura.







BAB 3

PENGENALAN  
KEPADA  
PERATURAN-  
PERATURAN  
ISLAM





## MEMAHAMI PERATURAN-PERATURAN ISLAM

Orang ramai biasanya mengaitkan ajaran Islam dengan istilah seperti ‘halal’ dan ‘haram’, dan hanya menyempitkan ajaran Islam kepada kedua konsep ini sahaja. Pernahkah kita terfikir apakah sebenarnya yang menyebabkan sesuatu itu dibolehkan (halal) atau tidak dibolehkan (haram) dan samada terdapat sesuatu matlamat dan hikmah yang lebih mendalam, yang menjadi asas untuk ketetapan ‘halal’/‘haram’ tersebut? Adakah semua perkara dalam Islam perlu dilihat dari perspektif dualistik yang ketat sebegitu?

Sebagai Muslim, kita percaya bahawa Allah SWT memandu kita dalam kehidupan ini dengan memperincikan apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan. Sebagai Maha Pencipta, Dia menetapkan peraturan-

peraturan ini untuk menyelia kehidupan peribadi dan sosial kita supaya kita dapat hidup dengan aman dan dalam suasana teratur. Dunia ini merupakan tempat tinggal yang sementara – oleh itu, jika kita menempuhnya dengan kesabaran dan sifat perjuangan, Dia sebagai Pencipta kita, pasti akan membalas kita dengan adil dan sewajarnya.

Hukum-hakam mengenai ‘halal’/‘haram’ datang dari dua sumber utama:

### • *Kitab Suci Al-Qur’an*

Ia adalah Kitab Suci yang diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad ﷺ. Ia mengandungi peraturan, cerita, dan penerangan tentang hakikat dunia ini dan selepasnya, iaitu alam akhirat. Ia bertujuan untuk memberi panduan untuk manusia.

- **Sunnah**  
– **Ajaran Nabi Muhammad ﷺ**

Sunnah, atau adakalanya dirujuk sebagai hadis, termasuklah perkataan, perbuatan dan sifat-sifat Nabi Muhammad ﷺ.

Bilamana tiada dalil langsung dari Al-Qur'an dan sunnah, maka kita akan lihat pula pandangan para ulama mengenai sesuatu isu itu. Ini dikenali sebagai kesepakatan ('ijma'). Terdapat juga kaedah lain untuk menetapkan sesuatu peraturan atau undang-undang, seperti kaedah berhujah dengan analogi (*qiyas*) dan lain-lain, tetapi kaedah-kaedah tersebut tidak akan dibincangkan dalam buku ini.



---

## KITAB HADIS SAHIH

Kitab hadis yang masyhur, antara yang lain, terdapat sembilan: Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Jami' At-Tirmidzi, Sunan Abu Dawud, Sunan Ibnu Majah, Sunan An-Nasa'i, Musnad Ahmad, Muwattha' Malik dan Sunan Ad-Darimi.

Kitab-kitab ini, antara lain, dijadikan rujukan oleh para ulama Islam dalam menyampaikan bimbingan agama.



## LIMA HUKUM DALAM ISLAM

Para ulama undang-undang Syariah telah membezakan hukum-hakam kepada lima kategori yang diperincikan di bawah.

Seseorang yang telah baligh dan mempunyai akal yang sihat akan dipertanggungjawabkan atas setiap perbuatan, perkataan dan pemikirannya.

01

### DIMESTIKAN (WAJIB)

Amalan-amalan yang wajib adalah amalan-amalan yang mesti ditunaikan oleh setiap Muslim. Pahala akan diberikan apabila amalan wajib dilaksanakan dan meninggalkannya bererti mendapat dosa. Contohnya termasuk menunaikan solat fardhu lima waktu, menunaikan sedekah wajib (iaitu zakat), dan menghormati kedua ibu bapa kita.

02

### DIGALAKKAN (SUNNAH)

Amalan sunnah adalah perbuatan-perbuatan yang digalakkan tetapi tidak wajib. Istilah ini jangan dikelirukan dengan konsep menyeluruh tentang sunnah (tradisi Nabi Muhammad ﷺ yang merupakan salah satu sumber penetapan hukum). Para ulama Islam telah menetapkan hukum sunnah ini sebagai amalan-amalan yang digalakkan dan dapat meraih ganjaran – tetapi amalan-amalan tersebut tidaklah wajib. Ini bererti jika ianya ditinggalkan, ia tidaklah mendatangkan dosa. Contoh amalan sunat termasuklah solat sunat nawafil (iaitu solat-solat tambahan selain daripada solat fardhu lima waktu) dan memberi sedekah (selain daripada zakat).

03

### DIIZINKAN (MUBAH)

Amalan mubah adalah amalan yang boleh dilakukan. Ianya tidak digalakkan mahupun dilarang. Melakukannya tidak semestinya mendatangkan pahala dan meninggalkannya tidak bererti mendapat dosa. Kebanyakan tindakan dalam kehidupan ini adalah mubah, melainkan terdapat dalil kitab atau tafsiran ulama yang melarangnya. Contoh amalan yang mubah termasuk kegiatan makan dan minum, melancong, dan berjual-beli.

04

### TIDAK DIGALAKKAN (MAKRUH)

Perbuatan makruh adalah perbuatan yang tidak digalakkan dalam Islam. Melakukannya tidak bererti mendapat dosa tetapi meninggalkannya akan meraih pahala. Contohnya seperti makan dan minum dengan tangan kiri, masuk ke dalam tandas dengan kaki kanan, dan memakan makanan yang berbau busuk sebelum menunaikan solat.

05

### DILARANG (HARAM)

Perbuatan haram adalah perbuatan yang tidak diizinkan sama sekali. Melakukannya akan mendatangkan dosa dan meninggalkannya akan meraih ganjaran pahala. Contoh perbuatan haram adalah mencuri, berzina, mengambil bahan atau minuman yang memabukkan, dan membunuh.

## PERBUATAN BERDASARKAN LIMA HUKUM

Di bawah tertera adalah beberapa contoh perbuatan yang diklasifikasikan mengikut lima kategori:

### DIMESTIKAN (WAJIB)

- **Five daily prayers**
- **Fasting in Ramadan**
- **Zakat** (sedekah wajib)
- **Haji** (bagi mereka yang mampu dari segi harta dan kekuatan fizikal)

### DIGALAKKAN (SUNNAH)

- Solat sunat
- Memberi sedekah
- Berpuasa pada hari Isnin dan Khamis
- Berpuasa pada tanggal 13, 14 dan 15 pada setiap bulan-bulan Islam

### DIIZINKAN (MUBAH)

- Berjalan-jalan di taman
- Bersukan
- Membaca buku

### TIDAK DIGALAKKAN (MAKRUH)

- Makan dengan tangan kiri
- Masuk tandas dengan kaki kanan
- Tidur sejurus selepas solat subuh

### DILARANG (HARAM)

- Membunuh
- Berzina
- Mencuri/merompak
- Mengambil bahan atau minuman yang memabukkan
- Mengambil dadah
- Berjudi

Sesungguhnya, matlamat di sebalik hukum-hukum ini adalah untuk memelihara lima keperluan kehidupan sosial. Ini dikenali sebagai ‘Lima Prinsip Dasar’ (*Al-Kulliyah Al-Khams*), dan ia memainkan peranan penting dalam memahami rukun sesebuah masyarakat.



---

## MERAH GANJARAN DARI PERBUATAN MUBAH

Amalan mubah boleh mendatangkan pahala jika ia dilakukan dengan niat beribadat. Sebagai contoh, jika seseorang itu makan dengan niat untuk mendapatkan kekuatan supaya berdaya untuk menunaikan solat, atau jika dia bersenam untuk menguatkan diri supaya dapat berkhidmat kepada masyarakat di jalan Allah, makan perbuatan mubah itu adalah digalakkan dan akan mendatangkan ganjaran pahala.

Sebaliknya, sesuatu yang mubah boleh menjadi haram jika dilakukan secara berlebihan atau mendatangkan mudarat kepada seseorang. Sebagai contoh, kegiatan makan adalah sesuatu yang mubah tetapi ia boleh menjadi makruh seseorang itu makan berlebihan sehingga tidak berdaya untuk menunaikan solat dengan selesa.

Contoh mubah yang lain adalah meminum susu. Jika perbuatan meminum susu itu boleh memudaratkan seseorang yang meminumnya (iaitu mereka akan mendapat reaksi alahan yang teruk daripadanya), maka meminum susu itu haram bagi mereka atas sebab ini.

---



## LIMA PRINSIP DASAR

Lima Prinsip Dasar (*Al-Kulliyah Al-Khams*) adalah suatu cabang penting di dalam ilmu Matlamat Utama Syariah (*Al-Maqasid Ash-Shar'iyah*). Kefahaman tentang Lima Prinsip Dasar ini dapat membantu seseorang Muslim untuk lebih menghargai lima jenis hukum yang dibincangkan sebelum ini. Fungsi peraturan-peraturan dalam undang-undang Islam adalah untuk melindungi prinsip-prinsip dasar ini supaya kita dapat mencapai kehidupan peribadi dan sosial yang aman dan teratur.

### 1. Memelihara Agama (*Deen*)

Agama memainkan peranan penting dalam membina masyarakat. Ia merupakan suatu ciri unik yang membezakan manusia dari makhluk yang lain. Ia menghubungkan manusia kepada sesuatu matlamat kehidupan yang lebih utama – Yang Maha Pencipta. Oleh itu, agama adalah suatu aspek kehidupan yang dilindungi oleh Syariah.

Contohnya, memusnahkan tempat ibadat adalah haram kerana kemudaratan yang ditimpakan keatas pengamalan agama, yang mana ia menghalang manusia daripada melakukan ibadah.



### 2. Memelihara Nyawa (*Nafs*)

Nyawa dan kehidupan adalah sesuatu yang suci di dalam Islam. Oleh itu, membunuh seseorang, membunuh diri atau melakukan apa-apa yang boleh mengancam nyawa manusia tidaklah dibenarkan. Allah SWT berfirman:

... وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ  
ذَلِكَمُ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٥١﴾

“... Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya.”  
(Qur'an 6:151)

Malahan, kita juga dilarang membunuh haiwan tanpa sebarang alasan yang sah seperti untuk makanan atau untuk melindungi diri daripada bahaya.





### 3. Memelihara Akal ('Aql)

Akal manusia merupakan suatu anugerah dari Allah SWT yang sepatutnya digunakan dengan sebaik mungkin. Ia membolehkan manusia membezakan antara yang benar dan salah, dan membimbing mereka untuk membuat keputusan secara rasional. Justeru, meminum arak (atau minuman yang memabukkan) adalah dilarang kerana ia memudaratkan akal manusia. Apabila seseorang minum minuman tersebut, mereka akan kehilangan sebahagian atau kesemua kawalan pemikiran mereka dan boleh membuat perkara yang terburu-buru. Allah SWT berfirman di dalam Al-Qur'an:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ  
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تَفْلَحُونَ ﴿٩٠﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.” (Qur'an 5:90)*



### 4. Memelihara Keturunan (Nasab)

Keturunan menjamin supaya manusia akan terus-menerus ada. Bukan sahaja penting untuk memelihara kesinambungan keturunan, tetapi penting juga untuk mendidik keturunan dan melindunginya daripada pengaruh negatif – supaya anak keturunan dapat membesar dan menjadi manusia yang mempunyai arah tuju.

Zina adalah haram kerana ia menjejaskan keturunan, kerana anak luar nikah tidak akan mempunyai bapa yang sah. Pada masa yang sama, ia juga menjejaskan maruah manusia.





### 5. Memelihara Harta (Kekayaan)

Harta adalah sebahagian daripada perkara yang dimiliki manusia. Islam meletakkan hak pada harta benda. Ini bererti bahawa cara untuk mendapatkan sesuatu harta atau kekayaan mestilah halal. Ia disebut di dalam Al-Qur'an:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ  
وَتُدْءُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا  
مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ

﴿١٨٨﴾

*"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)." (Qur'an 2:188)*

Maka itu, mencuri, menipu, menyeleweng harta, berjudi dan mengambil atau memberi rasuah, diantara perkara yang diharamkan kerana perbuatan-perbuatan tersebut melibatkan mengambil harta orang lain dengan salah.

Penjelasan ini menggambarkan bagaimana peraturan-peraturan Islam secara amnya ditentukan oleh matlamat-matlamat Syariah.

Ini boleh digunakan sebagai panduan kasar supaya kita dapat memahami bagaimana dan mengapa sesuatu perkara itu dibenarkan atau sebaliknya.

Tuntasnya, untuk mendapatkan kefahaman dan penjelasan yang lebih mendalam tentang status sesuatu perbuatan dan hujah disebaliknya, kita dinasihatkan supaya merujuk kepada guru-guru agama (asatizah) yang bertauliah di Singapura.



---

## MENGAKUR BATASAN AKAL FIKIRAN MANUSIA

Dalam usaha untuk memahami agama secara intelektual, walaupun akal fikiran manusia sangat berkebolehan, kita juga perlu akur dengan kebatasannya yang terhad disebabkan kelemahan atau sifat berat sebelah.

Adakalanya sukar untuk memahami kedudukan sesuatu perbuatan dalam Islam, dan sebab-sebabnya, dengan serta-merta.

Oleh itu, penting untuk kita mengakui batas akal fikiran manusia dan menerima kebijaksanaan dan pengetahuan Allah SWT yang lengkap dan sempurna. Malah, 'Islam' bermakna menyerah kepada ketentuan dan kekuasaan Allah SWT.

Kita berdoa supaya kita dapat hidup dengan mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangannya, dengan tujuan untuk mencapai keredhaan-Nya.

## RINGKASAN BAB

- Peraturan dan hukum-hakam dalam Islam terutamanya dinukil dari Al-Qur'an dan sunnah (amalan Nabi Muhammad ﷺ).
- Terdapat lima hukum yang utama dalam Islam: Dimestikan (Wajib), Digalakkan (Sunnah), Diizinkan (Mubah), Tidak Digalakkan (Makruh), Dilarang (Haram).
- Peraturan dan ketetapan dalam Islam, secara amnya, bertujuan untuk melindungi Lima Prinsip Dasar (*Al-Kulliyah Al-Khams*): Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan Harta.



The background of the entire page is a repeating geometric pattern in a teal color. It consists of interlocking squares and diamonds, creating a lattice-like effect. The pattern is centered and covers the entire area.

## BAB 4

# ORGANISASI ISLAM DI SINGAPURA



## KEPENTINGAN PERTUBUHAN ISLAM DI SINGAPURA

Seperti golongan lain dalam masyarakat kita, masyarakat Islam juga sama-sama terdorong untuk berkembang dan menyesuaikan diri menghadapi keperluan dalam suasana sekeliling, kerana kita berada dalam masyarakat berbilang kaum dan agama, dan kita hidup dalam sebuah negara yang berkembang pesat, yang sentiasa bersaing untuk menjadi antara yang terbaik di dunia.

Apabila kita menuju kearah suatu era global dengan masyarakatnya yang semakin berpelbagai, pastinya kita dihadapi dengan cabaran, soalan dan gagasan yang baru. Maka itu, sangat penting wujudnya badan pentadbiran Islam yang mengelolakan hal-hal berkaitan agama dan membantu masyarakat kita menangani isu-isu yang baru ini bersama-sama. Lebih penting lagi, untuk melindungi pengamalan agama Islam dalam masyarakat Singapura yang sekular,

kita memerlukan pihak berkuasa Islam yang bukan sahaja menggalakkan imej positif dan kefahaman yang lebih baik tentang Islam, tetapi juga menggalakkan perpaduan sosial yang lebih erat antara orang Islam dan bukan Islam.

Oleh itu, salah satu peranan pertubuhan Islam di Singapura adalah untuk memimpin dan menyokong masyarakat Islam, dan membantu mereka untuk mengasimilasi dan menyepadukan diri dalam masyarakat Singapura amnya dengan lebih mudah. Ini termasuklah membantu dan membimbing anggota masyarakat yang baru sahaja memeluk agama Islam.

Di Singapura, beberapa pertubuhan Islam yang paling terkemuka termasuklah Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam Singapura), dan sekolah-sekolah agama sepenuh masa (madrasah). Dalam bab ini, kita akan melihat beberapa organisasi yang berbeza, dan meneroka peranan yang mereka mainkan dalam masyarakat Islam Singapura.



## MAJLIS UGAMA ISLAM SINGAPURA (MUIS)

Pemerintah mengiktiraf peranan positif agama dalam masyarakat kita yang pelbagai, dan menyokong penglibatan agama dalam pembangunan masyarakat kita, dan bukan hanya bagi masyarakat Islam. MUIS merupakan badan utama yang mentadbirkan semua hal-ehwal Muslim di Singapura.

MUIS ditubuhkan sebagai badan berkanun pada tahun 1968 apabila Akta Pentadbiran Undang-Undang Muslim (AMLA) diluluskan. Di bawah AMLA, MUIS menasihati Presiden Singapura mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam. Ia adalah lembaga berkanun di Singapura di bawah Kementerian Kebudayaan, Komunikasi dan Belia (MCCY).

MUIS diketuai dan dinasihati oleh sebuah Majlis, yang mana ahli majlisnya dilantik oleh Presiden Republik Singapura. Keutamaan Majlis MUIS adalah untuk menetapkan agenda Islam, melentur kehidupan beragama dan mengacukan Identiti Muslim Singapura.<sup>3</sup>



### MCCY


Kementerian Kebudayaan, Komunikasi dan Belia (MCCY) berusaha untuk memberi inspirasi kepada rakyat Singapura melalui wadah seni dan sukan, mengeratkan pertalian kemasyarakatan, dan menggalakkan kesukarelawanan dan kedermawanan.



## APAKAH PEMBENTUKAN MAJLIS MUIS?

Majlis MUIS adalah badan keseluruhan yang membuat Keputusan dan bertanggungjawab untuk penggubalan dasar dan rancangan operasi.

Majlis ini dianggotai oleh Presiden MUIS, Mufti Singapura, Ketua Eksekutif MUIS, serta ahli-ahli yang disyorkan oleh Menteri Hal Ehwal Muslim dan yang dicalonkan oleh pertubuhan-pertubuhan Islam.



<sup>3</sup> Didapatkan pada 19 November 2018 dari <https://www.muis.gov.sg/About-MUIS/History>



## PERANAN DAN FUNGSI MUIS

Selain daripada bekerjasama rapat dengan pertubuhan Islam lain untuk membantu masyarakat dalam mencapai kecemerlangan, peranan MUIS dapat dilihat dalam sektor berlainan seperti keagamaan, sosial dan pendidikan..

### KEAGAMAAN

#### Pengurusan Haji

MUIS bertanggungjawab keatas pengurusan haji dan ia telah melancarkan sistem untuk memastikan proses yang baik dan pentadbiran yang betul buat jemaah haji, atau bakal jemaah haji.

#### Pensijilan Halal

Sebagai pihak berkuasa yang mengawal pensijilan halal di Singapura, MUIS juga bertanggungjawab keatas pensijilan tempat-tempat makan dan produk halal di sini. MUIS menilai setiap permohonan berdasarkan keperluan dan garis panduan yang memenuhi syarat halal MUIS.

#### Pentadbiran Waqaf

MUIS juga mentadbir dan menguruskan hal-hal berkaitan waqaf, dan mempunyai kuasa keatas penjualan dan pembangunan aset wakaf.

#### Pengagihan Zakat

MUIS bertanggungjawab mengumpulkan zakat dan mengagihkannya kepada golongan fakir miskin. Selain zakat, MUIS juga menyediakan bantuan kewangan untuk golongan yang memerlukan, melalui geran seperti Bonus Ramadan dan Geran Akhir Tahun.

## PENDIDIKAN

### **Pendidikan Islam**

MUIS merupakan badan utama yang bertanggungjawab keatas pentadbiran semua madrasah dan Pendidikan Islam (IE) di Singapura. Dengan agenda yang telah ditetapkan, MUIS memastikan supaya sektor Pendidikan Islam di Singapura memenuhi keperluan penuntut ilmu di pelbagai peringkat, termasuk yang muda dan tua.

### **Pembangunan Masjid**

MUIS ditugaskan dengan pembinaan masjid-masjid di Singapura dan meningkatkan kefahaman dan pengamalan agama masyarakat Islam. Dana Pembinaan Masjid dan Mendaki (MBMF) di bawah MUIS digunakan untuk membina masjid-masjid baru dan menaik taraf masjid-masjid yang lama, disamping menyokong inisiatif-inisiatif Pendidikan agama.

### **Program Musiman**

MUIS menjalankan program musiman untuk menggalakkan penglibatan dan perpaduan dalam masyarakat kita yang berpelbagai. Sebagai contoh, pada bulan Ramadan, masjid-masjid akan menganjurkan sesi iftar dan menjemput masyarakat, termasuk orang bukan Islam, untuk menyertai acara dan suasana yang dialami umat Islam di sekeliling dunia sepanjang bulan itu.

### **Lingkar antara Kaum / Antara Agama**

Pemimpin masjid bekerjasama dengan organisasi akar umbi, Jawatankuasa Perundingan Rakyat (CCC), dan Kumpulan Keyakinan Antara Kaum dan Agama (IRCC) untuk mempromosikan keharmonian kaum dan agama di Singapura.

## SOSIAL

## SEBAHAGIAN DARIPADA FUNGSI DAN TUGAS MUIS<sup>4</sup>:

- Menasihati Presiden Singapura mengenai perkara berkaitan dengan agama dan umat Islam di Singapura;
- Mentadbirkan hal-hal yang berkaitan dengan agama dan umat Islam di Singapura, termasuklah semua perkara yang berkenaan dengan haji atau pensijilan halal;
- Mentadbirkan semua endowmen dan dana Muslim yang tertakluk dibawah namanya melalui amanah atau undang-undang bertulis;
- Menguruskan pengumpulan zakat fitrah dan dana-dana amal kebajikan yang lain untuk menyokong dan mempromosikan agama Islam atau untuk memanfaatkan masyarakat Islam, bersesuaian dengan AMLA;
- Mentadbir semua masjid dan sekolah-sekolah agama Islam di Singapura; dan
- Menjalankan semua kerja dan fungsi yang ditugaskan keatas Majlis MUIS di bawah atau melalui AMLA atau mana-mana undang-undang tertulis yang lain.



<sup>4</sup> Didapatkan pada 19 November 2018 dari <https://sso.agc.gov.sg/Act/AMLA1966>



## APA ITU FATWA?

Fatwa, atau ketetapan perundangan Islam, adalah suatu pendapat undang-undang atau dekri yang diberikan oleh seorang pemimpin agama Islam. Di Singapura, Pejabat Mufti MUIS bertindak sebagai Urusetia Jawatankuasa Fatwa dan ia bertanggungjawab keatas pengendalian tugas dan operasi yang berkaitan dengan pengeluaran fatwa, dengan tujuan untuk memudahkan orang Islam dalam menghadapi isu-isu dalam masyarakat yang kian mendesak.

Adakalanya, pakar-pakar akan dijemput dalam perbincangan fatwa. Sebagai contoh, Jawatankuasa Fatwa telah menjemput ahli sains dan peguam untuk menawarkan kepakaran mereka dalam isu-isu

yang khusus, lantas membantu dalam proses penentuan fatwa.<sup>5</sup>

Di Singapura, fatwa-fatwa diberikan dalam pelbagai isu. Contohnya, di dalam isu akidah dan keimanan Islam, terdapat fatwa untuk memberi amaran kepada masyarakat Islam tentang ajaran dalam kumpulan-kumpulan agama yang palsu.

Di dalam bidang kewangan dan hartanah, terdapat fatwa untuk menangani perkara yang berkaitan dengan Tabung Simpanan Pekerja (CPF)<sup>6</sup>. Fatwa juga dikeluarkan untuk isu nasional yang lebih khusus, seperti keperluan mengurangkan waktu menunggu untuk organ pemindahan dan keperluan untuk menyediakan Bank Susu Ibu di Singapura untuk menyelamatkan bayi pramatang.

<sup>5</sup> Diambil pada 23 October 2018 dari <https://www.muis.gov.sg/officeofthemufti/Fatwa>

<sup>6</sup> CPF (Tabung Simpanan Pekerja) adalah skim simpanan keselamatan sosial wajib yang dibiayai oleh sumbangan dari majikan dan pekerja, dan merupakan tulang utama sistem keselamatan sosial di Singapura yang bertujuan untuk memenuhi keperluan persaraan, perumahan dan penjagaan kesihatan kita.

## BAGAIMANA FATWA SINGAPURA BERBEZA DARIPADA NEGARA LAIN?

Apabila kita teliti fatwa yang dikeluarkan di Singapura berbanding dengan negara lain, kita akan dapati sedikit perbezaan. Perbezaan ini, antara sebab-sebab lain, timbul kerana terdapat perbezaan dalam konteks negara yang mengeluarkan sesuatu fatwa.

Ini berdasarkan kaedah perundangan bahawa ketetapan undang-undang akan berubah mengikut konteks yang berubah, seperti kelainan masa, tempat, persekitaran, amalan, penerimaan awam, dan bukti kuantitatif dan saintifik.

Oleh kerana tiada dua masyarakat yang menghadapi isu yang sama, maka orang Islam dinasihatkan supaya mengikut ketetapan undang-undang yang dibuat oleh majlis agama dalam negara mereka sendiri tanpa membanding-bandingkannya dengan ketetapan yang dibuat oleh majlis agama di negara lain.

Sebagaimana para warganegara sedunia harus menghormati peraturan di dalam negara mereka bermastautin, orang Islam juga perlu menghormati nasihat dan bimbingan agama Islam yang diberikan oleh pihak berkuasa Islam di negara tersebut.

---

## MUSLIM CONVERTS' ASSOCIATION OF SINGAPORE (DARUL ARQAM SINGAPURA)

Muslim Converts' Association of Singapore (MCAS) dibentuk pada tahun 1979 dengan niat untuk menyokong saudara Muslim yang baru dengan menyediakan bantuan kebajikan dan bimbingan keagamaan. Sejak itu, MCAS telah menjadi suatu pusat untuk saudara Muslim yang baru untuk bertemu dan membangunkan hubungan persaudaraan, agama dan sosial di dalam masyarakat.

### **Khidmat-Khidmat di MCAS**

MCAS merupakan sebuah ruang yang selamat untuk sesiapa sahaja - penduduk tempatan dan orang asing, yang dilahirkan Muslim, saudara baru Muslim, malah orang yang bukan Islam juga – untuk memeluk agama Islam atau belajar lebih lanjut tentang Islam dalam bahasa Inggeris. Ia menyediakan suasana kondusif yang bersemangat untuk menuntut ilmu, berbincang dan membina kerohanian.

### **Antara peranan MCAS<sup>7</sup> adalah :**

- menyediakan bimbingan keagamaan dan bantuan kepada ahlinya bila diperlukan;

---

<sup>7</sup> Didapatkan pada 19 November 2018 dari <http://www.darul-arqam.org.sg/corporate/>

- menganjurkan aktiviti keagamaan, kesasteraan, dan rekreasi, dan menerbitkan artikel dan/atau bahan bacaan Islamik;
- menyertai dan menyediakan khidmat kebajikan untuk masyarakat di mana perlu (seperti mengeluarkan Kad Penukaran Agama, membayar balik tambang pengangkutan, bayaran untuk khatan, dan bayaran penukaran nama pada kad identiti setelah memeluk Islam); dan
- mewakili kepentingan semua muallaf yang menetap di Singapura.



## TAHUKAH ANDA?

MCAS juga dikenali sebagai Darul Arqam Singapura untuk menyanjung Arqam atau Abu Abdullah Arqam bin Abi al-Arqam, seorang yang memeluk Islam semasa tiga tahun pertama kenabian Nabi Muhammad ﷺ di Makkah. Beliau telah mengizinkan rumahnya untuk digunakan buat pembelajaran dan penyebaran agama Islam pada ketika itu.





## Sesi Mengenal Islam (KIS)

Bagi memudahkan muallaf atau bakal muallaf untuk mempelajari asas agama Islam, MCAS menawarkan Sesi Mengenal Islam (KIS), iaitu satu sesi untuk berjalan-masuk tanpa perlu pendaftaran.

Topik dalam sesi ini termasuklah kepercayaan kepada Tuhan yang Esa, Nabi Muhammad ﷺ dan Nabi-Nabi yang terdahulu, kesempurnaan petunjuk dari Allah SWT, dan penjelasan mengenai istilah-istilah dalam Islam.

## Kursus Permulaan dalam Islam (BCI)

MCAS juga menawarkan kursus tentang asas pengetahuan dalam Islam, amalan-amalan utamanya dan hikmah di sebalik amalan-amalan tersebut. Selepas menghadiri KIS yang disebutkan di atas, para pelajar kemudian boleh menghadiri Kursus Permulaan dalam Islam (BCI), yang meliputi teras kepercayaan Islam dan kehidupan sebagai Muslim. Pendaftaran untuk kursus BCI ini biasanya dibuka sebulan sebelum ia dimulakan.

## MCAS Berkawan (Befrienders)

Inisiatif Skim Berkawan oleh MCAS menyediakan sokongan untuk orang ramai yang berminat untuk memeluk Islam. Objektif program ini adalah untuk membantu saudara Muslim yang baru untuk mengintegrasikan diri mereka ke dalam masyarakat sebagai seorang Muslim melalui aktiviti, program dan penglibatan masyarakat.

## PENDIDIKAN ISLAM DI SINGAPURA

Mempelajari agama Islam merupakan satu aktiviti utama untuk hampir setiap keluarga Muslim di Singapura. Di Singapura, terdapat enam institusi pendidikan Islam swasta sepenuh masa yang dipanggil madrasah, yang memberikan kedua-duanya pendidikan akademik dan keagamaan daripada peringkat







sekolah rendah hingga ke peringkat pra-universiti.

Madrasah-madrasah tersebut adalah Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah, Madrasah Al- Maarif Al-Islamiah, Madrasah Aljunied Al-Islamiah, Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Madrasah Irsyad Zuhri Al-Islamiah, and Madrasah Wak Tanjong Al-Islamiah.

Secara amnya, mata pelajaran sekular dan sukatan pelajaran yang terkandung di madrasah-madrasah serupa dengan sekolah kebangsaan yang lain di Singapura. Seperti pelajar di sekolah sekular yang lain, pelajar madrasah sepenuh masa juga dikehendaki untuk menduduki peperiksaan kebangsaan seperti PSLE, GCE Peringkat 'O' atau Peringkat 'A' di akhir pendidikan mereka di sekolah rendah, menengah atau pra-universiti.

Mata pelajaran agama dan sukatan pelajaran di madrasah disarankan oleh MUIS, walaupun cara penyampaian

mungkin berbeza-beza. Bagi Madrasah Irsyad Zuhri Al-Islamiah, mata pelajaran agama disampaikan di dalam bahasa Inggeris, manakala kebanyakan madrasah yang lain menyampaikannya di dalam bahasa Arab atau Melayu.





---

## INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM / MADRASAH SEPARUH MASA

Selain daripada madrasah sepenuh masa, masyarakat Islam di sini boleh juga mendaftar dalam kelas-kelas yang ditawarkan secara separuh masa oleh sektor Pendidikan Islam.

Tambahan dari 27 madrasah sambilan di masjid-masjid merata Singapura, pertubuhan lain seperti Pergas, Muhammadiyah, Perdaus, Al-Zuhri, malahan MCAS juga, menawarkan Pendidikan Islamik secara separuh masa.

Sektor Pendidikan Islam separuh masa tidak jauh di belakang teman-teman mereka di dalam sektor sepenuh masa kerana sudah terdapat peningkatan yang ketara dalam penyertaan sektor sambilan sejak program aLIVE (Learning Islamic Values Everyday), dan Inisiatif ADIL (Adults Islamic Learning) diperkenalkan di masjid-masjid.

---

## SISTEM MADRASAH BERSAMA (JMS)

Untuk memastikan madrasah kekal relevan dan memberikan pengalaman pendidikan yang progresif untuk para pelajar, MUIS telah meningkatkan pelaburannya dalam sumber-sumber yang berusaha untuk memperkasakan sektor madrasah secara keseluruhan, disamping mengekalkan kualiti sukatan pelajaran mereka.

Sistem Madrasah Bersama (JMS), contohnya, telah dilaksanakan untuk memperbaiki mutu pendidikan

madrasah. Dalam JMS, tiga madrasah, Madrasah Irsyad Zuhri, Madrasah Aljunied dan Madrasah Al-Arabiah, berusaha untuk saling melengkapi kurikulum masing-masing untuk menekankan aplikasi konsep agama dalam masyarakat moden. Pengenalan JMS boleh membantu mencetus sebuah generasi Muslim baru yang progresif dan dapat menerapkan kepercayaan mereka dengan cemerlang dalam konteks masyarakat moden Singapura.

## PERANAN LALUAN PENDIDIKAN ISLAM YANG LAMA TERTUBUH

Adanya institusi Pendidikan Islam di Singapura - samada sepenuh atau separuh masa - adalah penting kerana ia memastikan bahawa masyarakat Islam Singapura terus terdorong untuk meningkatkan ilmu, meneroka dan mempunyai hak milik dalam pandangan sosio-agama perspektif mereka. Tambahan pula, sistem Pendidikan Islam yang ditetapkan dengan baik boleh membantu membentuk komuniti supaya menjadi lebih inklusif dan lebih kritis terhadap idea yang melampau, justeru mencetuskan masyarakat Islam yang berpengetahuan luas dan berilmu, yang dapat mengaplikasikan ilmu mereka dengan konteks dalam sosio-realiti agama yang beraneka ragam.

Pendidikan adalah kunci untuk memajukan masyarakat kita, lantas menyebabkan peranan madrasah yang sangat penting dalam masyarakat Islam. Semoga sektor Pendidikan Islam terus berkembang supaya

umat Islam di hari esok dapat terus menyampaikan nilai-nilai positif Islam kepada generasi Muslim akan datang di Singapura, yang akan berkhidmat untuk memenuhi keperluan masyarakat dan menyumbang ke arah kesejahteraan.



## RINGKASAN BAB

- Peranan pertubuhan-pertubuhan Islam di Singapura adalah untuk memimpin dan membantu masyarakat Muslim tempatan mengasimilasikan dan menyepadukan diri ke dalam masyarakat luas Singapura dengan lebih mudah.
- MUIS adalah badan utama yang mengendalikan hal-ehwal umat Islam di Singapura, dalam pelbagai sektor-sektor agama, sosial dan pendidikan. Sebahagian daripada tanggungjawabnya termasuklah pengurusan haji, pensijilan halal, pengurusan waqaf, pengutipan zakat, pembinaan masjid di Singapura, dan pentadbiran madrasah dan institusi Pendidikan Islam di Singapura.
- Fatwa-fatwa bertujuan untuk memudahkan masyarakat Islam dalam menghadapi isu-isu yang terdesak dalam masyarakat. Orang Islam sepatutnya mengikuti fatwa yang dibuat oleh majlis agama di negara yang mereka duduki, kerana fatwa mengambil kira konteks, keadaan dan persekitaran yang unik di negara tersebut.
- Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam Singapura) merupakan organisasi yang prihatin tentang kebajikan saudara Muslim yang baru. Ia mewakili kepentingan semua muallaf yang bermastautin di Singapura dan memberikan bimbingan agama dan bantuan dalam apa jua perkara yang mungkin dihadapimereka sebagai anggota baru masyarakat Islam.
- Singapura mempunyai enam institusi Pendidikan Islam swasta sepenuh masa, yang dikenali sebagai madrasah. Selain madrasah sepenuh masa, umat Islam di sini juga mempunyai pilihan untuk mendaftar di kelas-kelas yang ditawarkan oleh institusi dan organisasi Pendidikan Islam sambilan yang menawarkan kedua-dua kursus agama yang berjangka pendek dan panjang.







**BAB 5**

**MAHKAMAH  
SYARIAH  
SINGAPURA**



## KOD PERUNDANGAN ISLAM

Ajaran Islam yang mula diturunkan lebih daripada 1,400 tahun dahulu, dan ia merangkumi sebuah sistem kehidupan yang menyeluruh dan relevan untuk semua manusia, tidak kira masa atau tempat. Wahyu yang datang dari Allah SWT dan ajaran yang dibawa Nabi Muhammad ﷺ, tidak terhad kepada kepercayaan budaya dan moral, tetapi termasuk juga kod perundangan yang sesuai untuk dilaksanakan dalam kehidupan seharian kita sebagai penghuni bumi ini. Sebagai orang Islam, kita percaya bahawa Allah SWT yang telah menciptakan alam semesta, dan ini termasuklah ciptaan manusia. Oleh itu, tiada sesiapa melainkan Maha Pencipta yang paling mengetahui tentang sistem-sistem yang paling sesuai untuk mentadbir kehidupan kita. Seperti dinyatakan dalam Al-Qur'an:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٤﴾

*"Tidaklah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-*

*galanya)? Sedang Ia Maha Halus urusan PentadbiranNya, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya!" (Qur'an 67:14)*

## MAKSUD SYARIAH DALAM ISLAM

Perkataan *syariah* secara harfiah bermaksud 'jalan ke tempat siraman air' - jalan yang lurus yang harus diikuti dan jalan yang harus dilalui oleh orang yang beriman untuk mendapatkan petunjuk di dunia dan di akhirat. Dari segi istilah, syariah ditakrifkan sebagai undang-undang Islam yang terdiri daripada perintah, larangan, petunjuk dan prinsip yang Allah SWT telah tujukan kepada manusia berkaitan dengan kelakuan mereka di dunia dan akhirat.

Sumber-sumber syariah yang utama dalam menyimpulkan hukum-hakam terutamanya terkandung di dalam:

- Al-Qur'an; dan
- Teladan ucapan dan tingkah laku Nabi Muhammad ﷺ yang dikenali sebagai **Sunnah**.

Perkataan syariah disebutkan di dalam ayat Al-Qur'an berikut:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا  
وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

*"Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utusan engkau) menjalankan satu Syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutlah Syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar)." (Qur'an 45:18)*

Islam menekankan prinsip persamaan, dan semua manusia adalah sama di sisi undang-undang. Allah berfirman di dalam Al-Qur'an:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن ذَكَرٍ  
وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ  
إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

*"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)." (Qur'an 49:13)*

Selain ritual dan ketetapan undang-undang, syariah juga merangkumi prinsip-prinsip khusus dan objektif-objektif yang lebih tinggi.

Objektif utama syariah adalah untuk melindungi manusia daripada bahaya dan membawa manfaat kepada manusia. Nabi Muhammad ﷺ sentiasa mengamalkan toleransi dan belas kasihan, seperti yang disebutkan dalam Al-Qur'an:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

*"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam." (Qur'an 21:107)*

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا  
وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

*"Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)." (Qur'an 34:28)*

Dari ayat-ayat diatas, kita dapat memahami bahawa Nabi Muhammad ﷺ diutuskan oleh Allah SWT kepada seluruh umat manusia untuk menyebarkan syiar Islam, dan ianya bukan terhad kepada umat pada zamannya sahaja.



## PENUBUHAN MAHKAMAH SYARIAH

Sebagai sebuah masyarakat berbilang etnik dan agama, yang mana masyarakat Islam merupakan sebuah kumpulan minoriti, Singapura merupakan satu contoh yang baik bagi pluralisme undang-undang formal di mana Mahkamah Syariah menggunakan undang-undang khas yang digubal secara eksklusif untuk penduduk Islam Singapura. Undang-undang berkaitan pernikahan, perceraian, perwalian dan pewarisan orang Islam di Singapura dibentuk di bawah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam 1966 (AMLA<sup>8</sup>).

Mahkamah Syariah terutamanya mentadbirkan undang-undang keluarga Islam dan ia diberi kuasa untuk menyelesaikan pertikaian rumahtangga dalam perkahwinan orang Islam dan menyediakan bantuan untuk wanita Muslim sekiranya berlaku perceraian.

### Visi

---

Mahkamah yang boleh dipercayai, dinamik dan adil, yang menimbulkan keyakinan

### Misi

---

- Untuk memelihara/menyelamatkan perkahwinan.
- Untuk menyelesaikan perceraian dengan cara yang baik.
- Untuk mencapai dan menyampaikan kesudahan yang adil



---

<sup>8</sup> Rujuk kepada Bab 4: Organisasi Islam di Singapura untuk butiran lebih mengenai AMLA

Mahkamah Syariah telah menjadi institusi dalam menyelesaikan pertikaian antara pihak bercerai. Sehubungan dengan ini, ia telah menjadi falsafah Mahkamah Syariah untuk memperjuangkan keadilan dan untuk mentadbir dengan adil dan berkesan kes sebelum ini. Ini selaras dengan ayat-ayat Al-Qur'an berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَى أَنْفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ  
وَالْأَقْرَبِينَ إِنْ يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَنْ تَعْدِلُوا وَإِنْ  
تَلَوْا أَوْ تَعْرَضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٥٣١﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaupun orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.” (Qur'an 4:135)



## ADAKAH SAYA AKAN DIBERIKAN LAYANAN YANG BERBEZA SEBAGAI MUALLAF?

Beberapa kebimbangan yang ditimbulkan oleh muallaf adalah kerisauan jika mahkamah tidak akan berlaku adil terhadap mereka. Mahkamah Syariah memperjuangkan keadilan dan setiap klien akan diberikan layanan dan hak yang sama seperti mana yang tertera dalam visi, misi, dan falsafah mereka.



## JENIS KES APAKAH YANG DIURUSKAN DI MAHKAMAH SYARIAH?

Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa apabila semua pihak yang terbabit beragama Islam, atau di mana pihak-pihak tersebut bernikah di bawah undang-undang Islam. Bidang kuasanya boleh digunakan jika salah satu pihak bermastautin di Singapura atau lazimnya bermastautin di Singapura.<sup>9</sup>

Mahkamah Syariah menggunakan undang-undang Islam dalam semua perkara. Bidang kuasanya, bagaimanapun, terhad kepada masalah perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan, pelupusan atau pembahagian harta, penjagaan anak, pembayaran mas kahwin (mahr), perbelanjaan perkahwinan, nafkah, dan hadiah saguhati (muta'ah).



### **Program Kaunseling Perkahwinan**

Pihak yang ingin mendapatkan bantuan berkaitan rumahtangga mereka boleh mendaftar di Mahkamah Syariah. Sebagai usaha menyelamatkan perkahwinan, Mahkamah Syariah juga bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk menyediakan khidmat kaunseling wajib, di mana pihak-pihak yang terbabit akan dirujuk ke Program Kaunseling Perkahwinan di agensi kaunseling yang dilantik. Program ini diwajibkan supaya membantu kesemua pihak untuk berbincang tentang rumahtangga mereka dan membuat keputusan yang dipimpin mengenai masa depan rumahtangga mereka. Mereka juga boleh meminta asatizah untuk menghadiri dan turut serta dalam sesi kaunseling tersebut.

### **• Pengantaraan dan Timbang Tara**

Islam memerintahkan kita supaya mengamalkan penyelesaian secara damai dalam menghuraikan perselisihan. Untuk menggalakkan penyelesaian secara baik antara pihak, selaras dengan misi Mahkamah Syariah, pengantaraan adalah sesuatu proses yang wajib di Mahkamah Syariah. Pihak-pihak yang terlibat dikehendaki mencuba proses pengantaraan sebagai suatu kaedah untuk mencapai penyelesaian secara damai mengenai perceraian dan juga perkara-perkara sampingan berhubung dengan perceraian. Sekiranya terdapat persetujuan bersama, perceraian

---

<sup>9</sup> Rujuk kepada Seksyen 25 di bawah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (AMLA)



boleh dibicarakan pada hari yang sama, dengan syarat ia sesuatu yang boleh diterima oleh Mahkamah.

Bilamana kesemua pihak tidak dapat mencapai kesepakatan, atau salah satu pihak tidak bersetuju untuk bercerai, Mahkamah Syariah juga menawarkan timbang tara. Mahkamah Syariah boleh memerintahkan atau menasihati kedua-dua pihak untuk melantik seorang penimbang tara (hakam) bagi mewakili pihak suami dan pihak isteri.

Penimbang tara yang dilantik akan berusaha untuk mendamaikan jika terdapat kemungkinan, ataupun berusaha untuk memudahkan perceraian dengan cara yang damai. Sekiranya pendamaian tidak dapat dilakukan, penimbang tara akan memberikan laporan kepada Mahkamah sama ada perceraian boleh dibenarkan.

Amalan timbang tara diambil dari ayat Al-Qur'an di bawah:

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ  
وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ  
بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا ﴿٣٥﴾

*"Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuanNya." (Qur'an 4:35)*

## • Pengeluaran Sijil Pusaka

Mahkamah Syariah juga merupakan satu-satunya institusi di Singapura yang diberi kuasa untuk mengeluarkan Sijil Pusaka. Apabila seorang Muslim yang bermastautin di Singapura meninggal dunia tanpa sebarang wasiat, harta pusakanya akan diagihkan mengikut hukum Islam<sup>10</sup>. Sijil Pusaka memudahkan pembahagian harta pusaka si mati mengikut hukum syarak.

Umat Islam yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai waris yang berhak ke atas harta pusaka si mati, boleh membuat semakan pantas melalui ‘pengiraan perbicaraan’ dengan melayari laman web Mahkamah Syariah di [www.syariahcourt.gov.sg](http://www.syariahcourt.gov.sg). Permohonan Sijil Pusaka boleh dibuat secara dalam talian melalui laman web Mahkamah Syariah.

## PENGUATKUASAAN PERINTAH MAHKAMAH SYARIAH

Mahkamah Syariah secara amnya tidak menguatkuasakan perintahnya sendiri. Dalam kes di mana satu pihak ingkar dalam melaksanakan surat ikatan atau menandatangani dokumen yang diperintahkan oleh Mahkamah, pihak yang satu lagi boleh memohon kepada Mahkamah Syariah untuk menguatkuasakan perintah itu melalui kuasa proksi. Apabila terdapat pelanggaran perintah Mahkamah Syariah mengenai nafkah (iddah atau muta’ah), harta atau hak penjagaan, ia boleh dikuatkuasakan di Mahkamah Keadilan Keluarga.



---

<sup>10</sup> Rujuk kepada Seksyen 112 di bawah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (AMLA)



## BAGAIMANA JIKA SAYA TIDAK BERPUAS HATI DENGAN KEPUTUSAN MAHKAMAH SYARIAH?

Jika terdapat pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Syariah, mereka boleh membuat rayuan dengan Lembaga Rayuan dalam tempoh 30 hari dari tarikh daripada perintah mahkamah. Lembaga Rayuan mendengar rayuan terhadap Keputusan Mahkamah Syariah dan Pejabat Pendaftaran Perkahwinan Muslim. Ia terdiri daripada 23 ahli panel – hakim daerah, peguam, pakar undang-undang dan ulama agama – yang dilantik oleh Presiden Republik Singapura dengan nasihat MUIS. Lembaga Rayuan terletak di Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Hab Islam Singapura, 273 Braddell Road, Singapura 579702.

### MAKLUMAT UMUM



[www.syariahcourt.gov.sg](http://www.syariahcourt.gov.sg)



Family Link @ Lengkok  
Bahru, 8, Lengkok Bahru,  
#03-01, Singapore 159052



63548371



[MCCY\\_Syariah@mccy.gov.sg](mailto:MCCY_Syariah@mccy.gov.sg)



Isnin hingga Khamis  
8.30 am - 1.00 pm  
2.00 pm - 5.00 pm

Jumaat

8.30 am - 1.00 pm  
2.00 pm - 4.30 pm

*Nota: Kakitangan Mahkamah Syariah tidak boleh memberikan nasihat guaman atau membantu merangkakan kandungan mana-mana dokumen. Oleh itu, jika anda ingin mendapatkan nasihat guaman, sila mendapatkannya di klinik guaman percuma atau Biro Bantuan Guaman, atau berundinglah dengan peguam swasta.*



## RINGKASAN BAB

- *Syariah* itu menyeluruh dan merangkumi semua aspek kehidupan. Ia berfungsi sebagai suatu panduan yang harus untuk dipatuhi dan dilaksanakan oleh umat Islam.
- Umat Islam wajib beriman dan mentaati segala perintah Allah SWT, pencipta segala ketetapan undang-undang dan pencipta semua manusia.
- Objektif utama syariah adalah untuk memberi manfaat kepada manusia dengan melindungi kepentingan kita, mencegah kemudaratan dan menegakkan keadilan.
- Mahkamah Syariah mentadbir undang-undang keluarga Islam bagi masyarakat Islam di Singapura.
- Mahkamah Syariah adalah satu-satunya institusi yang diberi kuasa untuk mengeluarkan Sijil Pusaka untuk membahagikan harta pusaka si mati mengikut hukum syarak.





BAB 6

RUMAHTANGGA  
DALAM  
ISLAM



## MATLAMAT RUMAHTANGGA DALAM ISLAM

Pernikahan adalah salah satu sunnah Nabi ﷺ yang sangat digalakkan. Ia adalah cara yang sesuai untuk pasangan - lelaki dan wanita - untuk mengungkapkan rasa cinta dan kasih sayang antara satu sama lain, serta membina keluarga yang kukuh.

Sesungguhnya Islam menitikberatkan kasih sayang, belas kasihan dan kedamaian sebagai asas rumahtangga, sebagaimana Allah SWT berfirman di dalam Al-Qur'an:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا  
لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ  
فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki),

*isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.” (Qur'an 30:21)*

Dalam Islam, cinta, belas kasihan dan ketenangan antara lelaki dan wanita hanya boleh dicapai secara sah melalui perkahwinan. Perlu diperhatikan bahawa cinta tidak boleh dizahirkan dengan cara yang dilarang, seperti perzinaan (zina) atau tindakan yang boleh menyebabkan perzinaan. Ini adalah sejajar dengan larangan Allah SWT di dalam Al-Qur'an:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً  
وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

*“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”*

(Qur'an 17:32)

Menghampiri zina maksudnya melakukan apa-apa tindakan yang mempunyai risiko untuk menyerupai zina, seperti terlibat dalam hubungan secara fizikal, berjumpa berdua dengan kerap, atau kerap berkomunikasi mengenai perkara yang tidak penting. Semua ini harus dielakkan sebelum perkahwinan, seperti yang diingatkan oleh Rasulullah ﷺ dalam sebuah hadis:

*“Seorang lelaki tidak berdua-duaan dengan seorang wanita melainkan yang ketiganya adalah syaitan.”* (Diriwayatkan oleh Tirmidhi)

Oleh itu, pasangan yang ingin mengenali antara satu sama lain sering dinasihatkan untuk berbuat demikian di hadapan ahli keluarga atau orang yang dipercayai, demi menjaga kehormatan dan kesucian antara satu sama lain.

## HIKMAH DISEBALIK PERNIKAHAN

Rasulullah ﷺ bersabda:

*“Apabila seseorang itu bernikah, dia telah menyempurnakan separuh daripada agamanya, maka hendaklah dia bertakwa kepada Allah dalam setengah yang lain.”* (Diriwayatkan oleh Tirmidhi)

Hadis di atas menjemput kita untuk merenung sebab-sebab mengapa

pernikahan itu dianggap sebagai menyempurnakan separuh daripada agama seseorang itu. Secara ringkas, orang yang sudah berkahwin menjaga dirinya daripada melakukan dosa zina, suatu dosa yang besar dalam Islam. Lebih-lebih lagi, Allah menjamin syurga bagi mereka yang menjaga kehormatannya daripada dosa seperti zina. Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud:

*“Barangsiapa yang dipelihara Allah dari kejahatan yang ada di antara rahangnya (lidah) dan kejahatan yang ada di antara kedua kakinya (auratnya) maka ia akan masuk syurga.”* (Diriwayatkan oleh Tirmidhi)

Dalam Islam, rumahtangga mempunyai kepentingan yang melangkaui hubungan antara suami dan isteri. Sebenarnya, terdapat banyak hikmah sosial, moral dan psikologi di sebalik mengapa Islam menggalakkan kita untuk berumahtangga.

## Sosial

### • Mengembangkan masyarakat dengan zuriat yang baik

Islam menyeru umatnya untuk berkembang dan memupuk generasi masa hadapan, kerana merekalah yang akan berkhidmat dan menyumbang kepada masyarakat yang kukuh, dan membentuk masa depan dengan positif. Dalam sebuah hadis, Rasulullah ﷺ bersabda:

*“Nikahilah mereka yang penyayang dan subur, kerana Aku akan berbangga dengan jumlahmu yang banyak di hadapan umat-umat yang lain.”*

(Riwayat An-Nasa'i)

- **Membina dan memperluas hubungan kekeluargaan**

Apabila dua individu berumah tangga, ia bukan sekadar menyatukan dua orang insan. Ia adalah suatu penyatuan antara dua keluarga. Hubungan kekeluargaan yang baru akan terjalin dengan kesatuan ini. Adakalanya, terutamanya dalam masyarakat kita yang berpelbagai yang mana perkahwinan antara kaum atau antara agama mungkin berlaku, rumahtangga juga menjalinkan ikatan antara orang yang berbeza latar belakang, lantas membina keharmonian dan memupuk kesefahaman yang lebih baik antara kumpulan pelbagai budaya dalam masyarakat kita.

## Psikologi

- **Kesihatan mental yang lebih baik**

Pendampingan dan hubungan positif yang dibina melalui perkahwinan boleh mewujudkan kesan positif keatas kesejahteraan seseorang. Kelebihan rumahtangga termasuklah mengelakkan rasa kesunyian, memartabatkan harga diri, dan mengurangkan tekanan ekoran sokongan emosi yang diberikan oleh seseorang pasangan.

- **Ketenangan**

Rumahtangga boleh membantu seseorang mencapai keamanan dan kestabilan dalaman. Meskipun kehidupan berumah tangga tidak lepas dari cabaran, hubungan berpasangan yang bergaris atas undang-undang, dengan matlamat yang betul, dapat membantu seseorang itu mencapai beberapa

bentuk ketenangan mental, seperti yang disebutkan di dalam Al-Qur'an:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

*“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.” (Qur'an 30:21)*

Kehidupan berumah tangga sebaiknya melibatkan pasangan yang saling menyokong antara satu sama lain pada masa-masa yang diperlukan dan saling melengkapi peranan







satu sama lain, contohnya, apabila berkaitan dengan pengurusan kewangan atau menjalankan tugas-tugas menguruskan rumah. Kerjasama yang sedemikian akan membuat pasangan rasa senang antara satu sama lain.

Berikut adalah doa dari ayat Al-Qur'an yang boleh dibaca untuk mendoakan kesejahteraan pasangan:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا  
وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا  
﴿٧٤﴾

*“Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami pasangan-pasangan dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan*

*hati melihatnya, dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa.” (Qur'an 25:74)*

## Moral

### • Mencegah keruntuhan akhlak

Dalam sesebuah masyarakat yang sihat, rumahtangga adalah salah satu kaedah untuk melindungi diri daripada keruntuhan akhlak disebabkan hubungan-hubungan yang dilarang antara lelaki dan wanita (zina). Pasangan berterusan dalam hubungan yang rapat tanpa sebarang ikatan perkahwinan akan terdedah kepada risiko zina, sama ada dalam jangka pendek atau panjang.

Walaupun seseorang mungkin mendakwa dapat menahan nafsu dan godaan dari pihak yang lain, Islam melarang hubungan sedemikian sebagai pencegah dosa dan bahaya dengan seberapa mungkin.



## SYARAT-SYARAT PERNIKAHAN MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

Sesuai dengan syariat Islam, terdapat dua syarat yang perlu dipenuhi oleh individu untuk bernikah. Syarat-syarat tersebut perlu dipenuhi oleh kedua-dua pihak lelaki dan perempuan.

Syarat-syarat ini terutama sekali bersangkut-paut dengan kestabilan asas rumahtangga, dan ia bertujuan untuk mencegah kemudaratan dan perselisihan selepas pernikahan.

### • Muslim

Kedua-dua pihak mestilah beragama Islam supaya pernikahan itu sah di bawah undang-undang Islam.

### • Mempunyai akal yang sihat ('*aqil*) dan sudah matang (*baligh*)

Individu yang bernikah tidak boleh cacat akal atau dalam keadaan tidak sedarkan diri (iaitu pengsan, koma, dsb.), dan telah mencapai usia baligh.

## rukun-rukun pernikahan

Rukun-rukun (atau arkan dalam bahasa Arab) sesuatu ibadah adalah perkara yang perlu hadir atau dilakukan supaya ia dikira sebagai sah. Dalam bab pernikahan, terdapat lima rukun.

*Nota: Penjelasan berikut adalah berdasarkan pendapat fiqh madzhab Syafi'i. Anda boleh merujuk kepada guru agama (asatizah) untuk tafsiran dan pendapat madzhab yang lain (Hanafi, Maliki, Hanbali).*

### PERJANJIAN LISAN (AKAD)

01

Perjanjian ini adalah pertukaran balasan antara wali atau hakim atau pegawai agama yang bertanggungjawab untuk memudahkan akad nikah (*kadi*), dan bakal pengantin lelaki. Ia menyatakan bahawa seorang wali/hakim/kadi itu akan menikahkan bakal pengantin lelaki itu dengan bakal pengantin perempuan, dan pihak lelaki itu kemudian menerima kenyataan tersebut.

Contoh mudah perjanjian (*ijab* dan *qabul*) adalah:  
Wali/Kadi: Aku nikahkan engkau dengan (nama perempuan).  
Bakal Pengantin Lelaki: Aku terima nikahnya (nama wanita).

### BAKAL PENGANTIN LELAKI & PEREMPUAN

02

/

03

Ini bermaksud lelaki dan wanita yang telah bersetuju untuk bernikah. Bakal pengantin perempuan dan pengantin lelaki mesti memenuhi syarat untuk bernikah (iaitu beragama Islam, waras, dan telah mencapai akil baligh).

## WALI

Wali adalah lelaki yang bertanggungjawab ke atas perlindungan pengantin perempuan sebelum akad nikah. Tugas wali adalah memastikan bakal pengantin lelaki mempunyai ciri-ciri yang betul untuk memikul tanggungjawab sebagai suami untuk menjaga pengantin perempuan dengan baik selepas pernikahan.

Wali adalah salah seorang yang berikut, menurut susunan keutamaan:

- i. bapa kandung pengantin perempuan,
- ii. datuk sebelah bapanya,
- iii. anaknya,
- iv. abangnya yang penuh,
- v. anak lelaki penuh abangnya,
- vi. bapa saudara sebelah bapanya, ATAU
- vii. anak pakcik sebelah bapanya.

Seorang wali mestilah:

- i. Muslim
- ii. berfikiran waras (contoh: orang cacat mental tidak boleh menjadi wali)
- iii. akil baligh (contoh: adik lelaki yang belum baligh tidak boleh menjadi wali)

Sekiranya barisan pertama menepati ciri-ciri seperti yang diperincikan, dia akan menjadi wali dan tidak perlulah untuk melalui senarai diatas.

Sekiranya tiada sebarang wakil yang didapati diatas, maka kadi akan mengambil alih peranan sebagai wali.

Wali mesti memberikan persetujuan keatas pernikahan itu, supaya ia dapat dilaksanakan. Beliau juga akan menemani pengantin perempuan semasa pendaftaran di Pejabat Pendaftaran Perkahwinan Orang Islam (ROMM).

## DUA SAKSI

Kedua-dua saksi hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Muslim
- ii. Telah mencapai akil baligh
- iii. Mempunyai akhlak yang berintegriti



---

## BAGAIMANA JIKA SEORANG MUSLIM INGIN BERKAHWIN BUKAN ISLAM?

Seorang Muslim yang ingin bernikah dengan seorang yang bukan Muslim harus berbincang dengan bakal pasangannya tentang arah tuju mereka yang ingin dicapai bersama, dan samada bakal pasangan yang bukan Muslim bersedia untuk memeluk Islam, kerana seorang Muslim wajib berkahwin sesama Muslim.

Ini terutamanya kerana berumahtangga bererti membina kehidupan bersama yang berasaskan kepercayaan, prinsip dan amalan yang dilakukan dalam sesebuah keluarga.

Pada waktu yang sama, seseorang itu juga tidak boleh dipaksa untuk memeluk agama jika dia tidak ingin atau tidak sanggup. Penukaran agama mesti dilakukan atas kehendak yang bebas dan bukan kerana terpaksa, dan bukan semata-mata untuk tujuan perkahwinan.

Oleh itu, pasangan harus berbincang dengan teliti mengenai keputusan yang terbaik untuk masa depan mereka.

---

## PROSEDUR PERKAHWINAN DALAM SINGAPURA

Di Singapura, institusi yang menguruskan perkahwinan ialah Pejabat Pendaftaran Pernikahan Orang Islam (ROMM<sup>12</sup>).

Berikut adalah kebiasaan garis masa bagi pasangan Islam yang ingin bernikah:

1. Pasangan menghadiri kursus persiapan rumahtangga (digalakkan)
2. Pasangan menghadiri temuduga oleh seorang ustaz di ROMM sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum majlis akad nikah
3. Pasangan memutuskan tarikh untuk pernikahan mereka
4. Berdasarkan tarikh itu, pasangan menempah seorang kadi menerusi laman web ROMM
5. Beberapa perkara penting yang perlu disediakan adalah:
  - » **Mahr:** 'hadiah' wajib, biasanya berbentuk wang, untuk diberikan oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan (Norma ialah \$100, tetapi tidak terhad kepada jumlah tersebut)
  - » **Dokumen berkaitan:** Kad pengenalan, kad penukaran agama yang dikeluarkan oleh MUIS untuk muallaf, dsb.

---

<sup>12</sup> Diambil pada 8 November 2018 dari [https://www.romm.gov.sg/about\\_marriage/romm\\_marriage\\_process.asp](https://www.romm.gov.sg/about_marriage/romm_marriage_process.asp).

## PANDUAN MEMILIH PASANGAN DALAM ISLAM

Salah satu soalan yang sering ditanya berkaitan rumahtangga adalah bagaimana untuk memilih pasangan yang baik. Agama kita merangkumi segala-galanya kerana Rasulullah ﷺ juga telah memberi panduan tentang memilih jodoh. Ini boleh didapati dalam hadis berikut, di mana Baginda ﷺ bersabda:

*“Seorang wanita itu boleh dinikahi kerana empat perkara: kerana kecantikannya, kerana hartanya, kerana keturunannya, dan kerana agamanya. Pilihlah yang mempunyai agama; itu akan lebih selamat untukmu.”* (Riwayat Bukhari)

Dalam hadis lain, Nabi ﷺ bersabda:

*“Jika datang kepadamu orang yang kamu redhai agama dan akhlaknya (untuk melamar anak perempuan/anak jagaan kamu untuk bernikah), maka nikahkanlah dia dengannya. Jika tidak, akan timbul fitnah di muka bumi dan kerosakan yang berleluasa.”* (Diriwayatkan oleh Ibnu Majah)

Melalui hadis-hadis ini, kita dapati bahawa Rasulullah ﷺ menyarankan orang yang beriman sebagai pilihan yang lebih selamat kerana iman adalah sifat yang lebih konkrit, berkekalan dan meluas. Iman merangkumi prinsip, keutamaan, dan pandangan hidup. Maka, calon pasangan kita akan membuat keputusan dalam kehidupannya dan keluarganya, seperti cara membesarkan anak-anak, dengan pengaruh dari keimanannya.



---

## BOLEHKAH SESEORANG ITU BERNIKAH TANPA KEHENDAK IBU BAPA?

Dalam Islam, melayani ibu bapa dengan hormat dan baik adalah suatu kewajipan yang tidak boleh diketepikan, tanpa mengira agama anutan si ibu dan bapa. Walaupun begitu, menghormati ibu bapa tidak bermakna taat kepada mereka dalam semua keadaan, terutamanya jika ia berkaitan perkara yang kita percaya adalah betul dan baik. Dalam isu pernikahan, jika seseorang telah memutuskan untuk memeluk Islam dengan rela hati dan telah memilih pasangan Islam yang berlaku adil, ia dibenarkan untuk bernikah walaupun pernikahan itu bertentangan dengan kehendak ibu bapa. Seseorang perlu merujuk kepada kadi dari ROMM untuk menjalani proses tersebut.

Namun begitu, jika terdapat hal sedemikian, seseorang masih dianjurkan untuk melayan ibu bapa mereka dengan kelembutan dan belas kasihan walaupun tidak dibalas dengan layanan yang sama. Berikan masa untuk meyakinkan mereka tentang keputusan anda. Teruskan bersikap positif dan melayan mereka dengan baik, dengan harapan agar hati mereka akan dilembutkan Allah SWT untuk menerima keputusan tersebut.

## HAK DAN TANGGUNGJAWAB SUAMI DAN ISTERI

Kehidupan rumahtangga termasuklah hak dan tanggungjawab keatas kedua-dua suami dan isteri. Hak-hak ini perlu ditegakkan dan tanggungjawab perlu dilaksanakan demi memupuk keluarga yang kukuh.

### Tanggungjawab seorang isteri:

#### 1. Melayan suami dengan baik

Seorang wanita Muslimah wajib memberi layanan yang baik kepada suaminya dengan sopan-santun dan dilarang untuk memudaratkan suaminya.

#### 2. Memenuhi keperluan fizikal dan emosi suami

Isteri mempunyai tanggungjawab untuk bantu memenuhi keperluan fizikal dan emosi suami, seperti dari sudut keintiman fizikal (dalam apa-apa bentuk yang tidak dilarang dalam Islam) dan menyokongnya jika dalam kesusahan.

#### 3. Membantu menguruskan kewangan keluarga

Kedua-dua suami dan isteri harus berkongsi tanggungjawab yang sama dalam merancang dan mengurus kewangan keluarga. Isteri hendaklah memaklumkan dan berbincang dengan suami tentang keperluan keluarga dan mempertimbangkan keputusan kewangan yang sewajarnya selaras dengan garis panduan Islam.

#### 4. Menjaga maruah suami

Sebagaimana suami bertanggungjawab untuk menjaga maruah isteri, isteri juga harus melakukan perkara yang sama dan menyembunyikan kelemahan dan kekurangan suaminya dari orang lain.





## **Tanggungjawab seorang suami:**

### **1. Menyara keluarga dari segi kewangan**

Ini memastikan keluarganya mendapatkan keperluan asas kehidupan, termasuk makanan, pakaian, tempat tinggal, keperluan perubatan, dan sebagainya.

### **2. Melayan isteri dengan baik**

Seorang lelaki Muslim wajib memberi layanan yang baik kepada isterinya dengan sopan-santun dan tidak memudaratkan isterinya, sama ada secara fizikal atau percakapan. Ini termasuklah memberi bimbingan dan nasihat bila perlu, dan membantunya dengan sebarang tugas isteri yang memerlukan bantuan suami. Lelaki Muslim harus ambil perhatian bahawa kerja-kerja rumah bukanlah tanggungjawab wanita semata-mata, sebaliknya ia adalah tanggungjawab bersama antara pasangan.

### **3. Memenuhi keperluan fizikal dan emosi isteri**

Suami mempunyai tanggungjawab untuk membantu memenuhi keperluan fizikal dan emosi isteri, dari sudut keintiman fizikal (dalam bentuk yang tidak dilarang dalam Islam), hingga menyokongnya jika dalam kesusahan.

### **4. Untuk membantu menguruskan kewangan keluarga**

Suami hendaklah berbincang dengan isteri tentang keperluan keluarga dan mempertimbangkan keputusan kewangan yang sewajarnya selaras dengan garis panduan Islam. Ini bermakna merancang dan memutuskan bersama tentang jenis perbelanjaan yang perlu dan bermanfaat untuk keluarga, dan termasuk mengelakkan perkara yang tidak dibenarkan dalam perbelanjaan.

Contoh perbelanjaan yang digalakkan ialah menuntut ilmu atau meningkatkan kemahiran, dan memberi kepada golongan yang memerlukan. Contoh perbelanjaan yang dibenarkan (mubah) termasuklah bermusafir. Sebaliknya, perbelanjaan yang dilarang termasuklah berjudi dan membeli barang-barang yang diharamkan dalam Islam (contohnya minuman arak).

### **5. Menjaga maruah isteri**

Suami hendaklah menjaga maruah isterinya dengan merahsiakan apa-apa kecacatan atau perihalan sifat fizikal isteri yang hanya diketahui olehnya. Mendedahkan perkara tersebut adalah dilarang sama sekali dalam Islam.



## CARA-CARA MENGHURAIKAN PERSELISIHAN DALAM RUMAHTANGGA

Tidak semua hubungan sempurna. Adakalanya perbezaan kita boleh mencetuskan konflik antara satu sama lain. Walaupun kita mungkin dikecewakan dari semasa ke semasa, usahlah kita memandang ringan, apatah lagi dalam hubungan rumahtangga.

Walaupun terdapat banyak cara untuk menyelesaikan pertikaian rumahtangga, kita harus ingat bahawa cara terbaik untuk menangani sebarang isu adalah dengan mendekati mereka dengan penuh kesabaran, kebaikan dan rasa hormat terhadap pasangan kita. Lagipun, kesabaran akan dibalas dengan ganjaran dari Allah SWT, seperti yang disebutkan dalam Al-Qur'an:

قُلْ يٰعِبَادِ الدِّينِ اٰمِنُوْا اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِيْنَ اَحْسَنُوْا فِيْ هٰذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةً وَّارْضُ اللّٰهُ  
وَسِعَتْ اِثْمًا يُّوفٰى الصّٰبِرُوْنَ اَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

*Katakanlah (wahai Muhammad, akan firmanKu ini, kepada orang-orang yang berakal sempurna itu): “Wahai hamba-hambaKu yang beriman! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu. (Ingatlah) orang-orang yang berbuat baik di dunia ini akan beroleh kebaikan (yang sebenar di akhirat). dan (ingatlah) bumi Allah ini luas (untuk berhijrah sekiranya kamu ditindas). Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira”. (Qur'an 39:10)*

- Pertama, pasangan harus berbincang untuk mencari huraian dengan sendiri. Ini boleh dicapai dengan berbincang secara tenang dan saling mendengar antara satu sama lain.
- Sekiranya mereka gagal untuk menyelesaikan isu dengan cara yang dipersetujui, mereka boleh mempertimbangkan samada perlu untuk menghubungi kaunselor rumahtangga sebagai pihak ketiga untuk mendengar isu yang dihadapi dan menasihati pasangan itu dengan sewajarnya.
- Sebagai alternatif, pasangan juga boleh memilih untuk mendapatkan wakil dari setiap keluarga (satu untuk suami dan satu untuk isteri), dengan niat untuk mendengar isu yang dihadapi dan mencadangkan penyelesaian yang baik. Walau bagaimanapun, harus diambil perhatian bahawa mereka perlu mencari wakil yang berwatak adil dan bertakwa. Ini akan membantu dalam usaha mencapai proses yang lebih objektif dan penuh aman untuk mencari penyelesaian, disamping mengelakkan sangkaan berat sebelah dan potensi pergaduhan.



## SYARAT-SYARAT PERCERAIAN DALAM ISLAM

Walaupun Islam memberikan pasangan suami isteri pilihan untuk menamatkan perkahwinan mereka melalui perceraian, ini merupakan keputusan yang paling tidak diinginkan dalam menyelesaikan masalah rumahtangga. Perceraian harus menjadi pilihan terakhir, yang hanya dilakukan apabila semua usaha telah dicuba tetapi masalah yang dihadapi masih tidak dapat diselesaikan dengan persetujuan. Nabi ﷺ juga bersabda dalam hadis tentang kebencian Islam terhadap perceraian:

*“Perkara yang halal yang paling dibenci oleh Allah SWT adalah perceraian.”*

*(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah)*

Namun, perceraian juga adakalanya boleh menjadi suatu penyelesaian yang membantu pasangan melangkah ke hadapan. Contohnya, dalam kes penderaan pasangan yang tanpa henti. Perceraian merupakan suatu pilihan kerana pasangan yang menjadi mangsa perlu membawa dirinya dan

anak-anaknya, jika ada, keluar dari persekitaran yang berbahaya. Ini kerana Islam meletakkan keutamaan yang tinggi dalam melindungi nyawa daripada sebarang bentuk kemudaratan.

Berikut adalah beberapa talian bantuan yang disediakan untuk pasangan yang ingin mendapatkan bantuan dan nasihat profesional mengenai isu rumahtangga:

**The National Domestic  
Violence Hotline**  
1-800-799-7233

**Petra Counselling**  
9100 0423

**AMP Marriage  
Counselling Programme**  
6416 3960 / 6416 3961

**APKIM**  
6295 1011

## RINGKASAN BAB

- Rumahtangga adalah institusi yang mulia dan pernikahan adalah amalan yang digalakkan dalam Islam.
- Terdapat pelbagai hikmah sosial, psikologi dan moral di sebalik pernikahan, seperti mengeratkan hubungan kekeluargaan dan mencapai ketenangan dalaman.
- Fiqh pernikahan mempunyai ketetapan dan peraturan: daripada syarat-syarat sah untuk bernikah dalam Islam, sehinggalah kepada rukun untuk bermuamalah.
- Umat Islam digalakkan untuk memilih pasangan dengan teliti, dengan mempertimbangkan agama dan pandangan kehidupan sebagai faktor yang paling penting.
- Kedua-dua suami dan isteri mempunyai tanggungjawab keatas satu sama lain, yang wajib dilaksanakan untuk membina keluarga yang berfungsi dengan kukuh.
- Perceraian amatlah tidak digalakkan dalam Islam tetapi ia wujud sebagai jalan terakhir dari sudut undang-undang apabila konflik hubungan tidak dapat mencapai sebarang penyelesaian, atau apabila situasi yang bahaya bagi mana-mana pihak sudah terbukti tidak dapat dielakkan lagi. Jika boleh, pasangan harus mendapatkan kaunseling sebelum membuat keputusan untuk memfailkan perceraian.





**BAB 7**

**MUSLIM DAN  
KELUARGA**



## KEDUDUKAN KEKELUARGAAN DALAM ISLAM

Keluarga kita memainkan peranan penting dalam kehidupan kita. Samada kita mempunyai pertalian darah atau tidak, keluarga mempunyai kedudukan tinggi bukan sahaja dalam Islam, tetapi dalam semua agama. Jika ikatan antara keluarga dan saudara-mara kita kuat, keluarga kita akan menjadi sokongan yang terbesar pada masa kesusahan dan memerlukan. Oleh itu, kita digalakkan untuk memastikan hubungan dalam keluarga kekal erat dan terjamin.

Menjaga tali persaudaraan adalah sesuatu yang amat terpuji dalam Islam. Dalam sebuah hadis, Nabi ﷺ juga mengingatkan kita agar tidak memutuskan hubungan dengan saudara kita:

*“Tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan tali persaudaraan.”*

*(Diriwayatkan oleh Bukhari)*

Keluarga adalah asas pembinaan masyarakat kita. Salah satu sebab Islam sangat mementingkan keluarga adalah kerana ia adalah jalan untuk kita berkembang dan memupuk generasi pemimpin Islam seterusnya. Salah satu



cara untuk mencapai sedemikian adalah melalui wujudnya ibu bapa yang bertanggungjawab dalam memupuk nilai dan prinsip murni dalam diri anak-anak di rumah.

Namun, bukan ibu bapa sahaja yang mempunyai tanggungjawab dalam sesebuah keluarga. Setiap ahli keluarga juga mempunyai peranan penting untuk memupuk kasih sayang dan rasa hormat antara satu dengan yang lain. Sebagaimana Nabi ﷺ bersabda dalam hadis berikut:

*“Sesungguhnya! Setiap seorang daripada kamu adalah pelindung (pemimpin) dan bertanggungjawab keatas tanggungannya: Pemimpin (pemerintah) manusia adalah pelindung dan bertanggungjawab keatas pengikutnya; seorang lelaki adalah pelindung keluarganya (tanggungan rumahnya) dan bertanggungjawab keatas tanggungannya; seorang wanita adalah pelindung rumah suaminya dan anak-anaknya dan bertanggungjawab keatas mereka; dan hamba seorang lelaki adalah pelindung harta tuannya dan bertanggungjawab ke atasnya. Sesungguhnya setiap kamu adalah pelindung (pemimpin) dan bertanggungjawab keatas apa yang ditanggungnya.” (Diriwayatkan oleh Bukhari)*



## HAK IBU BAPA DAN ANAK-ANAK DALAM KELUARGA

Walaupun setiap ahli keluarga mempunyai tanggungjawab yang khusus yang harus ditunaikan, Islam, sebagai agama yang penuh ihsan dan belas kasihan, juga memelihara maruah penganutnya dengan menggariskan hak mereka sebagai individu. Tidak kira tua atau muda, seseorang itu dapat mengekalkan kasih sayang dan ikatan dalam keluarga dengan menghormati hak satu sama lain.

### Hak Ibu Bapa

Ibu bapa adalah manusia yang paling utama dalam hidup kita kerana mereka telah banyak berkorban untuk diri kita. Malah sebelum kita dilahirkan lagi, ibu bapa kita telah mengatasi kesusahan dan cabaran dengan tujuan semata-mata untuk menyediakan suasana persekitaran yang kondusif untuk kita membesar dengan selamat. Atas sebab-sebab inilah, Allah SWT telah mengurniakan ibu bapa kedudukan yang tertinggi dalam Islam, meskipun mereka tidak seagama dengan kita. Tingginya penghormatan yang perlu kita berikan terhadap ibu bapa kita telah dinyatakan dalam ayat Al-Qur'an berikut:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

وَاخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

*“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha” (“Uff”), dan janganlah engkau menengking mereka, tetapi berkatalah dengan mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).*

*Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya dengan belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): “Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat keatas mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayang mereka memelihara dan mendidikkmu semasa kecil.””* Qur'an 17:23-24)

Penghormatan yang sama juga harus diberikan kepada ibu bapa yang bukan Islam. Status mereka sebagai ibu bapa kekal, walaupun mereka bukan penganut agama Islam. Hal ini ditegaskan oleh Nabi Muhammad ﷺ dalam hadis berikut:

Asma' berkata, “Ibuku datang kepadaku untuk meminta kebaikan (bantuan) dariku sewaktu perjanjian suku Quraisy. Sedangkan dia membenci Islam dan dia adalah seorang musyrik. Aku berkata ‘Wahai Rasulullah ﷺ, ibuku telah



*datang kepadaku sedang dia membenci Islam dan dia adalah seorang yang kafir. Bolehkah aku berbuat baik kepadanya?’ Dia menjawab, ‘Ya, berbuat baiklah kepadanya.’”*

*(Diriwayatkan oleh Abu Dawud)*

### **Hak Anak Lelaki/Perempuan**

Anak-anak patut dijaga dan dicurahkan dengan perhatian dari ibu bapa mereka. Contoh utama adalah Nabi ﷺ kita yang melaksanakan tanggungjawab sebagai bapa dan suami dengan penuh rasa prihatin dan belas kasihan terhadap keluarganya. Beliau ﷺ bersabda dalam sebuah hadis:

*“Di antara orang-orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah orang yang paling baik akhlakunya dan paling baik terhadap ahli keluarganya.”*

*(Diriwayatkan oleh Tirmidhi)*

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh ‘Aisha, Baginda ﷺ juga telah menunjukkan peri-pentingnya untuk menunjukkan kasih sayang terhadap anak-anak.

Beberapa orang Badwi datang kepada Rasulullah ﷺ dan bertanya:

*“Adakah engkau mencium anak-anakmu?” Dia berkata, “Ya”. Mereka kemudian berkata: “Demi Allah, kami tidak mencium mereka.” Nabi ﷺ menjawab, “Aku tidak dapat membantumu jika Allah SWT telah mencabut kebaikan dari hatimu.”*

*(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim)*

Sebagai ibu bapa, seseorang itu mesti sentiasa menjadi teladan yang baik kepada anak-anaknya, bukan sahaja dengan mencurahkan kasih sayang kepada mereka, tetapi juga dengan menunjukkan adab dan watak yang baik untuk dicontohi sepanjang mereka membesar.

Ibu bapa yang beragama Islam wajib memberikan didikan yang terbaik untuk anak-anak mereka terutama sekali dalam memperolahi nilai dan prinsip Islam untuk diterapkan dalam kehidupan.

## TUGAS ANAK TERHADAP IBU BAPA MEREKA YANG BUKAN MUSLIM

Menyantuni dan menghormati ibu bapa kita yang beragama Islam adalah wajib dan merupakan salah satu ajaran Islam. Begitu juga dengan mereka yang mempunyai ibu bapa bukan Islam, selagi mereka tidak memaksa kita untuk melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam, kita hendaklah menghormati mereka sepertimana kita menghormati orang yang lebih tua daripada kita, lebih-lebih lagi orang yang telah melahirkan dan membesarkan kita. Allah SWT berfirman di dalam Al-Qur'an:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا  
عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي  
وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ ﴿١٤﴾ وَإِنْ جَاهَدَاكَ  
عَلَىٰ أَنْ تَشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا  
تُطِعْهُمَا ۖ وَصَاحِبْهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا ۚ وَاتَّبِعْ  
سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ۚ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ  
فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

*“Dan Kami wajibkan manusia untuk berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu;*

*dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).*

*Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukanKu dengan sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui akannya, maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepadamu segala yang kamu telah kerjakan.” (Qur'an 31:14-15)*

Dari ayat di atas, jelaslah kewajipan kita sebagai anak lelaki atau perempuan adalah untuk berbakti kepada ibu bapa dan memenuhi keperluan mereka, melainkan jika mereka menyuruh kita untuk melakukan perkara yang boleh memalingkan kita dari Islam. Mungkin adakalanya juga kita rasa keinginan untuk berdakwah dan menyeru mereka kepada Islam kerana



cinta dan belas kasihan kita terhadap mereka.

Namun begitu, kita harus ingat supaya tidak bertindak secara paksa kerana ia boleh menyusahkan mereka dan menimbulkan konflik dalam keluarga.

Sebaliknya, kita harus percaya bahawa petunjuk (hidayah) yang benar hanya datang dari Allah SWT, dan hanya Dia yang dapat memalingkan hati seseorang untuk menerima Islam jika Dia kehendaki. Sebagaimana yang Allah SWT berfirman di dalam Al-Qur'an:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ

*"Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)..." (Qur'an 2:256)*



## MENANGANI KEMATIAN IBU BAPA BUKAN ISLAM

Adalah suatu tanggungjawab anak-anak untuk membantu proses mengendalikan jenazah ibu bapa dan mengatur adat istiadat agama yang diperlukan menurut agama ibu bapa mereka. Semasa zaman Nabi ﷺ kita, Baginda ﷺ telah menunjukkan rasa hormat terhadap pengebumian seorang bukan Islam, sebagai diriwayatkan dalam hadis berikut oleh Abdurrahman ibn Abi Laila:

Sahl bin Hunaif dan Qais bin Sa'd sedang duduk di kota Al-Qadisiya. Sesuatu perarakan pengebumian berlalu di hadapan mereka dan mereka berdiri. Mereka diberitahu bahawa pengebumian tersebut adalah untuk salah seorang penduduk yang tidak beriman, yang berada di bawah perlindungan umat Islam.

Mereka berkata, "Arak jenazah berlalu di hadapan Nabi ﷺ dan Baginda ﷺ berdiri. Apabila Baginda diberitahu bahawa itu adalah keranda seorang Yahudi, dia berkata, "Bukankah itu satu makhluk (jiwa)?" (Diriwayatkan oleh Bukhari)


Imam Syafi'i berpendapat bahawa dibolehkan bagi seorang Muslim untuk membersihkan, mengkafankan dan menguburkan orang bukan Muslim - jika ia diperlukan dalam upacara pengebumian mereka.

# KONSEP MAHRAM DAN BUKAN MAHRAM DALAM ISLAM

*Mahram* ertinya seorang kerabat yang tidak boleh dinikahi dan tidak pula diwajibkan untuk menutup aurat<sup>13</sup> di hadapan mereka. Hubungan mahram boleh wujud samada melalui pertalian darah atau pernikahan. Sebaliknya, orang bukan mahram, adalah seseorang yang boleh dinikahi apabila beberapa syarat dipenuhi<sup>14</sup>. Aurat seseorang hendaklah ditutup di hadapan orang bukan mahram.



## Carta Mahram Untuk Wanita



<sup>13</sup> Rujuk Bab 11: Pakaian Muslimah untuk penjelasan tentang 'aurat

<sup>14</sup> Rujuk Bab 6: Rumahtangga dalam Islam untuk butiran

## Siapa Mahram Anda?

Mahram boleh dikategorikan kepada dua: mahram tetap (*mahram mu'abbad*) dan mahram sementara (*mahram mu'aqqat*).


### Mahram Tetap

Mahram tetap (*mahram mu'abbad*) adalah kerabatmu yang dilarang untuk kamu nikahi, disebabkan pertalian darah. Ini termasuklah ibu bapa, adik beradik, keturunan (anak, cucu dan sebagainya), nenek moyang (datuk

nenek, datuk nenek dan sebagainya), dan juga makcik dan pakcik sebelah ibu dan sebelah bapa.

Satu lagi kategori mahram tetap adalah mahram melalui hubungan susuan (*rada'ah*), di mana dua orang itu menjadi mahram selepas disusukan oleh wanita yang sama, walaupun mereka asalnya tidak mempunyai pertalian darah. Apabila seorang wanita menyusukan bayi yang bukan anak kandungnya sendiri selama kadar waktu dan dalam keadaan yang

## Mahram Untuk Lelaki







tertentu, hubungan antara mereka dianggap seperti mahram melalui pertalian darah.

### **Mahram Sementara**

Mahram sementara (*mahram mu'aqqat*) ialah orang yang mempunyai kedudukan mahram yang boleh berubah dengan keadaan dan syarat-syarat tertentu. Contoh mahram seperti ini ialah mahram secara pernikahan, di mana seseorang menjadi mahram selepas pernikahan berlaku. Setelah bernikah dengan pasangan, mahram seseorang itu mulalah termasuk ibu bapa mertua dan nenek moyang pasangan, serta (dengan beberapa syarat) anak-anak pasangan dari perkahwinan terdahulu dan keturunan mereka.

Oleh itu, haram bagi seseorang untuk bernikah dengan seseorang yang telah menjadi mahramnya melalui pernikahan. Walau bagaimanapun, perlu diperhatikan bahawa adik-beradik pasangan yang berlainan jantina kekal sebagai orang bukan mahram dan seseorang itu hendaklah menutup auratnya seperti yang disebut tadi.





## MENGENDALIKAN RUMAHTANGGA ANTARA BUDAYA/KAUM

Islam adalah agama yang melarang segala bentuk perkauman dan kezaliman. Oleh itu, perkahwinan antara orang yang mempunyai latarbelakang yang berbeza sangat digalakkan, bahkan sangat disanjung dalam agama kita. Nabi ﷺ juga mengingatkan kita dalam sebuah hadis berkenaan persamaan antara semua manusia:

*“Wahai manusia, Tuhan kamu adalah satu dan bapa kamu Adam adalah satu. Tidak ada kelebihan orang Arab atas orang bukan Arab, dan tidak ada kelebihan orang bukan Arab atas orang Arab, dan tidak ada kelebihan kulit putih atas kulit hitam, dan tiada kelebihan kulit hitam atas kulit putih, melainkan dengan ketakwaan. (Maka) Sudahkah aku sampaikan ajaran (Islam ini)?”*  
(Diriwayatkan oleh Ahmad)

Sebagai orang Muslim yang baru, ada diantara kita mungkin bernikah dengan individu dari latarbelakang budaya atau kaum yang berbeza. Rumahtangga antara kaum atau budaya, walaupun jarang berlaku, boleh menimbulkan sesuatu cabaran yang unik bagi sesetengah orang, terutamanya jika mereka pada mulanya belum mengetahui tentang tradisi dan adat dalam budaya keluarga yang mereka nikahi itu dengan sepenuhnya.

Mencari jalan tengah dengan pasangan dan keluarganya adalah perlu supaya dapat mengatasi sebarang pertembungan nilai atau adat yang mungkin menjejaskan kekeluargaan. Berikut adalah beberapa perkara yang perlu diingat untuk mengekalkan keharmonian dalam keluarga:

## BERFIKIRAN TERBUKA DAN SIFAT MEMAHAMI

01

Cabaran mungkin timbul antara pasangan kerana salah satunya tidak biasa dengan perubahan dalam gaya hidup mereka. Oleh itu, komunikasi itu perlu untuk saling memahami tradisi dan adat baru. Daripada setakat bertolak ansur dengan perbezaan kekeluargaan yang boleh menimbulkan ketidakselesaan untuk sesetengah pihak, adalah lebih baik untuk seseorang itu mendekati situasi sedemikian dengan fikiran terbuka dan membincangkannya secara terbuka dengan pasangan, untuk mencari jalan kompromi. Keupayaan untuk membincangkan perkara sebegini, walaupun kadang-kadang kelihatan seolah-olah semacam sesuatu penentangan, akan membantu dalam memupuk persefahaman dan ikatan yang lebih kukuh antara pasangan dan keluarga mereka.

Memandangkan Islam menitikberatkan hubungan persaudaraan, kita mesti mengingatkan diri kita untuk terus bersabar sekiranya berlaku salah faham atau konflik. Nabi ﷺ pernah bersabda:

*“Pelajari tentang keturunan anda dengan mendalam, untuk memudahkan hubungan persaudaraanmu yang berkekalan. Kerana sesungguhnya menyambung silaturrahim itu meningkatkan rasa kasih sayang di antara saudara-mara, menambah harta, dan memanjangkan umur.”*

(Tirmidhi 1979)

## BERSIKAP HORMAT DAN BAIK HATI

02

Rasulullah ﷺ bersabda:

*“Penghuni Jannah itu terdiri dari tiga golongan: Pemimpin yang adil, seseorang yang penyayang terhadap kaum kerabatnya, dan mukmin yang bertakwa yang mempunyai keluarga yang besar dan tidak memintaminta.” (Riwayat Muslim)*

Kebaikan adalah sifat yang bermanfaat dalam semua aspek kehidupan kita. Memandangkan sifat manusia kita yang tidak sempurna, pasti terdapat saat-saat perselisihan antara kita dan orang lain, yang mungkin juga berlaku antara ahli keluarga. Walaupun kita tidak mempunyai nilai atau pandangan yang sama dengan saudara kita atau pasangan kita, kita harus belajar untuk terus bersabar dan bersikap tenang supaya mengelakkan sebarang perselisihan. Seperti yang dikatakan pada awal bab ini, Nabi ﷺ telah mengingatkan kita agar jangan memutuskan hubungan persaudaraan. Oleh itu, kita wajib untuk berusaha sedaya mampu untuk memelihara ikatan kukuh dalam keluarga.

## BERNIAT BAIK UNTUK BERUMAHTANGGA

Selain menyatukan dua individu dan keluarga, pernikahan adalah satu peluang untuk kita beribadah kepada Allah SWT dan memperoleh pahala yang melimpah ruah. Oleh itu, kita harus menyucikan niat sebelum memulakan alam rumahtangga ini. Dalam sebuah hadis, Nabi ﷺ menyebut:

*“Jika seorang lelaki memberi nafkah untuk keluarganya (dengan niat mendapat pahala dari Allah SWT) dengan ikhlas kerana Allah SWT, maka ia (pemberian itu) adalah (sejenis) sedekah (yang akan memastikan) pahala untuknya.”* (Bukhari 55)

Dalam semua perkara yang kita lakukan demi keluarga kita, kita haruslah bermuhasabah dan pastikan niat kita murni. Melakukan sesuatu demi kepentingan Allah SWT bererti bahawa setiap amalan yang kita lakukan itu adalah tulen dan ikhlas. Dengan itu, kita bukan sahaja akan diredhai Allah SWT tetapi juga diredhai orang yang berada di sekeliling kita.

03



## BOLEHKAH SAYA MERAIKAN PERAYAAN BUKAN ISLAM SEPERTI DULU?

Islam tidak melarang sebarang perhimpunan yang menyatukan keluarga, selagi mana kita tidak mengambil makanan dan minuman yang tidak halal, atau melakukan ibadah agama lain. Malah Islam menggalakkan umat Islam menganjurkan perjumpaan yang mengeratkan ikatan kekeluargaan, tidak kira bersama orang yang sama agama ataupun sebaliknya.



## RINGKASAN BAB

- Menjaga hubungan yang erat dengan keluarga adalah penting dalam Islam. Dalam pada itu, memutuskan tali persaudaraan pula amatlah dikecam.
- Taat kepada ibu bapa adalah salah satu prinsip utama dalam Islam. Walaupun ibu bapa kita menganuti agama yang berbeza, mereka tetap diberikan status tertinggi dalam agama kita.
- Kedua-dua ibu bapa dan anak-anak dalam sesebuah keluarga mempunyai hak keatas satu sama lain. Hak-hak ini termasuklah hak untuk dihormati dan dilayan dengan baik.
- Islam tidak mendiskriminasi mereka yang mempunyai kepercayaan yang berbeza. Oleh itu, kewajipan anak lelaki dan perempuan terhadap ibu bapa mereka yang bukan beragama Islam tidak berbeza dengan kewajipan mereka yang mempunyai ibu bapa yang beragama Islam.
- Komunikasi, belas kasihan dan persefahaman adalah kunci untuk mengekalkan keharmonian antara keluarga.





**BAB 8**

**MUSLIM  
DAN HARTA**





## KONSEP REZEKI DALAM ISLAM

Rezeki juga sering disebut sebagai rizq dalam Islam. Ketika Allah SWT menciptakan manusia, Dia memperuntukkan rezeki untuk kita selama kita berada di dunia ini. Dia telah menyediakan bumi dan isinya, dari ciptaan bernyawa seperti ternakan dan tumbuh-tumbuhan, kepada ciptaan yang tidak bernyawa, seperti alat dan bahan mentah, untuk kegunaan kita.

Allah SWT juga telah menyediakan untuk kita cara dan kaedah untuk membantu kita meraih manfaat daripada bumi dan sumber-sumbernya. Selain itu, Dia telah menurunkan hujan ke atas muka bumi, dan menumbuhkan pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan. Di mana saja kita berada, rezeki yang Allah SWT telah tetapkan untuk kita akan disediakan buat kita.

### **Rezeki (*Rizq*) merupakan sebahagian Rdaripada hidup kita**

Rezeki bukan terhad kepada kekayaan materi sahaja. Sebaliknya, ia merangkumi semua aspek kehidupan yang kita perlukan. Maka oleh itu, kesihatan adalah rezeki, anak adalah rezeki, teman yang baik adalah rezeki, isteri yang solehah adalah rezeki untuk suami, sebagaimana suami yang soleh adalah rezeki untuk isteri. Mempunyai ibu bapa adalah rezeki, keimanan adalah rezeki, dan keupayaan untuk beramal juga merupakan satu bentuk rezeki. Kita perlu sedar bahawa ruang lingkup rezeki adalah lebih daripada apa yang biasa disedari.

Antara perkara yang paling penting untuk diyakini oleh seorang mukmin (*mu'min*) adalah bahawa Allah itu Maha Pemberi Rezeki (Ar-Razzaq).

Dia mencipta semua segala-galanya dan dia menunaikan segala keperluan ciptaanNya. Allah SWT telah berfirman di dalam Al-Qur'an:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ  
﴿٥٦﴾ مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا  
أُرِيدُ أَنْ يُطْعَمُوا ﴿٥٧﴾ إِنَّ اللَّهَ هُوَ  
الرَّزَاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ ﴿٥٨﴾

*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepadaKu. Sesungguhnya Allah lah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan Dia lah sahaja) Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaanNya.” (Qur'an 51:56-58)*

Allah SWT juga menggesa hambaNya supaya berusaha dalam mencari rezeki. Dia berfirman di dalam Al-Qur'an:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا  
فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ  
وَالِيهِ النُّشُورُ ﴿١٥﴾

*“Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah untuk digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk*

*rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya).” (Qur'an 67:15)*

Allah SWT telah memuliakan manusia dengan agama Islam - agama yang tiada tandingannya dari segi kelengkapan dan keseluruhan ajarannya. Manusia menjalani kehidupan dengan penuh bermaruah natijah dari pengalaman Islam dengan sepenuhnya. Untuk merealisasikan hasil ini, maka cara-cara untuk mencapainya perlulah dinyatakan terdahulu.

Cara-cara sedemikian hanya boleh dicapai melalui perpaduan dan kerjasama, atas dasar saling menghormati, tanpa memberi sebarang ruang untuk penindasan dan eksploitasi.

Salah satu fungsi zakat, yang akan diterangkan dalam bab ini, adalah untuk memastikan bahawa pertumbuhan pendapatan mana-mana individu tidak mengganggu keseimbangan dan keadilan antara anggota masyarakat, dan ia membolehkan setiap orang keupayaan untuk menyara diri mereka sendiri.



Diriwayatkan bahawa apabila Nabi Muhammad ﷺ mengutus para sahabatnya untuk menyeru penduduk suku dan kota lain kepada Islam, Baginda ﷺ memberitahu mereka:

*Ajaklah manusia untuk bersaksi bahawa tiada yang berhak disembah melainkan Allah dan sesungguhnya aku adalah utusan Allah, dan jika mereka taat kepadamu, maka ajarkanlah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan kepada mereka solat lima waktu pada setiap hari dan malam (dalam dua puluh-empat jam), dan jika mereka mentaatimu, maka ajarkanlah kepada mereka bahwa Allah telah mewajibkan kepada mereka zakat dari harta mereka dan zakat itu diambil dari orang-orang kaya di antara mereka dan diberikan kepada orang-orang miskin.” (Diriwayatkan oleh Bukhari)*



## DEFINISI DAN OBJEKTIF ZAKAT

Zakat adalah salah satu istilah ‘sedekah’ dalam Islam. Secara harfiah, perkataan zakat membawa maksud penyucian, pertumbuhan, dan keberkatan. Dalam ajaran Islam, ia adalah suatu pemberian dan pengagihan bahagian yang tertentu dari harta materi seseorang kepada golongan penerima yang telah ditentukan, seperti golongan miskin.

Allah SWT berfirman di dalam Al-Qur’an:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ  
بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ  
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.” (Qur’an 9:103)

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima. Ia sering disebut di dalam Al-Qur’an sejurus selepas perintah mendirikan solat. Allah SWT memerintahkan:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا  
الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

*“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.” (Qur’an 24:56)*

Zakat adalah satu kewajipan, dan tidak boleh dikelirukan dengan derma amal. Zakat hanya berkuatkuasa apabila harta seorang individu kekal melebihi jumlah minimum untuk setahun.



## JENIS JENIS ZAKAT



- **Zakat Fitrah**

*Zakat fitrah* diwajibkan ke atas setiap umat Islam untuk ditunaikan pada setiap bulan Ramadan sebelum solat Idul Fitri. Zakat ini lazimnya dibayar oleh ketua rumah bagi pihak tanggungan mereka. Jumlah yang perlu dibayar oleh setiap orang untuk *zakat fitrah* adalah tetap; kadarnya ialah 2.3kg makanan ruji di mana orang itu tinggal, atau yang setara dengannya.

- **Zakat Harta**

*Zakat Harta* adalah kewajipan agama yang perlu dibayar oleh seseorang individu apabila hartanya telah memenuhi kriteria tertentu. Zakat ini wajib dibayar oleh pemilik harta. Jumlahnya adalah berdasarkan peratusan harta; kadar bergantung kepada jenis harta.

## KELEBIHAN ZAKAT

*Zakat* adalah syariat Islam yang telah ditetapkan oleh Allah, dan apabila dilaksanakan dengan betul, akan sentiasa membawa kebaikan kepada manusia di peringkat individu, kemasyarakatan, dan dunia.

01

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ ﴿١٠٣﴾

*“Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk)...” (Qur’an 9:103)*

02

Perlaksanaan sistem zakat akan mewujudkan ikatan antara anggota masyarakat ekoran tindakan saling membantu antara satu sama lain. Ini menyuburkan kasih sayang di kalangan manusia untuk menjadi masyarakat beriman yang bersatu padu.

Selain itu, dengan mengurangkan jumlah orang yang terperangkap dalam situasi kewangan yang teruk, mudah-mudahan semakin kurang pula orang yang memenuhi keperluan mereka dengan cara yang menyalahi undang-undang, disebabkan rasa terdesak.

03

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكَ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

*“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: “Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras”. (Qur’an 14:7)*

Membayar zakat akan memdatangkan keberkatan kepada harta seseorang.

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿٣٩﴾

04

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hambaNya, dan Ia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi rezeki”.” (Qur'an 34:39)

Pemberian zakat melatih jiwa untuk lebih banyak memberi kepada orang lain terutama kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan.

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾

05

“Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik.” (Qur'an 3:134)

Bersikap baik kepada orang lain adalah sifat kerohanian yang harus dicontohi oleh setiap Muslim. Secara fitrahnya, manusia cenderung untuk bersifat kikir dengan hartanya.

قُلْ لَوْ أَنْتُمْ تَمْلِكُونَ خَزَائِنَ رَحْمَةِ رَبِّي إِذًا لَأَمْسَكْتُمْ خَشْيَةَ الْإِنْفَاقِ ۚ وَكَانَ الْإِنْسَانُ قَتُورًا ﴿١٠٠﴾

06

“Katakanlah (wahai Muhammad): “jika kamu memiliki perbendaharaan rahmat Tuhanku pada ketika itu tentulah kamu akan berlaku bakhil kedekut kerana takut kehabisan; dan sememangnya manusia itu bertabiat bakhil kedekut”.” (Qur'an 17:100)



Hukum peraturan zakat menetapkan bahawa sebahagian daripada harta kamu adalah milik orang miskin. Oleh itu, dengan membayar zakat anda, anda menyucikan harta anda dari bahagian yang sebenarnya bukan milik anda. Sekiranya anda mengelak dari membayar zakat, hakikatnya adalah anda sedang menghalang hak orang lain di sisi Islam. Nabi ﷺ bersabda:

*“Jika kamu mengeluarkan zakat hartamu, maka kamu telah menghapuskan keburukannya.” (Riwayat Ibnu Khuzaimah)*

‘Keburukan’ yang dimaksudkan dalam hadis ini adalah musibah yang akan menimpa orang-orang yang enggan membayar zakat.

Melaksanakan zakat juga membawa manfaat ekonomi kepada negara. Seseorang boleh melihat saja dunia pada hari ini dan sepanjang sejarah, untuk melihat kemudaratannya yang menimpa masyarakat apabila minoriti yang kecil memiliki sebahagian besar kekayaan did dalam sesuatu masyarakat. Sistem zakat membantu mengurangkan ketidaksetaraan dalam pengagihan kekayaan seperti itu dengan memastikan sebahagian daripada kekayaan yang dimiliki oleh golongan yang kaya akan diedarkan kembali dan bukan sekadar disimpan. Ini sekaligus mengelakkan modal sesuatu negeri daripada terkumpul bertimbun-timbun dan bergenan tanpa digunakan.

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

“Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka ia adalah bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).” (Qur’an 59:7)

Zakat membantu melindungi fakir dan miskin. Dalam setiap masyarakat, terdapat golongan seperti yang kurang upaya dari segi fizikal atau mental dan yang tidak dapat memperoleh pendapatan. Mereka mungkin memerlukan sebahagian dari bantuan kebajikan yang dapat disediakan dengan wang zakat, sekaligus melindungi mereka daripada terpaksa menggunakan cara memohon bantuan yang menjatuhkan maruah seperti meminta sedekah. Lebih-lebih lagi, tanpa bantuan kewangan, amat sukar juga bagi keluarga miskin untuk melepaskan diri daripada lingkaran kemiskinan.

## JENIS-JENIS HARTA

Tidak semua jenis harta wajib untuk dizakatkan. Allah SWT telah berfirman di dalam Al-Qur'an tentang jenis-jenis harta yang wajib dizakatkan. Walau bagaimanapun, Al-Qur'an tidak mentakrifkan dengan jelas sebab-musabab yang menjadikan sesuatu jenis harta itu boleh dikenakan zakat. Ia juga tidak menghuraikan secara terperinci tentang bagaimana zakat dikira.

Para sahabat, dan seterusnya, para ulama telah bergantung kepada cara (sunnah) Nabi SAW untuk lebih memahami bagaimana sistem zakat harus berfungsi. Dengan pengetahuan itu, generasi terdahulu sebelum kita telah menyempurnakan butiran zakat untuk masyarakat Islam.

Salah satu syarat yang menyebabkan sesuatu jenis harta itu boleh dikenakan zakat ialah samada ia sesuatu yang berkembang, atau ia berpotensi untuk berkembang. Zakat yang ditetapkan untuk harta tersebut adalah peratusan yang kecil yang diambil daripada lebihan perkembangan tersebut.

Harta yang tidak berkembang atau tidak berpotensi untuk berkembang tidak dikenakan zakat. Jika harta yang tidak terpakai boleh dikenakan zakat, maka selepas beberapa dekad, seluruh modal kekayaan akan luput. Itu bukanlah tujuan Allah SWT menjadikan zakat sebagai sebahagian daripada syariat Islam. Zakat disyariatkan untuk membantu orang miskin, bukan memiskinkan orang kaya. Diriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

*“Sedekah tidak mengurangkan harta sama sekali.”* (Riwayat Muslim)

Antara perkara yang dikecualikan daripada zakat ialah harta yang digunakan untuk kegunaan peribadi seperti rumah yang didiami oleh pemiliknya, dan haiwan yang digunakan untuk pengangkutan.



## BILAKAH KITA PERLU MEMBAYAR ZAKAT?

Seorang Muslim wajib mengeluarkan zakat hartanya apabila telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Islam. Jumlah harta hendaklah mencapai nisab (jumlah minimum jenis harta yang wajib dizakatkan) untuk satu tahun Hijrah atau 355 hari (*haul*). Nisab dan kadar zakat mungkin berbeza mengikut jenis harta.

### JENIS-JENIS HARTA WAJIB UNTUK DIZAKATKAN

#### 1. Emas dan Perak



Emas dan perak, dalam bentuk yang berbeza, dianggap sebagai harta berkembang di dalam syariat Islam. Ini termasuk emas dan perak yang merupakan syiling, jongkong dan perkakas makan. Akan tetapi, pengecualian diberikan kepada barang kemas. Emas dan perak yang merupakan barang kemas yang dipakai oleh wanita atau cincin perak yang dipakai oleh lelaki, tidak dikenakan zakat. Walau bagaimanapun, barang kemas emas dan perak yang digunakan berlebih-lebihan atau dianggap sebagai harta karun masih dikenakan zakat.

Kadar zakat sebanyak 2.5% dikenakan ke atas emas dan perak setelah satu tahun Hijrah (*haul*) telah berlalu selepas nilai emas atau perak itu mencapai nisabnya. Nisab emas ialah bersamaan dengan 86

gram emas tulen. Adapun perak, nisabnya adalah setara daripada 595 gram perak tulen.

Adapun emas yang bertujuan untuk kegunaan (sebagai perhiasan), itu hanya diwajibkan untuk zakat jika berat sekeping barang kemas emas telah sampai ke *haul* dan uruf sebanyak 860 gram, seperti yang dinyatakan dalam fatwa dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa bertarikh 9 Jun 2011.

Salah satu syarat wajib bagi nisab adalah bahawa ia berada dalam milik si pemilik selama lengkap setahun. Jika nilainya jatuh di bawah nisab, walaupun sehari, dan kemudian meningkat kembali pula, undang-undang Islam menetapkan bahawa kiraan *haul* akan dimulakan semula dari hari nilai itu mencapai nisab lagi.

## 2. Mata Wang



Hari ini, hampir semua urusan niaga di seluruh dunia telah berpindah dari menggunakan syiling emas dan perak kepada penggunaan jenis mata wang lain, dan antaranya adalah wang kertas. Jadi, adakah zakat dikenakan keatasnya? Tiada ketetapan yang jelas di dalam Al-Qur'an atau hadis berkenaan zakat mata wang, jadi apakah hukumnya?

Jawapannya adalah ya, mata wang lain juga dikenakan zakat. Perkara ini telah dibincangkan secara mendalam oleh para ulama untuk menentukan hukum ini secara khusus.

Walaupun tiada arahan yang jelas dalam Al-Qur'an, para ulama telah menjelaskan bahawa nisab mata wang lain (iaitu bukan emas atau perak) ditentukan dengan melihat nilai setara perak atau emas berdasarkan waktu ia perlu dizakatkan. Sesetengah pihak lebih menggemari nilai emas kerana nilainya lebih stabil daripada perak.

Di Singapura misalnya, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah memilih untuk mendasarkan nisab wang kepada nisab emas. Jadi, jika anda mempunyai wang yang melebihi nisab dan ia telah mencapai haul dalam simpanan anda, maka anda perlu menunaikan zakat anda sebanyak 2.5%.



## FATWA BERKENAAN PEMBAYARAN ZAKAT EMAS BERBENTUK BARANG KEMAS

Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa zakat menjadi wajib pada barang kemas hanya apabila sekeping barang kemas itu mencecah 860 gram.

Ia juga berpendapat bahawa apabila jumlah emas telah mencapai jumlah uruf, pembayaran zakat mestilah dikira berdasarkan jumlah beratnya barang kemas emas tersebut, dan bukan sahaja dari berat yang melebihi jumlah uruf. Emas merupakan barang kemas yang disimpan untuk tujuan pelaburan.

Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa barang kemas emas yang disimpan untuk tujuan pelaburan mesti dizakat jika telah cukup kadar nisab sebanyak 86 gram, dan jumlah zakat mesti dikira berdasarkan pada jumlah beratnya barang kemas emas tersebut.

### 3. Aset / Komoditi Komersil



Komoditi komersial adalah semua barang dagangan yang dibeli oleh seseorang untuk dijual untuk mendapatkan keuntungan. Ia termasuk bahan makanan, pakaian, mesin, barangan pengguna, hartanah yang dipajak untuk disewa dan banyak lagi. Syariat Islam menetapkan zakat ke atas harta dan komoditi yang dilaburkan dalam perniagaan, serta pendapatan yang diperolehi daripadanya.

Nilai perniagaan ditentukan dengan menambah nilai tunai komoditi berdasarkan harga jualan pasaran, kepada jumlah wang tunai dalam tangan dan dalam bank, dan jumlah hutang yang tidak dituntut. Sekiranya jumlahnya mencapai nisab (iaitu nilai emas) dan tidak jatuh di bawah nilai tersebut sepanjang tempoh haul, maka zakat sebanyak 2.5% dikenakan ke atas komoditi tersebut.



## ADAKAH HAIWAN TERNAKAN DIKENAKAN ZAKAT?

Ternakan juga boleh dikenakan zakat. Salah satu syaratnya ialah tempoh haul yang lengkap. Jika belum cukup tempoh tersebut, maka tidaklah dikenakan zakat. Syarat lain adalah bahawa haiwan tersebut mesti memakan di tanah padang rumput yang bebas dengan tujuan membesar, membiak atau memerah susu pada sebahagian besar tahun itu. Namun, jika haiwan itu makan daripada makanan yang dibeli dan bukannya makanan semulajadi seperti rumputan, maka syaratnya belum dipenuhi dan dengan itu, ia tidak dikenakan zakat.

Jika haiwan itu adalah untuk kegunaan sendiri, seperti untuk pengangkutan atau untuk disembelih untuk dimakan, maka ia tidak dikenakan zakat. Nisab dan kadar ternakan mungkin berbeza mengikut bilangan dan jenis haiwan. Sebagai contoh, minima untuk biri-biri ialah empat puluh ekor dan zakatnya adalah satu biri-biri. Bagi lembu, minima adalah tiga puluh ekor dan zakatnya ialah seekor lembu.

#### 4. Hasil Ladang Pertanian

Allah SWT telah mewajibkan zakat ke atas hasil pertanian. Manusia tidak boleh lupa bahawa semua yang dihasilkan dari tanah yang memberi manfaat kepadanya, termasuk makanan yang dimakannya, adalah sebahagian daripada kurniaan dan anugerah Tuhan kepadanya yang tidak berkesudahan. Oleh itu, wajar bagi kurniaan itu untuk dizakatkan. Allah SWT berfirman dalam Al-Qur'an:

أَفَرَأَيْتُمْ مَا تَحْرُثُونَ ﴿٦٣﴾ أَأَنْتُمْ تَزْرَعُونَهُ أَمْ نَحْنُ الزَّارِعُونَ ﴿٦٤﴾ لَوْ نَشَاءُ لَجَعَلْنَاهُ حُطَامًا فَظَلْتُمْ تَفَكَّهُونَ ﴿٦٥﴾ إِنَّا لَمُغْرَمُونَ ﴿٦٦﴾ بَلْ نَحْنُ مُحْرَمُونَ ﴿٦٧﴾

*Maka (mengapa kamu masih berdegil?) Tidakkah kamu melihat apa yang kamu tanam? Kamukah yang menumbuhkannya atau Kami yang menumbuhkannya? Kalau Kami kehendaki, sudah tentu Kami akan jadikan tanaman itu kering hancur (sebelum ia berbuah), maka dengan itu tinggallah kamu dalam keadaan hairan dan menyesal, (Sambil berkata): “Sesungguhnya kami menanggung kerugian. “Bahkan kami hampa (dari mendapat sebarang hasil).” (Qur'an 56:63-67)*

Zakat pertanian hanya ditunaikan ke atas jenis-jenis hasil yang ruji dan boleh disimpan dalam jangka masa yang lama seperti gandum, barli, kurma dan kismis. Zakat perlu dibayar apabila hasil itu dituai. Nisab hasil pertanian ialah lima wasaq, iaitu kira-kira 650 kilogram berdasarkan anggaran ulama. Kadar levi zakat berbeza-beza. Jika tanaman itu disirami air hujan, levi adalah 10% daripada hasil kasar. Akan tetapi, jika tanaman itu disirami orang, haiwan atau mesin, seperti penyiraman manual, atau saluran pengairan, maka kadarnya ialah 5% daripada hasil kasar.





## JENIS HARTA YANG LAIN

### • Zakat keatas Insurans

Insurans hayat bersama simpanan endowment yang bertujuan untuk mengembangkan harta simpanan juga dikenakan zakat. Zakat tersebut perlu dibayar apabila nilai serahan mencapai nisab bagi tahun berkenaan. Ini kerana nilai serahan adalah jumlah yang boleh diperolehi dan digunakan secara prinsip.

### • Zakat keatas Saham

Zakat juga dikenakan untuk saham kerana ia dianggap sebagai komoditi yang boleh dijual beli. Zakat dikenakan ke atas saham sekiranya nilai pasaran saham yang dimiliki pada akhir tahun kewangan mencapai kadar nisab. Jumlah yang perlu dibayar untuk zakat ialah 2.5% daripada nilai pasaran saham.

## PENERIMA ZAKAT

Zakat bukanlah sedekah secara sukarela yang diberikan sesuka hati kepada sesiapa sahaja. Sama seperti pentingnya kutipan dana zakat, atau mungkin lebih penting lagi, adalah pembahagian hasil zakat yang sepatutnya kepada penerima yang berhak. Terdapat lapan golongan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dalam Al-Qur'an untuk menerima zakat. Allah SWT berfirman dalam Al-Qur'an:



إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ  
وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.” (Qur'an 9:60)*



**01**

### **GOLONGAN FAKIR**

Orang fakir adalah mereka yang tidak memenuhi keperluan mereka dengan cukup. Mereka mungkin tidak mempunyai sebarang harta atau pendapatan dan tidak mempunyai tahap minima untuk menampung keperluan dan persaraan hidup yang asas. Sebagai contoh, jika seseorang itu memerlukan \$10 untuk menampung keperluan hidup, tetapi dia hanya digajikan atau mempunyai sebanyak \$3, maka orang itu dianggap fakir.

**02**

### **GOLONGAN MISKIN**

Fakir dan miskin mungkin dianggap sebagai satu kategori yang sama, tetapi ulama telah mengisytiharkan bahawa terdapat perbezaan antara keduanya. Golongan miskin ialah golongan yang mempunyai harta dan pendapatan, tetapi masih di bawah tahap minima untuk keperlunya. Serupa dengan contoh yang sebelum ini, sekiranya dia memerlukan \$10 untuk menampung dirinya tetapi dia hanya memperoleh \$8, maka orang ini termasuk dalam kategori 'orang yang memerlukan' atau miskin.

**03**

### **PENTADBIR ZAKAT (AMIL ZAKAT)**

Orang yang bekerja untuk mengutip dan mengagihkan zakat layak menerima sebahagian daripada dana zakat dikumpul. Bahagian mereka dianggap sebagai upah untuk kerja yang mereka lakukan samada kutipan, perakaunan, pengagihan, atau apa-apa jenis kerja yang terlibat dalam pentadbiran zakat.

#### **MEREKA YANG HATINYA CENDERUNG KEPADA ISLAM (MUALLAF)**

**04**

Mereka adalah golongan yang baru memeluk Islam atau mereka yang hatinya cenderung kepada Islam tetapi masih belum menukar agamanya. Sebahagian zakat diberikan kepada mereka dan keluarga mereka sebagaimana yang ditentukan oleh organisasi yang mengagihkan dana zakat tersebut, seperti Darul Arqam Singapura. Dana untuk Muallaf juga disalurkan ke arah percetakan bahan edaran percuma untuk menyebarkan ajaran Islam.

#### **TAWANAN PERHAMBAAAN (RIQAB)**

**05**

Sebahagian daripada dana zakat dikhaskan untuk hamba yang memerlukan wang untuk menebus kebebasan mereka dan untuk membantu membayar tebusan untuk pembebasan tawanan. Beberapa tafsiran moden tentang golongan penerima (asnaf) riqab ialah ia bermaksud membebaskan akal daripada belenggu kejahilan. Oleh itu, di Singapura, dana zakat yang diagihkan kepada golongan ini boleh digunakan untuk menyediakan dermasiswa pendidikan dan kewangan untuk mereka yang melanjutkan pengajian tinggi.

#### **MEREKA YANG BERHUTANG BANYAK (GHARIMIN)**

**06**

Dana zakat juga digunakan untuk membantu orang ramai yang terlilit dengan hutang, samada disebabkan kepentingan peribadi atau awam, yang tidak mungkin dapat dilunaskannya sendiri. Namun, mereka tidak layak menerima zakat sekiranya mempunyai harta yang mencukupi untuk membayar hutang tersebut. Jika mereka tidak memiliki harta yang mencukupi tetapi mampu membayar hutang mereka dari semasa ke semasa hasil daripada pendapatan mereka, mereka mungkin masih layak menerima zakat kerana ia akan mengambil masa yang agak lama untuk membayar pinjaman mereka.

### **MEREKA YANG BERUSAHA DI JALAN ALLAH (*FISABILILLAH*)**

**07**

Orang yang berjuang di jalan Allah juga berhak mendapat bahagian dari dana zakat. Ini secara tradisinya termasuklah mereka yang berperang kerana Allah SWT tetapi tidak menjadi tentera yang bergaji. Walau bagaimanapun, ulama juga telah memberikan tafsiran yang lebih luas mengenai kategori ini dan telah memasukkan semua jenis kebajikan kerana ungkapan '*fi sabiilillah*' terbuka kepada tafsiran yang lebih umum. Ada tafsiran yang merangkumi semua kepentingan umum umat Islam yang diperlukan untuk menegakkan agama dan negara, seperti memperbaiki masjid, membina hospital, dan melakukan kerja-kerja dakwah untuk Islam.

### **ORANG MUSAFIR (*IBNU SABIL*)**

**08**

Golongan musafir adalah pengembara yang memerlukan bantuan kewangan tetapi telah terputus daripada harta mereka sendiri. Mereka berhak diberi bantuan melalui dana zakat.



## RINGKASAN BAB

- Islam adalah suatu gaya kehidupan. Ia memberikan panduan dalam setiap aspek kehidupan kita, termasuk cara menguruskan wang dan harta.
- Rezeki setiap manusia di dunia ini telah ditentukan oleh Allah SWT.
- Islam telah memberikan jawapan untuk masalah sosial dan ekonomi seperti kemiskinan dan jurang kekayaan.
- Zakat merupakan salah satu kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh seorang Muslim. Di dalam Al-Qur'an dan hadis, ia sering digandingkan selepas perintah menunaikan solat.
- Undang-undang Islam telah menetapkan peraturan dan syarat khusus untuk seorang Muslim menentukan waktu dan jumlah untuk membayar zakat.
- Islam mengagihkan dana zakat kepada lapan golongan manusia yang berbeza, termasuk fakir miskin dan mereka yang berhutang.



The background of the page is a complex, repeating geometric pattern in a dark blue-grey color. It consists of interlocking lines that form a series of eight-pointed stars or floral motifs, creating a symmetrical and intricate design. The pattern is centered and fills the entire page.

## BAB 9

# PENGAGIHAN HARTA



## KETETAPAN HARTA WARISAN DALAM ISLAM (FARAID)

Islam turun sebagai panduan lengkap untuk menjalani kehidupan sebagai manusia yang baik di muka bumi dan sebagai hamba yang beriman kepada Allah SWT. Undang-undang yang diturunkan kepada kita telah diciptakan untuk mengawasi kehidupan seharian kita supaya kita boleh menjalani kehidupan yang terbaik sebagai individu dan sebagai anggota masyarakat. Diantara pelbagai aspek kehidupan yang terkandung dalam undang-undang Islam adalah harta dan kekayaan manusia - dari mendapatkan harta dengan cara yang sah kepada cara mengendalikan harta tersebut setelah ia diperolehi, malah termasuk juga apa yang perlu dilakukan setelah pemiliknyanya meninggal dunia.


Salah satu daripada banyak perkara yang disentuh di dalam Al-Qur'an adalah urusan pewarisan. Undang-undang Islam mempunyai cabang yang menyentuh tentang hukum pewarisan yang dikenali sebagai faraid. Walaupun terdapat banyak ayat di dalam Al-Qur'an yang membincangkan urusan warisan, hanya tiga ayat khusus yang menerangkan secara terperinci tentang situasi pewaris yang berbeza dan cara pembahagian harta.

Kedudukan undang-undang harta pusaka dalam Islam telah ditetapkan di dalam beberapa ayat Al-Qur'an dan hadis. Allah SWT berfirman di dalam Al-Qur'an:



لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ  
وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ  
الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرٌ  
نَّصِيبًا مَّفْرُوضًا ﴿٧﴾

“Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah).” (Qur’an 4:7)



## MEMBASMI SISTEM YANG ZALIM MELALUI PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA CARA ISLAM

Sebelum turunnya perintah Al-Qur’an berkenaan ketetapan harta pusaka, kebanyakan kaum terdahulu mengamalkan sistem pewarisan di mana hanya saudara lelaki yang berhak mewarisi. Ini merupakan sistem yang tidak adil dan tidak memberi sebarang manfaat kepada saudara-mara perempuan si mati. Walau bagaimanapun, dengan turunnya Al-Qur’an, Nabi ﷺ memperkenalkan cara yang lebih adil dan menyeluruh, yang bertujuan untuk memperbaiki dan menambah baik sistem pincang yang berleluasa pada zaman itu.

Islam memperuntukkan bahagian harta pusaka yang jelas untuk isteri si mati dan beberapa orang saudara-mara perempuannya. Ini belum pernah diamalkan di Semenanjung Arab sebelum kedatangan Islam. Ini meningkatkan lagi kedudukan wanita dalam Islam dan melindungi kepentingan sosial dan ekonomi mereka. Sistem pewarisan bergabung dengan undang-undang lain dalam perundangan Islam dengan sempurna, demi menguatkan prinsip ‘kekeluargaan’ – suatu tema utama dalam agama ini.



## HIKMAH DI SEBALIK FARAIID DALAM ISLAM

Hukum pembahagian harta pusaka, atau faraid, mempunyai kedudukan penting dalam Islam. Ini dapat dilihat dari betapa terperinci ayat-ayat Al-Qur'an apabila menerangkan bahagian-bahagian ahli waris. Selain itu, ramai ulama bersetuju bahawa faraid adalah salah satu bidang ilmu Islam yang paling penting.

Perundangan Islam memberi tumpuan yang besar terhadap bidang ekonomi. Undang-undang berkaitan ekonomi dalam Islam adalah berdasarkan

keadilan dan kesaksamaan. Oleh itu, ia mengiktiraf kepentingan mengagihkan harta dengan saksama meliputi pelbagai transaksi yang berbeza antara manusia dalam kehidupan ini, demi memastikan supaya harta kekayaan diagihkan semula dengan adil dan saksama selepas pemiliknya meninggal dunia. Terdapat banyak hikmah di sebalik hukum pembahagian harta pusaka dalam Islam. Berikut adalah antara hukum yang paling penting:

### MEMUPUK KASIH SAYANG SESEORANG KEPADA KELUARGANYA

Nabi ﷺ bersabda dalam sebuah hadis:

*"Sebaik-baik kamu adalah yang paling baik terhadap keluarganya, dan aku adalah yang terbaik dari kalangan kamu terhadap keluargaku."*  
(Riwayat Tirmidhi)

01

Di antara pelbagai cara seseorang manusia menunjukkan kasih sayang kepada keturunannya ialah dengan memberi nafkah kepada keluarganya dan memastikan mereka dijaga dengan baik selepas kematiannya. Undang-undang harta warisan Islam wujud untuk melindungi dan memastikan harta pusaka seseorang itu akan memanfaatkan kepada keluarganya dan tidak akan luput atau diambil secara salah oleh orang lain.

## MENINGKIKAN MARTABAT WANITA DALAM MASYARAKAT

Dalam Islam, wanita diberi bahagian harta pusaka mengikut kadar tanggungjawab kewangan mereka. Mereka juga mempunyai hak yang dilindungi oleh undang-undang. Hak-hak ini telah ditetapkan oleh Allah SWT dan tidak boleh diabaikan, seperti yang disebutkan di dalam Al-Qur'an:

02

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَ دَرَجَةٌ وَاللَّهُ  
عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٢٨﴾

“... Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya). Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (Qur'an 2:228)

## MEMASTIKAN KESEJAHTERAAN SOSIAL DALAM KELUARGA

03

Pembahagian harta pusaka dan sistem pewarisan yang mantap menjamin kebajikan dan keperluan keluarga si mati. Ia membantu melindungi kepentingan ekonomi keluarga selepas kematian seseorang pencari nafkah.

## MEWUJUDKAN EKONOMI YANG ADIL DAN SAKSAMA

04

Undang-undang pembahagian harta pusaka Islam adalah salah satu daripada banyak cabang sistem sosio-ekonomi yang adil yang telah ditubuhkan untuk memastikan keadilan dan kesaksamaan dalam masyarakat. Islam menghormati harta seseorang individu dan mewariskan harta pusakanya kepada keluarga dan kerabatnya. Menetapkan bahagian yang khusus dan jelas untuk setiap pewaris mengelakkan unsur pertikaian dalam isu pewarisan.



---

## APA YANG BERLAKU KEPADA HARTA PUSAKA SI MATI?

Terdapat beberapa cara untuk mengagihkan harta pusaka selepas kematian seseorang. Faraid adalah kaedah pengagihan harta pusaka yang automatis, sekiranya seseorang itu tidak membuat perancangan harta sebelum meninggal dunia.

Menurut undang-undang Islam, harta pusaka si mati ditakrifkan sebagai 'semua harta yang ditinggalkan oleh si mati selepas kematiannya termasuk kedua-duanya aset yang tidak boleh digerakkan, seperti tanah dan rumah, dan aset yang boleh dialih, seperti wang, emas, dan perak.'

---





## KETETAPAN HARTA PUSAKA

Menurut perundangan Islam, apabila seseorang meninggal dunia, terdapat empat hak yang perlu dipenuhi keatas harta pusakanya (disenaraikan mengikut keutamaan):

### 1. Membayar perbelanjaan pengebumian dan pengurusan jenazah

Jika si mati tidak mempunyai harta, ahli keluarga dan individu daripada masyarakat Islam bertanggungjawab untuk menampung perbelanjaan bagi pihak si mati. Perbuatan ini dikenali sebagai *fardhu kifayah*.



### 2. Membayar hutang tertunggak si mati

Ini termasuklah hutang kepada manusia dan hutang kepada Allah (cth. zakat yang belum dibayar, fidyah, dsb.)



### 3. Laksanakan wasiat si mati

Seseorang itu boleh memperuntukkan sehingga satu pertiga daripada hartanya kepada sesiapa yang dia kehendaki (kecuali ahli warisnya).



#### 4. Mengagihkan baki harta pusaka itu kepada ahli waris yang berhak mengikut syariat

Pewaris harta pusaka hendaklah ditentukan sebelum pembahagian bermula. Terdapat tiga kategori ahli waris dalam Islam:

- (i) Waris utama (ashabul furud)
- (ii) Waris sisaan (asabah)
- (iii) Perbendaharaan Negara (baitul mal)



##### (i) Waris utama (*ashabul furud*)

Bahagian harta pusaka untuk waris di dalam kategori ini telah ditetapkan. Pembahagian ini adalah wajib dan mesti diagihkan sebelum memberi baki kepada baki waris yang lain.

*Contoh: Isteri seorang lelaki yang tidak mempunyai anak menerima  $\frac{1}{4}$  daripada hartanya. Ahmad telah meninggal dunia dan telah meninggalkan \$100,000 sebagai harta pusaknya. Beliau meninggalkan seorang isteri, Maryam, dan tiada anak. Di sini, Maryam berhak mendapat \$25,000 dari harta pusaka Ahmad.*

Senarai waris utama (tidak mengikut susunan tertentu):

- Bapa
- Ibu
- Suami
- Isteri
- Anak perempuan
- Kakak Seibu Sebapa
- Kakak Sebapa / Adik Perempuan Sebapa
- Kakak Seibu
- Abang Seibu

**(ii) Waris sisaan (asabah)**

Seorang waris sisaan menerima apa yang tinggal selepas harta pusaka selesai diagihkan kepada waris utama. Dalam keadaan tertentu, sesetengah waris utama akan bertukar kepada waris sisaan.

*Contoh: Anak perempuan, yang asalnya merupakan waris utama dengan bahagian tetap, akan bertukar menjadi waris sisaan jika si mati juga mempunyai anak lelaki. Bahagian anak perempuan akan menjadi separuh daripada bahagian anak lelaki.*

Senarai waris sisaan (tidak mengikut susunan tertentu):

- Anak lelaki
- Anak perempuan\*
- Cucu lelaki (dari Anak lelaki)
- Cucu perempuan (dari Anak lelaki)\*
- Bapa
- Datuk sejati
- Abang penuh
- Kakak penuh\*
- Saudara Seangkatan
- Kakak saudara\*
- Anak lelaki penuh abang
- Bapa saudara sebelah bapa
- Keturunan lelaki dari bapa saudara sebelah bapa

*\*apabila ditukarkan kepada sisaan*

**(iii) Perbendaharaan Negara (baitul mal)**

*Baitul mal*, atau perbendaharaan negara, adalah dana amanah umat Islam yang ditadbir oleh MUIS. Kesemua harta seseorang yang meninggal dunia tanpa sebarang waris akan disedekahkan kepada baitul mal (kecuali dinyatakan sebaliknya dalam wasiatnya).





## PENGHALANG PERWARISAN

Seseorang mungkin terhalang daripada menerima sesuatu yang asalnya bahagiannya disebabkan salah satu yang berikut:

### • Pembunuhan

Jika seseorang itu membunuh seseorang yang lain, mengikut undang-undang, orang itu telah dikecualikan dari hak mewarisi dari si mangsa. Diriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

*“Pembunuh tidak mewarisi (daripada orang yang dibunuhnya).”*

(Riwayat Ibnu Majah)

### Berlainan Agama

Pewarisan antara seorang Muslim dan bukan Islam adalah dilarang dalam Islam. Nabi ﷺ bersabda:

*“Seorang Muslim tidak boleh menjadi pewaris seorang kafir, dan tidak pula orang kafir pewaris seorang Muslim.”*

(Riwayat Bukhari)

## BOLEHKAH HARTA PUSAKA DIAGIHKAN KEPADA AHLI KELUARGA BUKAN ISLAM?

Walaupun undang-undang Islam tidak membenarkan seorang Muslim dan bukan Islam untuk saling mewarisi antara satu sama lain, ini tidak bermakna seorang Muslim tidak boleh memberikan sebahagian daripada hartanya kepada saudaranya yang bukan Islam.

Berdasarkan fatwa yang dikeluarkan pada 14 Februari 2006, seorang Muslim boleh mewasiatkan satu pertiga daripada asetnya kepada:

- 1) bukan pewaris faraid, dan
- 2) ahli keluarga berlainan agama.



## MENYIAPKAN WASIAT CARA ISLAM

Menulis wasiat dianjurkan dalam Islam, terutamanya jika seseorang itu mempunyai harta yang banyak. Jika seorang Muslim ingin harta pusakanya digunakan dengan cara tertentu, atau diberikan kepada dana amal tertentu, maka hendaklah dia berwasiat dan menyatakan arahnya tersebut. Sebagai contoh, jika dia ingin mewasiatkan sebahagian daripada harta pusakanya kepada sesiapa yang bukan ahli warisnya, maka dia hendaklah menyatakan dan menamakan penerima harta itu dalam wasiatnya.

Walau bagaimanapun, wasiat mesti memenuhi syarat berikut:

- Penulisan wasiat orang Islam memerlukan dua orang saksi, dan mesti terdiri dari lelaki Muslim

yang bukan penerima wasiat. Sama seperti wasiat sivil, orang Islam yang menulis wasiat mestilah berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan mempunyai kecerdasan mental yang sihat.

- Jumlah yang akan diwasiatkan tidak boleh melebihi satu pertiga daripada jumlah harta pusakanya.
- Penerima wasiat tidak boleh terdiri daripada ahli waris (ahli keluarga) yang telah menerima bahagian mereka daripada faraid.

Wasiat itu dianggap sah sehingga wasiat lain ditulis untuk menggantikan wasiat yang terdahulu. Wasiat boleh disimpan di tempat yang dianggap selamat oleh pembuat wasiat. Walaupun bukan suatu syarat, surat wasiat akan menjadi lebih kuat jika ia ditulis di hadapan peguam dan diberi keterangan oleh firma guaman.<sup>15</sup>




<sup>15</sup> Jika anda berniat untuk membuat wasiat, sila dapatkan nasihat guaman untuk mencatatkan dokumen yang diiktiraf undang-undang.

## RINGKASAN BAB

- Undang-undang Islam meliputi banyak muamalat sosial termasuk undang-undang pewarisan.
- Undang-undang pembahagian harta pusaka Islam diturunkan untuk menggantikan sistem pewarisan yang zalim yang diamalkan di Semenanjung Arab sebelum ini.
- Undang-undang pembahagian harta pusaka Islam adalah yang paling awal dalam memberikan bahagian yang adil dan saksama kepada saudara perempuan si mati.
- Nabi ﷺ secara khusus menggalakkan para sahabat untuk mempelajari hukum pembahagian harta pusaka.
- Dengan menulis wasiat, seorang Muslim boleh mewasiatkan sebahagian daripada harta pusaknya kepada sesiapa yang dia kehendaki yang bukan ahli warisnya, termasuk saudara-maranya yang bukan Islam, sebelum harta pusaknya dibahagikan kepada ahli warisnya.



The background of the entire page is a repeating geometric pattern in teal. It consists of interlocking lines that form a series of stars and polygons, including octagons and hexagons. The pattern is symmetrical and covers the entire surface.

**BAB 10**

**MAKANAN  
DALAM ISLAM**



## APAKAH MAKSUD HALAL MENURUT ISLAM?

Islam memberikan garis panduan dalam setiap aspek kehidupan kita. Ini termasuklah peraturan dan garis panduan yang ditetapkan mengenai pemakanan kita, serta adab semasa makan dan minum. Mengikut kepercayaan Islam, memakan hanya pemakanan yang halal, merupakan suatu keutamaan yang penting, seperti firman Allah SWT di dalam Al-Qur'an:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ... ﴿١٧٢﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.” (Qur'an 2:172)*

*Halal* adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan makanan yang boleh kita makan sebagai seorang Muslim. Pada asasnya, semua rezeki yang terdapat di dunia ini adalah *halal*, kecuali jika ia telah dinyatakan sebagai *haram*. Makanan yang tidak boleh kita makan sebagai seorang Muslim dikategorikan sebagai *haram*. Beberapa makanan dan minuman yang dianggap sebagai haram adalah daging babi, arak, dan daging binatang yang tidak disembelih atau dimasak menurut syariat Islam. Sebahagian dari ini telah dinyatakan di dalam Al-Qur'an:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخَيْزِرِ وَمَا أَهْلَ بِهِ لغيرِ اللَّهِ... ﴿١٧٣﴾

*“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan ia tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (Qur'an 2:173)*

Apabila menyentuh tentang prinsip asas makanan dan minuman dalam Islam, secara amnya ia dibahagikan kepada tiga kategori di bawah:



## SAH (HALAL)

*Halal* adalah perkataan bahasa Arab yang bermaksud diizinkan atau dibenarkan. Kita dibenarkan untuk memakan apa jua makanan atau minuman yang terletak di dalam kategori ini. Kebanyakan makanan dan minuman dianggap sebagai halal melainkan ianya telah dinyatakan dengan jelas sebagai haram dalam Al-Qur'an dan hadis.

Perkara yang dilarang atau tidak dibenarkan untuk kita memakannya. Secara umum, makanan dan minuman yang haram boleh mendatangkan kemudaratkan kepada kita. Beberapa contoh termasuklah daging haiwan karnivor, bangkai haiwan, daging babi, dadah yang memabukkan dan minuman keras.



## HARAM



## DIRAGUKAN (SYUBHAH)

Jika tidak jelas samada sesuatu itu halal atau haram, maka ia digolongkan sebagai syubhah, yang bermaksud dipersoalkan atau diragui. Contoh bahan *syubhah* adalah lesitin, yang boleh diperoleh daripada tumbuh-tumbuhan atau haiwan. Lesitin yang berasal dari tumbuh-tumbuhan adalah *halal*, manakala lesitin yang berasal dari daging babi atau haiwan yang tidak disembelih mengikut syariat Islam adalah *haram* untuk kita makan.

Nabi ﷺ menyebut tentang perkara ini dalam hadis yang bermaksud:

*“Yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas, dan di antara itu ada perkara yang ragu-ragu (tidak jelas); ramai orang tidak tahu sama ada ia halal atau haram. Maka sesiapa yang meninggalkannya untuk menjaga agama dan kehormatannya, maka dia akan melakukan yang selamat, dan sesiapa yang mengambil sesuatu daripada perkara (yang haram), maka dia akan jatuh kelak ke dalam perbuatan yang haram.”* (Riwayat Tirmidhi)





## ADAKAH SEMUA YANG HALAL ITU BAIK UNTUK KITA?

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ  
حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ  
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمُ عَدُوٌّ مُبِينٌ

﴿١٦٨﴾

“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”

(Qur'an 2:168)

Tiada persoalan bahawa makanan itu penting untuk memelihara nyawa kita. Walau bagaimanapun, kita hidup bukan sahaja untuk makan, malah kita juga perlu prihatin tentang bahan-bahan yang dimakan supaya tidak memudaratkan kesihatan kita dalam apa cara sekalipun.

Tubuh badan kita telah diamanahkan oleh Yang Maha Esa, oleh itu kita perlu memeliharanya sebaik mungkin. Ayat di atas menekankan konsep memakan pemakanan yang halalan *toyyiban* (dibenarkan dan baik) dalam Islam. Walaupun sesuatu makanan itu dibolehkan untuk makan (halal), ia tidak semestinya bermakna bahawa ia juga adalah baik atau sihat (*toyyib*) untuk kita.



## PENYEMBELIHAN HAIWAN DALAM ISLAM

Agama kita memberi banyak tumpuan kepada cara haiwan disembelih untuk dimakan. Bagi daging atau ayam, penyembelihan perlu mengikut syarat-syarat tertentu yang ditetapkan dalam syarak, sebelum ia digelar halal. Tujuan syarat-syarat ini adalah untuk memastikan penyembelihan haiwan demi pemakanan kita dilakukan dengan cara yang paling bersih dan berperikemanusiaan.

Syarat-syarat penyembelihan, yang juga dikenali sebagai perbuatan zabiha ke atas haiwan, disenaraikan seperti berikut:



**01**

Penyembelihan hendaklah dilakukan oleh seorang Muslim yang telah memperoleh usia pengetahuan dan akal yang mencukupi.

**02**

Nama Allah harus disebut pada saat penyembelihan.

**03**

Mesti menggunakan pisau yang tajam untuk memotong urat leher, arteri karotid, tenggorokan dan esofagus dengan pantas.

**04**

Darah mesti dialirkan keluar dengan sepenuhnya.

**05**

Kematian haiwan itu mesti disebabkan oleh pisau yang memotong urat leher, supaya memastikan bahawa kematian itu tidak menyakitkannya.



## PENSIJILAN HALAL DI SINGAPURA

Di Singapura, gerai atau perniagaan makanan dalam industri makanan tempatan memohon sijil halal daripada MUIS untuk mengesahkan bahawa makanan dan minuman yang mereka sajikan adalah halal. Ia merupakan satu-satunya badan di Singapura yang diberi kuasa untuk menyediakan sijil halal. Ini membantu mengelakkan isu kesahihan dan kekeliruan, justeru, mengurangkan keraguan umat Islam dalam menentukan apa yang boleh dimakan dan di mana tempat yang dibolehkan. Pemohon hendaklah mematuhi syarat kelayakan Pensijilan Halal MUIS.



Berbanding negara lain, gerai makanan halal di sini tidak dibenarkan untuk menjual minuman keras. Semua makanan dan minuman mestilah halal jika mereka inginkan pengesahan halal. Perkakas untuk membuat, memasak, mengendalikan dan menyimpan makanan dan minuman juga mestilah dalam keadaan yang suci (iaitu tidak digunakan untuk mengendalikan makanan atau minuman yang tidak halal atau ianya sudah disucikan mengikut syarak), dan kawasan persiapan makanan halal itu tidak boleh dicemar dengan bahan yang tidak halal.

Negara lain juga mengeluarkan logo halal oleh badan Islam mereka tersendiri seperti di Singapura. Produk sedemikian juga dianggap halal untuk dimakan.



## MEMAKAN MAKANAN DAN MINUMAN YANG TIDAK DISAHKAN HALAL



Apabila kita ragu-ragu tentang status sesuatu makanan atau minuman, adalah lebih baik untuk kita elak daripada mengambilnya. Rasulullah ﷺ pernah diberitakan:

*“Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas dan di antara keduanya terdapat perkara-perkara syubhat yang kebanyakan manusia tidak ketahui. Maka, sesiapa yang menjauhi diri daripada perkara-perkara yang syubhat telah menyelamatkan agamanya dan kehormatannya, dan sesiapa yang terjerumus ke dalam perkara-perkara yang syubhat itu telah jatuh ke dalam Haram (yang tidak dibenarkan), sebagaimana pengembala yang menggembala itu bebas merumput di sekitar sesuatu kawasan. Sesungguhnya setiap raja mempunyai kawasan (tempat) suci, dan kawasan (tempat) suci Allah adalah larangan-*

*Nya. Sesungguhnya di dalam jasad itu ada segumpal daging yang mana jika ia baik maka baiklah seluruh jasad, dan jika ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad itu. Ia (daging itu) adalah hati.”*

(Riwayat Bukhari & Muslim)



## ETIKA BERMAKAN DAN BERMINUM

Setiap hari, sajian makanan kita telah disediakan oleh Allah SWT. Justeru, kita wajib untuk mensyukuri rezeki (*rizq*) yang diberikanNya. Salah satu cara untuk menunjukkan rasa syukur atas apa yang telah diberikan adalah dengan mengamalkan adab ketika makan atau minum. Berikut adalah beberapa adab asas dalam Islam yang baik untuk kita amalkan:



01

### BASUH TANGAN SEBELUM DAN SELEPAS MAKAN

Kebersihan adalah suatu aspek yang penting dalam Islam. Mencuci tangan sebelum dan selepas makan memastikan kebersihan dan merupakan adab yang betul.

02

### MENYEBUT NAMA ALLAH SEBELUM MAKAN

Nabi ﷺ telah mengajar kita supaya menyebut nama Allah (*bismillah*) sebelum makan. Dalam sebuah hadis, Nabi ﷺ pernah mengingatkan seorang budak lelaki supaya menjaga adab ketika makan:

*“Wahai anak muda, sebutlah nama Allah, makanlah dengan tangan kananmu, dan makanlah dari apa yang ada di hadapanmu.”* (Riwayat Muslim)

03

### MENGUNAKAN TANGAN KANAN KETIKA MAKAN DAN MINUM

Nabi ﷺ memberi amaran kepada kita di dalam sebuah hadis:

*“Janganlah kamu makan dengan tangan kiri, kerana syaitan makan dengan tangan kirinya.”* (Riwayat Muslim)

04

### MAKAN DARI HIDANGAN YANG DEKAT PADA KITA

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Nabi ﷺ menasihati kita untuk ‘makan dari apa yang ada di hadapan anda,’ kerana jika kita menjangkau lebih jauh apabila sudah mempunyai makanan di hadapan kita, ia dianggap kurang sopan. Selain itu, kita juga akan mengganggu orang lain semasa mereka sedang makan.

### **TIDAK DIGALAKKAN UNTUK MAKAN ATAU MINUM SAMBIL BERDIRI**

06

Rasulullah ﷺ sangat melarang makan atau minum sambil berdiri. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas (RA):

*Nabi ﷺ melarang kita minum sambil berdiri. Qatadah melaporkan: "Kami bertanya kepadanya: 'Bagaimana dengan makan?'" Dia ﷺ berkata: "Itu lebih buruk, (atau mungkin dia berkata) lebih menjijikkan."* (Riwayat Muslim)

### **JANGAN MEMBAZIR ATAU MAKAN SECARA BERLEBIHAN**

07

Seseorang harus mengelakkan sebarang pembaziran makanan atau makan secara berlebihan. Islam mengajar kita supaya mengamalkan gaya hidup sederhana, sebagaimana yang disebutkan oleh Rasulullah ﷺ dalam hadis berikut:

*"Tiada seorang pun yang mengisi bejana yang lebih buruk berbanding perutnya. Beberapa suapan sudah memadai untuk memberikan kekuatan yang dia perlukan. Tetapi jika dia harus makan lebih banyak, maka hendaklah dia mengisi sepertiga (perutnya) dengan makanan, sepertiga lagi dengan minuman dan meninggalkan sepertiga lagi untuk mudah bernafas."* (Riwayat Tirmidzi)

### **JANGAN MENCELA MAKANAN ATAS APA ALASAN PUN, DAN BERSYUKUR KEPADA ALLAH**

08

Ini adalah satu bentuk penghargaan dan kesyukuran kepada Allah SWT kerana telah memberi kita makan dan minum. Seseorang itu hendaklah sentiasa menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT dengan mengucapkan 'Alhamdulillah' apabila selesai makan. Sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis, Nabi ﷺ bersabda:

*"Allah redha kepada hamba-Nya yang memakan sesuatu lalu memuji-Nya keatas itu dan meminum sesuatu serta memuji-Nya keatas itu."* (Riwayat Muslim)

Adab-adab yang dinasihatkan oleh Nabi ﷺ dan dianjurkan dalam Islam adalah supaya kita sebagai umat dapat meneladaninya. Mereka juga melindungi kita daripada mempamerkan kemewahan dan kebanggaan, serta mengelakkan dari penyakit yang boleh disebabkan dengan pengambilan makanan tertentu. Mereka juga membentuk akhlak umat Islam supaya sentiasa bersyukur kepada Allah SWT, membuat kita sentiasa mengingatiNya serta mengingati limpah kurnia dan kekayaanNya kepada kita.

## RINGKASAN BAB

- Sebelum mengambil apa-apa makanan atau minuman, hendaklah dipastikan samada halal untuk dimakan. Jika kita ragu-ragu, lebih baik elakkan dari memakannya sama sekali.
- Sangat digalakkan untuk mengambil makanan yang bukan sahaja halal, tetapi berkhasiat dan baik (*halalan toyyiban*).
- MUIS adalah satu-satunya organisasi di Singapura yang diberi kuasa untuk mengeluarkan sijil halal. Perniagaan perlu mematuhi syarat tertentu untuk disahkan halal.
- Pengesahan halal di Singapura bermakna semua makanan dan minuman yang dihidangkan adalah halal, semua peralatan tidak bersentuhan atau telah disucikan jika terdapat makanan yang tidak halal, dan persekitaran tempat menyediakan makanan tidak akan bersentuhan dengan makanan atau bahan yang tidak halal.
- Hendaklah menjaga adab makan dan minum agar dapat menghayati dan mensyukuri dengan sepuuhnya makanan dan minuman yang Allah SWT telah berikan. Dengan berbuat demikian, seseorang juga memastikan kebersihan yang baik dan mengelakkan diri daripada berlebihan dan membazir.



The background of the entire page is a repeating pattern of blue geometric shapes, including squares, triangles, and polygons, arranged in a complex, interlocking design. The shapes are outlined in a medium blue color against a light beige background.

## BAB 11

# PAKAIAN MUSLIM





## KONSEP PAKAIAN DAN KESOPANAN DALAM ISLAM

Tujuan pakaian dan menutup anggota tubuh bukan sahaja untuk melindungi kita dari cuaca atau perubahan musim, tetapi ia juga memelihara maruah diri dengan menutup bahagian-bahagian yang wajib ditutup menurut fitrah kesopanan dalam diri kita semua. Bagaimanapun, dalam Islam, matlamat berpakaian adalah lebih daripada itu.

Bukan sekadar berpakaian yang sesuai atau dengan sopan, umat Islam dituntut untuk menutup bahagian intim badan, yang disebut sebagai 'aurah'. Merahsiakan aurat dari pandangan orang merupakan suatu perbuatan moral untuk menjaga susila dan kesopanan. Oleh sebab itulah Allah SWT melarang kita daripada mendedahkannya.

Perbuatan menutup aurat juga dianggap sebagai satu aspek mengingati nikmat Allah SWT yang telah memberi kita pakaian, sebagaimana disebutkan di dalam ayat Al-Qur'an di bawah:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِمَّا خَلَقَ ظِلَالًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنَ الْجِبَالِ أَكْنَانًا وَجَعَلَ لَكُمْ سَرَابِيلَ تَقِيَكُمُ الْحَرَّ وَسَرَابِيلَ تَقِيَكُمُ بَأْسَكُمْ ۚ كَذَلِكَ يُتِمُّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تُسْلِمُونَ ﴿٨١﴾

'Dan Allah menjadikan bagi kamu sebahagian dari yang diciptakanNya: benda-benda untuk berteduh, dan Ia menjadikan bagi kamu sebahagian dari gunung-gunang tempat-tempat berlindung; dan Ia juga menjadikan bagi kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari panas dan sejuk, juga pakaian-pakaian yang memelihara kamu semasa berjuang. Demikianlah, Ia menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu berserah diri kepadaNya dan mematuhi perintahNya.'

(Qur'an 16:81)

Islam membenarkan semua jenis pakaian, selagi mana ia tidak melampaui batas yang ditetapkan agama. Tiada ada pakaian seragam atau khusus yang perlu dipakai oleh orang Islam.

Namun, apabila seseorang itu, dengan secara konsisten, menjadikan amalan berpakaian sopan mengikut garis panduan Islam, maka ia boleh menjadi sesuatu pengaruh positif keatas kerohanian dan sikapnya. Allah SWT telah menyebut dalam Al-Qur'an:


يَا بَنِي آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُورِيهِ  
سَوَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسُ التَّقْوَىٰ ذَٰلِكَ خَيْرٌ  
ذَٰلِكَ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ﴿٢٦﴾

*“Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).”*

*(Qur'an 7:26)*

Oleh itu, adalah lebih baik untuk kita berpakaian sopan dan menutup aurat, kerana mengutamakan kesopanan secara zahir akan mempengaruhi kesejahteraan rohani seseorang, sebagaimana kerohanian dalaman seseorang itu akan mencerminkan penampilannya juga.





## GARIS PANDU KESOPANAN DALAM ISLAM (AURAT)

Definisi 'aurah untuk lelaki dan wanita berbeza, tetapi mereka mempunyai asas kesopanan dan akhlak yang sama.

### KOD KESOPANAN LELAKI

Bagi lelaki, auratnya bermula dari pusat hingga ke lutut. Walau bagaimanapun, ini bukan bermakna bahawa lelaki bebas memakai seluar tiga suku sahaja, sebagai contoh, dan mendedahkan dada mereka, walaupun kepada lelaki lain, melainkan jika perlu.

### KOD KESOPANAN WANITA

Bagi wanita, 'aurat mereka berbeza apabila di hadapan mahram, orang bukan mahram atau suami mereka sendiri.

Di hadapan orang bukan mahram, 'aurat wanita terdiri daripada seluruh tubuhnya kecuali tangan dan mukanya.

Apabila hanya terdapat mahram sahaja, aurat wanita terdiri pula daripada seluruh tubuhnya kecuali tangan, muka, kepala, rambut, leher, lengan dan segala yang berada di bawah paras lutut. Wanita hanya dibenarkan untuk mendedahkan sepenuhnya 'aurah mereka di hadapan suami mereka dan dalam privasi.



وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۚ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۚ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرَ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ۚ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتَوْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.”(Qur’an 24:31)

Seperti yang dinyatakan di atas, maka bolehlah dirumuskan bahawa memakai penutup kepala wanita (hijab) yang menutup rambut, telinga dan leher wanita adalah suatu perintah Allah SWT.

Adakalanya, wanita Islam di kawasan tertentu boleh menutup diri mereka dengan tambahan kain gelap, yang hanya mendedahkan mata (niqab). Ini biasanya disebabkan norma dan jangkaan kebudayaan, dan adakalanya untuk meningkatkan lagi kesopanan dalam konteks mereka, walaupun tidak wajib untuk berbuat demikian.





## TAHUKAH ANDA BAHAWA WANITA WAJIB MENUTUP AURAT SELEPAS BALIGH?

Apabila wanita telah baligh, maka wajiblah mereka menutup auratnya, sebagaimana disebutkan dalam hadis di bawah yang bermaksud:

قَالَ يَعْقُوبُ بْنُ دُرَيْكِ - عَنْ عَائِشَةَ،  
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ أَسْمَاءَ بِنْتَ أَبِي بَكْرٍ،  
دَخَلَتْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ وَعَلَيْهَا ثِيَابٌ رِقَاقٌ فَأَعْرَضَ عَنْهَا  
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ “  
يَا أَسْمَاءُ إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْمَحِيضَ  
لَمْ تَصْلَحْ أَنْ يَرَى مِنْهَا إِلَّا هَذَا وَهَذَا.”  
وَأَشَارَ إِلَى وَجْهِهِ وَكَفِّهِ

“Asma binti Abu Bakar, masuk kepada Rasulullah ﷺ dengan pakaian baju yang nipis. Rasulullah ﷺ pun berpaling pandangan darinya. Baginda ﷺ berkata: “Wahai Asma’, apabila seorang wanita sampai ke umur haid, tidak sesuai baginya untuk mempamerkan bahagian tubuhnya kecuali ini dan ini, dan Baginda menunjukkan muka dan tangannya.”  
(Diriwayatkan oleh Abu Dawud)

## JENIS PAKAIAN YANG HARAM DALAM ISLAM

Umat Islam tidak diwajibkan untuk memakai jenis pakaian atau seragam tertentu. Walau bagaimanapun, terdapat garis panduan dan larangan yang perlu kita patuhi yang berkaitan dengan pakaian dalam Islam, untuk kedua-dua jantina, seperti yang disenaraikan berikut.

01

### TIDAK BOLEH BERPAKAIAN KETAT ATAU MENGGUNAKAN KAIN JARANG

Orang Islam tidak dibenarkan untuk mendedahkan bentuk badan atau kulit bahagian auratnya (sehingga dapat kelihatan warna kulit tersebut). Pakaian yang ketat juga termasuk dalam kategori ini, kerana ia boleh mendedahkan bentuk dan susuk tubuh seseorang. Umat Islam digalakkan memakai pakaian berwarna gelap dengan tujuan kerana ia lebih mudah untuk merahsiakan aurat, dan dengan itu menjaga kesopanan dan maruah seseorang.

02

### PAKAIAN MESTILAH SESUAI DENGAN JANTINA

Lelaki tidak boleh meniru wanita, dan begitu juga sebaliknya, dalam tingkah laku mahupun pakaian mereka. Allah SWT telah menciptakan lelaki dan wanita dengan peranan masing-masing yang tersendiri dan dalam semulajadi (fitrah) agar mereka dapat saling melengkapi antara satu sama lain dengan harmoni. Islam mengakur perbezaan biologi antara jantina. Oleh itu, manusia akan dapat memenuhi peranan semula jadi apabila memakai pakaian yang sesuai dengan jantinya.

03

### LELAKI TIDAK BOLEH MEMAKAI SUTERA TULEN ATAU BERTIAS DENGAN EMAS

Sutera dan emas biasanya dikaitkan dengan wanita. Oleh itu, lelaki Muslim dilarang memakai pakaian sutera tulen dan menghiasi diri mereka dengan perhiasan emas kerana ini menyerupai kebiasaan wanita, seperti yang disebutkan oleh Nabi kita ﷺ dalam hadis berikut:

*“Ini (emas dan sutera) diharamkan bagi lelaki dikalangan umatku tetapi halal bagi wanita.” (Diriwayatkan oleh Ibnu Majah)*

04

### JANGAN BERPAKAIAN MEWAH DENGAN KESOMBONGAN DAN TUJUAN MENIPU

Walaupun Allah SWT tidak melarang orang Islam daripada memakai pakaian yang bagus, orang Islam harus berhati-hati untuk mengelakkan pemborosan dan pembaziran kerana limpah kurniaNya kepada kita tidak boleh ditonjolkan untuk menimbulkan iri hati dan kesedihan di kalangan orang lain. Sebagaimana Nabi ﷺ nasihatkan:

*“Makanlah, bersedekahlah dan pakailah pakaian. Jangan mencampurkan apa yang kamu jerakan dengan berlebih-lebihan dan kesombongan.” (Riwayat An-Nasa’i)*

## RINGKASAN BAB

- Kita hendaklah menutup aurat kerana ia merupakan perintah agama.
- Umat Islam tidak diwajibkan memakai jenis pakaian atau seragam tertentu. Walau bagaimanapun, terdapat garis panduan dan larangan yang perlu kita patuhi dalam bab pakaian dalam Islam bagi kedua-dua jantina.
- Antara jenis pakaian yang diharamkan dalam Islam termasuklah pakaian yang menggunakan kain yang jarang, berboros dalam berpakaian, dan pakaian yang mempunyai imej atau watak yang melambangkan agama lain.
- Pakaian bukan sahaja kenyataan fesyen tetapi juga merupakan kenyataan identiti sebagai orang Islam. Oleh itu, kita perlu mempamerkan Islam dengan cara yang tersendiri dan yang terbaik.







BAB 12

FUNGSI  
SEBUAH  
MASJID



## MASJID-MASJID DALAM ISLAM

Setiap agama mempunyai tempat yang ditetapkan yang dianggap suci oleh penganutnya. Dalam Islam, masjid mempunyai kepentingan yang besar, baik dari segi fungsi mahupun simbolik. Kehadiran masjid dalam sesebuah kawasan bukan sahaja membolehkan umat Islam beribadat secara berjemaah, malah ia juga menunjukkan kehadiran sesebuah masyarakat Islam yang bersatu padu.

Islam memberi ganjaran yang tinggi kepada seseorang Muslim yang mengunjungi masjid, solat berjemaah, berbakti kepada masjid, dan menyumbang kepada penjagaan masjid dan fungsinya, dalam apa jua cara pun. Dalam hadis berikut, Nabi ﷺ bersabda bahawa jika seseorang itu menyumbang untuk membina


masjid dengan niat untuk agama, maka Allah SWT akan membalasnya dengan memberikan pahala sebuah rumah di dalam syurga nanti.

Diriwayatkan dari Jabir bin Abdullah (RA) bahwa Rasulullah ﷺ bersabda:

*“Barangsiapa yang membangunkan masjid kerana Allah, (walau sebesar) seperti sarang burung pipit untuk Allah atau lebih kecil, maka Allah akan membangunkan untuknya sebuah rumah di syurga.”*

*(Riwayat Ibnu Majah)*

Dalam hadis lain, Nabi ﷺ menyebut tujuh golongan manusia yang akan mendapat perlindungan Allah SWT pada Hari Kiamat, dan salah satunya adalah orang yang hatinya terpaut kepada masjid. Baginda ﷺ bersabda:



**Diriwayatkan oleh Abu Hurairah (RA):**

*“Allah akan memberi naungan kepada tujuh (golongan), pada hari yang tiada naungan selain naunganNya: seorang pemimpin yang adil, seorang pemuda yang dibesarkan dalam beribadah kepada Allah (yakni beribadah kepada Allah dengan ikhlas sejak umur kecil), seorang lelaki yang hatinya terpaut dengan masjid (iaitu solat fardhu di masjid berjemaah), dua orang yang saling mencintai kerana Allah dan mereka bertemu dan berpisah hanya kerana Allah sahaja, seorang lelaki yang menolak panggilan wanita bangsawan yang menawan untuk berzina dengannya dan berkata: Aku*

*takut kepada Allah, seorang lelaki yang bersedekah secara sembunyi-sembunyian sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang telah disedekahkan oleh tangan kanannya (iaitu tiada siapa yang tahu berapa banyak yang dia telah sedekahkan), dan orang yang berzikir kepada Allah dalam keadaan seorangan dan matanya berlinang dengan air mata.”*  
(Riwayat Ibnu Majah)

Riwayat-riwayat ini menekankan tanggungjawab individu dalam menjaga masjid, sekali gus menggalakkan semangat bergotong-royong dalam berkhidmat untuk agama.

## FUNGSI-FUNGSI SEBUAH MASJID

Pada zaman Nabi ﷺ, masjid berfungsi sebagai sebuah pusat yang memenuhi keperluan agama, sosial, pendidikan, ekonomi, dan juga politik masyarakat. Di Singapura hari ini, masjid berfungsi sebagai badan tambahan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) untuk memenuhi keperluan keagamaan masyarakat Islam.

### Tempat ibadat

Sewaktu hijrah Nabi ﷺ ke Madinah, antara perkara pertama yang Baginda lakukan adalah membina sebuah masjid di Quba', sebuah kawasan di pinggir Madinah. Tujuan Baginda ﷺ adalah untuk menyediakan tempat untuk umat Islam menunaikan solat fardhu lima waktu berjemaah, dan untuk kaum lelaki menunaikan solat fardhu Jumaat.

Hari ini, masjid di Singapura mengekalkan fungsinya sebagai tempat ibadat dengan mengadakan solat berjemaah bagi setiap solat lima waktu termasuk solat Jumaat. Selain solat fardhu, masjid di Singapura juga memainkan peranan penting untuk membolehkan masyarakat Islam menunaikan solat sunat berjemaah, seperti solat tarawih di bulan Ramadan, solat dua hari raya (Aidilfitri dan Aidiladha), solat sunat gerhana, dan juga solat malam (*qiyamullail*).

### Pusat pendidikan agama

Selain madrasah sepenuh masa dan kelas-kelas agama mingguan

di institusi swasta<sup>16</sup>, masjid-masjid di Singapura juga menawarkan pendidikan agama melalui kelas-kelas atau kursus yang dijadualkan pada waktu bukan solat. Setiap masjid akan mempunyai jadual kursus tersendiri yang meliputi topik agama tertentu yang disediakan kepada orang ramai melalui pendaftaran.

Ceramah ringkas, yang biasanya disebut sebagai kuliah, adakalanya disampaikan antara waktu-waktu solat berjemaah. Ceramah yang lebih panjang, yang biasanya disebut sebagai syarahan, sering dianjurkan sewaktu musim tarikh-tarikh yang penting dalam kalendar Islam. Ketersediaan kelas dan ceramah tertakluk kepada pentadbiran masjid. Umat Islam dialu-alukan untuk bertanya tentang jadual kelas dan ceramah di pejabat utama masjid.



<sup>16</sup> Rujuk Bab 4: Organisasi Islam di Singapura untuk butiran



## Pusat sosial

Masjid-masjid di Singapura berperanan untuk memperkukuhkan masyarakat Islam yang berada di sekeliling mereka. Kebanyakan masjid yang terletak di dalam atau berhampiran kawasan perumahan juga telah menubuhkan jawatankuasa sukarela atau sayap belia. Jawatankuasa-jawatankuasa sukarela ini ditugaskan untuk membantu dalam melaksanakan aktiviti dan acara masjid, menyediakan peluang untuk umat Islam memainkan peranan aktif dalam pengurusan masjid dan khidmat-khidmat yang berkaitan dengannya, dan bukan sekadar bersikap pasif sebagai pihak yang menerima sahaja. 'Unit Perkhidmatan Sosial', yang terdapat di beberapa masjid di Singapura juga bergantung

kepada tenaga kerja sukarela. Unit ini menjalankan program rekreasi, bengkel kemahiran, dan latihan pembangunan.

### Aktiviti & acara yang diadakan di masjid



Karnival Keluarga



Mengkhataamkan bacaan Al-Qur'an setiap bulan



Pengagihan makanan sewaktu perayaan



Ibadah Korban semasa Aidiladha



Ceramah musiman



Unit Perkhidmatan Sosial di masjid adalah kerjasama antara MUIS, kawan sukarela (Befrienders) dan masjid yang bertujuan untuk membantu golongan masyarakat Islam yang kurang bernasib baik. Mereka mungkin termasuk dalam kategori yang mempunyai penyakit kronik, kurang upaya, berpendapatan rendah, dan keluarga yang dalam keadaan susah.

Kumpulan ini diberikan bantuan kewangan, subsidi yuran kelas agama, kupon makanan semasa musim perayaan, dan banyak lagi. Dengan adanya Unit Perkhidmatan Sosial, ia membantu membina hubungan antara umat Islam dan masjid yang saling dipercayai.





## PERANAN PENTADBIRAN MASJID

Khidmat tambahan yang disediakan oleh masjid di Singapura adalah seperti yang disenaraikan di bawah. Maklumat mengenai khidmat-khidmat khusus yang di masjid-masjid tertentu bolehlah didapati dari laman web masjid-masjid tersebut.

### Pengutipan Zakat

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga. Umat Islam yang memenuhi syarat zakat wajib untuk menzakatkan sebahagian daripada harta mereka, untuk diagihkan kepada beberapa golongan khusus dalam masyarakat.

Hampir semua masjid di Singapura mempunyai pusat kutipan zakat, lantas memudahkan masyarakat Islam untuk melaksanakan tanggungjawab zakat mereka.

Semua masjid juga dilantik sebagai pusat kutipan Zakat Fitrh pada bulan Ramadan.

### Dana Pembangunan Masjid dan Mendaki (MBMF)

Dana Pembangunan Masjid dan Mendaki (MBMF) MUIS diperuntukkan khusus untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf yang diperlukan oleh masjid-masjid di Singapura, serta untuk menyokong inisiatif pendidikan agama.

MBMF adalah dana yang wajib dibayar oleh semua orang Islam mengikut peringkat pendapatan mereka, tanpa mengira kaum dan kewarganegaraan. Caruman bulanan adalah serendah S\$3 dan setinggi S\$26, berdasarkan jumlah gaji seseorang pekerja Islam.

## REKA BENTUK DAN KEMUDAHAN MASJID

Setiap masjid di Singapura mempunyai keunikan dari sudut seni bina, reka bentuk dalaman dan kemudahan yang ditawarkan. Walau bagaimanapun, hampir semua masjid di sini mempunyai tiga ciri utama yang serupa:

### Ruang solat utama (*I'tikaf*)

Ruang solat utama, atau biasa disebut sebagai kawasan i'tikaf, adalah dewan ibadah utama dalam masjid dan beralaskan permaidani. Terdapat kawasan i'tikaf khusus yang ditetapkan untuk kedua-dua kaum lelaki dan wanita.



### Tempat solat tambahan

Ruang solat tambahan adalah kawasan di luar dewan solat utama yang digunakan sebagai kawasan umum semasa di luar waktu solat. Para jemaah boleh menggunakan ruang tambahan ini untuk solat berjemaah sekiranya ruang solat utama telah dipenuhi. Masjid yang mempunyai tempat letak kereta tingkat bawah tanah biasanya menggunakan kawasan tempat letak kereta itu pada waktu-waktu seperti Solat Jumaat, tarawih dan Hari Raya. Kawasan-kawasan ini juga boleh digunakan untuk mengadakan acara-acara semasa majlis masjid, majlis perkahwinan, atau sebagai ruang untuk berbuka puasa pada bulan Ramadan.



### Kemudahan lain

Bahagian lain di dalam masjid mengandungi kemudahan seperti ruang pejabat, bilik darjah, kafe, dan bilik majlis. Masjid yang lebih besar juga mungkin mempunyai auditorium, galeri sejarah atau perpustakaan. Masjid-masjid seperti An-Nahdhah dan Kampung Siglap mempunyai kemudahan khas yang ditempatkan bersama dalam premis mereka. Masjid An-Nahdhah merupakan tuan rumah bagi Pusat Harmoni Singapura, yang bertujuan untuk mengekalkan keharmonian antara semua agama di Singapura. Bagi Masjid Kampung Siglap pula, pusat hafalan Al-Qur'an Darul Qur'an terdapat di kawasan kecil di dalamnya.





## PERUBAHAN PADA REKA BENTUK, KEMUDAHAN, DAN PERKHIDMATAN MASJID

Saban tahun, masjid-masjid di Singapura telah menyesuaikan seni bina dan reka bentuk dalam menurut pengaruh budaya yang berbeza yang terdapat di Singapura - daripada reka bentuk Melayu Nusantara, kepada seni bina India yang terkemuka, dan gabungan warisan tempatan dengan pengaruh Arab dan Eropah. Seni bina masjid di Singapura sering direka mengikut sejarah lokasi pembinaan masjid tersebut.



*Seni bina Masjid Sultan yang berdasarkan warisan Melayu*



*Masjid Abdul Ghafoor mengambil seni binanya dari pengaruh Arab dan Renaissance*



*Pengaruh India Selatan dalam seni bina Masjid Jamae Chulia*

Menjelang era moden, masjid-masjid yang baru dibina penuh dengan bentuk seni bina moden dan minimalis. Beberapa masjid baru juga dibina tanpa sempadan pagar atau dinding, membolehkan penggunaan 24 jam di dewan solat utama. Objektif reka bentuk tanpa pagar adalah untuk menggalakkan umat Islam menunaikan solat sunat malam yang sangat afdal.

Ciri-ciri masjid baru yang lain termasuklah ciri bebas halangan seperti tanjakan dan lif, yang bertujuan memudahkan laluan individu yang berkerusi roda. Merata sudut belajar juga disediakan untuk pelajar ulang kaji kerja-kerja sekolah.

Selain kemudahan moden, perkhidmatan yang ditawarkan oleh masjid juga telah disesuaikan dengan keperluan umat Islam. Khidmat penjagaan anak yang disediakan pada bulan puasa Ramadan membantu ibu bapa dalam pengawasan anak-anak mereka dan mengatasi cabaran-cabaran menyertai solat berjemaah.

## PERBEZAAN ANTARA MASJID & MUSOLLA

Nabi ﷺ bersabda dalam sebuah hadis:

*“Telah dijadikan untukku (dan umatku) bumi sebagai tempat solat dan sesuatu untuk bertayammum (untuk bersuci untuk solat). Oleh itu, sesiapa sahaja (dari kalangan pengikutku) boleh solat (di mana-mana sahaja) dan pada bila-bila masa yang sepatutnya.” (Riwayat Bukhari)*

Namun begitu, masyarakat Islam di Singapura sangat berkelebihan kerana mempunyai 70 masjid di sekitar negara. Selain daripada 70 masjid ini, terdapat banyak lagi ruang solat yang disediakan untuk kegunaan orang ramai seperti di Lapangan Terbang Changi, pusat membeli-belah, dan

kawasan swasta yang lain. Tempat-tempat ini dikenali sebagai musolla.

Di musolla, solat fardhu lima waktu boleh dilakukan secara sendirian atau berjemaah, bergantung kepada orang yang hadir untuk solat. Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian bahawa solat Jumaat jarang diadakan di musolla disebabkan ruang yang terhad yang hanya boleh memuatkan bilangan jemaah yang sedikit.

Pada masa ini, tidak ada senarai musolla yang rasmi kerana lokasi musolla yang tidak rasmi mungkin beralih dan berubah dari semasa ke semasa. Biasanya, senarai musolla di sekitar Singapura dikongsi di kalangan masyarakat Islam melalui pelbagai platform media sosial.



## ADAKAH SAYA HANYA DIBENARKAN UNTUK SOLAT DI TEMPAT-TEMPAT YANG DITETAPKAN?

Sebagai umat Islam, kita tidak perlu solat di sesuatu ruang solat yang ditetapkan. Cukuplah jika anda solat di tempat yang kelihatan bersih dari kotoran (najis), di mana kamu boleh membentangkan sejadah menghadap kiblat dan tunaikan solat.



Sekiranya anda tidak mempunyai sejadah, solat di permukaan lantai yang bersih juga boleh diterima. Habuk bukanlah sesuatu najis, dan kesan kekotoran yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar adalah dimaafkan. Namun begitu, bertimbang-rasalah terhadap keperluan orang lain.

Pastikan anda tidak menghalang laluan, tidak menyusahkan orang lain, atau lebih teruk, menjejaskan keselamatan diri sendiri!

## ETIKA DALAM MASJID

Apabila mengunjungi masjid, terdapat adab-adab tertentu yang perlu dipatuhi oleh pengunjung seperti peraturan pakaian, kawasan yang dibenarkan atau dilarang masuk, dan doa yang digalakkan semasa masuk atau keluar masjid.

### Pakaian

Sebagai menghormati kesucian masjid dan menghormati jemaah lain, pengunjung masjid digalakkan supaya berpakaian rapi dan sopan.<sup>17</sup>



### Bergerak dalam Kawasan Masjid

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kawasan solat di setiap masjid diasingkan mengikut jantina. Oleh itu adalah penting bagi pengunjung masjid untuk memasuki kawasan yang mereka dibenarkan sahaja. Membawa kanak-kanak ke kawasan yang bukan jantina mereka boleh dilakukan mengikut keadaan.

Bagaimanapun, ruang solat yang ditetapkan di dalam masjid mungkin berubah mengikut jumlah jemaah. Kebiasaannya, jemaah wanita akan dibenarkan masuk kawasan yang bertirai di ruang solat utama lelaki semasa solat fardhu bilamana jumlah jemaah keseluruhannya adalah sedikit.



## BAGAIMANA JIKA ORANG AGAMA LAIN TIDAK MENUTUP 'AURATNYA APABILA MEREKA MENGUNJUNGI MASJID?

Masjid adalah rumah Allah, yang membentangkan rahmat dan belas kasihanNya untuk sekalian makhluk. Oleh itu, sebagai tetamu Allah, kita harus melayan tetamuNya yang lain dengan mesra. Kami boleh menggalakkan mereka untuk berpakaian sesuai, tetapi bukan dengan cara yang merendahkan mereka. Ini termasuk juga bagi orang Islam yang datang ke masjid untuk menunaikan solat, tetapi tidak menutup aurat. Kewajipan kita adalah untuk memberi nasihat dengan cara yang paling hormat dan sesuai.

<sup>17</sup> Rujuk Bab 11: Pakaian Muslim untuk butiran

## DOA-DOA & BACAAN

Terdapat juga adab-adab dari segi solat dan doa, bermula dari saat seorang Muslim memasuki masjid sehinggalah waktu dia keluar. Di bawah terdapat doa-doa dan bacaan tersebut:

### DOA KETIKA MASUK MASJID

اللَّهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

*Allaahummaftah lii abwaaba rahmatik*  
*Ya Allah! Bukakanlah untukku pintu-pintu rahmatMu*

### NIAT UNTUK I'TIKAF

Ketika seorang Muslim berada di dalam masjid untuk niat ibadah, ia merupakan perbuatan I'tikaf

نَوَيْتُ الْإِعْتِكَافَ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ لِلَّهِ تَعَالَى

*Nawaitul I'tikaafa fi haadzal masjidi lillaahi ta'aala*  
*Aku berniat untuk berada dalam keadaan beribadat (i'tikaf)*  
*di masjid ini kerana Allah*

### SOLAT MENGHORMATI MASJID (SUNNAH TAHIYYATUL MASJID)

Solat sunnah yang sangat digalakkan ini adalah solat ketibaan yang terdiri daripada dua rakaat yang dilakukan oleh seorang Muslim sebagai ucapan hormat apabila memasuki masjid, iaitu rumah Allah

أَصَلَّى سُنَّةَ تَحِيَّةِ الْمَسْجِدِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

*Ushollii sunnatat tahiyyatul masjidi rak'ataini lillaahi ta'aala*  
*Sahaja aku solat sunat tahiyyatul masjid dua rakaat kerana Allah*

### DOA KETIKA KELUAR DARI MASJID

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ

*Allahumma innii as-aluka min fadhlik*  
*Ya Allah! Aku memohon dari kebaikanMu*

## RINGKASAN BAB

- Masjid di Singapura memainkan fungsi penting dalam masyarakat Islam.
- Fungsi masjid adalah luas - menjangkau kerohanian dan merangkumi fungsi sosial, pendidikan dan pentadbiran yang diperlukan oleh masyarakat Islam.
- Banyak aktiviti, acara dan program yang dianjurkan oleh kumpulan sukarelawan dan masjid sepanjang tahun untuk meningkatkan penglibatan dalam masyarakat.
- Walaupun semua orang, termasuk penganut agama lain, dialu-alukan untuk mengunjungi masjid, terdapat adab-adab yang perlu diperhatikan, seperti berpakaian sopan, dan berdoa ketika masuk atau keluar dari masjid.





A red geometric pattern consisting of interlocking polygons, primarily hexagons and pentagons, forming a complex tessellation. The pattern is centered around a large, light-colored circular area where the text is located.

**BAB 13**

**ISLAM  
DAN  
BUDAYA**



## MEMAHAMI BUDAYA DAN MASYARAKAT

Dunia ini terdiri daripada pelbagai jenis negara dan kaum. Manusia biasanya dikenali berdasarkan kewarganegaraan, kaum atau agama mereka. Terdapat faktor yang sama yang melintasi kesemua kategori-kategori tersebut, iaitu budaya.

Budaya adalah sesuatu gabungan yang terdiri dari norma sosial, jangkaan, amalan, dan adat resam yang dijunjung oleh setiap satu golongan. Walaupun budaya merupakan suatu konsep yang wujud hampir di mana-mana, dari populasi yang besar dalam sesebuah negara kepada ruang kerja yang agak kecil, istilah budaya biasanya dikaitkan dengan kaum etnik. Budaya juga boleh didapati di persimpangan pelbagai interaksi sosial. Sebagai contoh, pemberian hadiah dalam



bentuk wang tunai semasa Aidilfitri adalah sesuatu gabungan antara ajaran Islam dan budaya Asia.

Singapura masyhur dengan kepelbagaian budaya dan agama sebagai sesuatu ciri masyarakatnya. Ia menampung tiga kumpulan etnik yang utama - Cina, Melayu dan India – dan juga sekitar 10 macam kepercayaan agama.

Agama yang utama disenaraikan sebagai Buddhisme, Taoisme, Kristian, Hindu dan Islam. Oleh kerana setiap kaum dan agama mempunyai budaya mereka sendiri, adalah sangat penting bagi kita untuk membezakan budaya dan amalan antara setiap kaum dan agama untuk mengelakkan salah tanggapan terhadap amalan tertentu.



### Komposisi kaum bagi penduduk yang bermastautin di Singapura



## AGAMA DAN BUDAYA DI SINGAPURA<sup>18</sup>

Di Singapura, tanggapan bahawa sesuatu kaum itu hanya menganut sesuatu agama yang tertentu masihlah berleluasa. Lazimnya, agama Buddha dikaitkan dengan bangsa Cina dan agama Hindu dikaitkan dengan bangsa India. Bancian 2010 telah melaporkan bahawa 57% daripada kaum Cina dan 59% daripada kaum India masing-masing beragama Buddha dan Hindu.

Agama Islam pula selalunya kuat dikaitkan dengan bangsa Melayu. Ini disebabkan majoriti orang Melayu itu beragama Islam. Menurut bancian pada 2010, sekitar 98% orang Melayu beragama Islam. Selain itu, dalam masyarakat Islam, kebanyakan

ceramah dan kelas agama sering disampaikan dalam bahasa Melayu. Pada 2010, kira-kira 15% daripada penduduk Singapura berumur 15 tahun dan ke atas adalah beragama Islam.



<sup>18</sup> Jabatan Perangkaan Singapura (2015). Diambil pada 29 Oktober 2018 daripada [https://www.singstat.gov.sg/-/media/files/visualising\\_data/infographics/ghs/highlights-of-ghs2015.pdf](https://www.singstat.gov.sg/-/media/files/visualising_data/infographics/ghs/highlights-of-ghs2015.pdf)



*Kuil Peninggalan Gigi Buddha Singapura (Singapore Buddha Tooth Relic Temple) – Kuil Buddha di Singapura sering dikaitkan dengan kaum Cina yang membentuk majoriti penganut agama Buddha.*



*Sambutan Thaipusam di Singapura – Memandangkan majoriti penganut Hindu adalah kaum India, kaum India biasanya dikaitkan dengan agama Hindu.*



*Krismas disambut oleh penganut Kristian di Singapura. Walau bagaimanapun, budaya bertukar-tukar hadiah juga dapat diperhatikan di kalangan tempat-tempat kerja dan beberapa kaum semasa perayaan ini.*



## ISLAM DAN BANGSA MELAYU

Islam adalah agama yang memperkenalkan sesuatu kebudayaan yang bebas daripada budaya mana-mana kaum. Walau bagaimanapun, pengaruh budaya Melayu agak dominan dalam masyarakat Islam di Singapura.

Contoh pengaruh tersebut boleh didapati semasa perayaan masyarakat Islam seperti sambutan hari raya dan majlis perkahwinan. Manakala negara Islam di Timur Tengah dan Eropah hanya meraikan Hari Raya Aidilfitri selama beberapa hari, umat Islam di Singapura sering mengambil hampir sebulan untuk menziarahi sanak saudara, sahabat handai, rakan sekerja, termasuk guru-guru juga. Amalan ini demi mengekalkan dan mengeratkan hubungan serta menghidupkan semangat kemasyarakatan orang Melayu di Singapura.

Begitu juga, kita akan lihat banyak pengaruh budaya Melayu dalam majlis perkahwinan dan upacara akad nikah yang selalunya melibatkan ramai ahli keluarga mengiringi pengantin lelaki ke tempat pengantin perempuan, dalam majlis perkahwinan, terdapat juga acara seperti paluan kompang, dan persembahan seni silat Melayu.



## NABI MUHAMMAD ﷺ MENYEBUT TENTANG PERSAMAAN DALAM KHUTBAH TERAKHIRNYA:

*“Seorang Arab tidak mempunyai kelebihan keatas yang bukan Arab, dan yang bukan Arab tidak mempunyai kelebihan keatas seorang Arab; dan yang berkulit putih tidak ada kelebihan keatas yang berkulit hitam dan yang berkulit hitam tidak mempunyai kelebihan keatas yang berkulit putih, melainkan dengan ketaqwaan dan amal soleh.”*

*(Riwayat Ahmad)*

## MENUJU KE ARAH ISLAM YANG INKLUSIF

Dengan peningkatan kefahaman mengenai hubungan antara budaya dan agama, umat Islam di Singapura harus berusaha untuk menggalakkan keterangkuman dalam pengamalan agama. Langkah pertama untuk mencapai keterangkuman adalah dengan mengakui titik persamaan.

Samada seorang Muslim itu Melayu, India, atau Cina, dia dikaitkan dengan orang Islam lain melalui kepercayaan bersama dalam akidah Islam (tauhid). Dengan asas tauhid yang kukuh, sebarang perbezaan kecil yang terdapat dalam Islam seperti perbezaan mazhab dan amalan budaya akan lebih mudah diterima sebagai kepelbagaian dalam pengamalan agama. Apabila kefahaman tentang kepelbagaian dalam agama dapat dicapai, pandangan inklusif tentang

agama itu boleh diserapkan dengan mudah dalam masyarakat Islam.

Berdasarkan proses ini, umat Islam juga boleh menyesuaikan diri dalam ruang sosial berbeza-beza yang terdapat di Singapura.

Dalam agama, umat Islam harus membina kepercayaan bersama berasaskan tauhid dan menerima perbezaan pandangan yang dibenarkan dalam aspek lain seperti perundangan agama (fatwa/fiqh). Walau bagaimanapun, perbezaan itu harus disokong oleh penjelasan dan persetujuan ilmiah.

- Umat Islam harus meraikan identiti bersama yang dikongsi di dalam

sesuatu kaum serta menerima amalan budaya yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Sebagai contoh, amalan menziarahi ahli keluarga dan sanak saudara pada musim perayaan masih perlu dikekalkan kerana Islam menggalakkan mengeratkan hubungan silaturahim.

- Bagi hubungan antara Muslim Singapura dan penganut agama lain pula, orang Islam mesti sedar tentang identiti kebangsaan bersama yang mengaitkan setiap warga Singapura. Apabila hidup bersama di dalam sesebuah negara, ia memerlukan penerimaan, perpaduan, dan kerjasama untuk memastikan suasana hidup yang aman dapat dikekalkan.

## ISLAM DAN MASYARAKAT INDIA DI SINGAPURA



Walaupun budaya Melayu sangat berpengaruh dalam pengamalan Islam di Singapura, terdapat juga pengaruh yang ketara dari budaya India dalam adat resam agama, contohnya seperti seni bina yang dapat dilihat di banyak masjid. Sebahagian besar masyarakat Islam di Singapura terdiri daripada masyarakat India

yang telah membuat sumbangan besar sejak awal sejarah negara ini.

Ini menunjukkan bahawa pengaruh kebudayaan di dalam Islam tidak sahaja terhad kepada satu kaum tertentu sahaja, malah pengaruh unsur-unsur budaya daripada semua kaum lain juga dapat kelihatan.



Pokoknya, kepelbagaian budaya umat Islam di Singapura haruslah mengukuhkan rasa hormat kita antara satu sama lain. Walaupun setiap kaum berharap untuk mengekalkan budaya mereka, penting juga bagi kita untuk

belajar tentang budaya orang lain. Perayaan, acara dan ruang-ruang keagamaan yang kita kongsi di negara ini membolehkan semua budaya yang berbeza untuk wujud bersama, lantas saling menghargai antara satu sama lain.

## ISLAM & INTERAKSI DENGAN BUKAN ISLAM<sup>19</sup>

Kepelbagaian umat manusia adalah sesuatu realiti sosial yang merupakan kehendak Tuhan. Kesejagatan umat manusia bukan bermakna manusia perlu melalui pengalaman yang seragam.

Intipati sebuah masyarakat inklusif bermaksud bahawa kita mesti terlebih dahulu melayan orang lain sebagaimana kita mahu diri kita dilayani orang. Kita perlu membina masyarakat yang mengambil berat dan menghormati antara satu sama lain walaupun terdapat perbezaan - masyarakat yang terikat menerusi kemanusiaan kita bersama.

Islam mengiktiraf kepelbagaian umat manusia dan agama. Salah satu matlamat utama syariah adalah pemeliharaan agama. Ini bukan sahaja bererti perlindungan, pemeliharaan dan penyebaran nilai dan amalan Islam, tetapi ia juga diterjemahkan sebagai perlindungan untuk kebebasan agama dan kepercayaan (sebagaimana pendapat Ibnu Ashur, seorang ulama Islam).

Oleh itu, Islam tidak memaksa orang lain untuk menerima agama Islam, dan setiap individu berhak untuk mempunyai kebebasan dalam beragama, kepercayaan dan beribadat. Dalam masyarakat berbilang budaya dan agama, penting bagi

kita menghormati dan menjunjung norma sosial yang sudah ditetapkan. Di mana terdapat perbezaan dalam tafsiran teks agama, kita harus memilih tafsiran yang paling sesuai dengan kebiasaan tempatan kita. Menghormati amalan, kepercayaan atau orientasi agama lain bukan bermakna kita juga mempercayainya. Ia hanya bermakna bahawa kita tidak boleh memburukkan atau merendahkan pandangan mereka. Allah SWT berfirman dalam Al-Qur'an:

وَلَا تُسَبِّحُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ  
فَيَسْبُوا اللَّهَ عَدُوًّا بِغَيْرِ عِلْمٍ ۖ كَذَٰلِكَ زِينَا  
لِكُلِّ أُمَّةٍ ۖ أَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ  
فَيُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٠٨﴾


*"Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah selain daripada Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan, pada pandangan tiap-tiap umat, akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah (yakni Allah) tempat kembali mereka, lalu Dia akan menerangkan kepada mereka apa yang telah mereka lakukan."*  
(Qur'an 6:108)

<sup>19</sup> Siri Irsyad Kontemporari oleh Pejabat Mufti (Majlis Ugama Islam Singapura [MUIS], 2018)

## RINGKASAN BAB

- Islam adalah agama yang sesuai untuk diamalkan oleh setiap kaum.
- Budaya Melayu sangat berpegaruh dalam pengamalan Islam di Singapura, disebabkan sebahagian besar orang Islam terdiri daripada orang berbangsa Melayu.
- Pengaruh budaya boleh disesuaikan dengan Islam, selagimana ia tidak bercanggah dengan akidah.
- Perbezaan dalam agama Islam bukan sahaja terdapat dalam amalan budaya kaum yang berbeza, tetapi juga boleh didapati di kalangan madzhab yang berbeza.
- Untuk memahami perbezaan ini, umat Islam mestilah terlebih dahulu menerima titik persamaan yang dikongsi, yang berasaskan kepercayaan tauhid.
- Hanya dengan memahami dan menerima perbezaan ini, masyarakat Islam boleh mencapai keterangkuman dan perpaduan.
- Islam mengiktiraf kepelbagaian manusia dan agama, dan tidak memaksa orang lain untuk menerima agama Islam. Setiap individu berhak mempunyai kebebasan agama, kepercayaan dan beribadat.





BAB 14

AKHLAK  
SEORANG  
MUSLIM





## KEPENTINGAN AKHLAK YANG BAIK DALAM ISLAM

Keindahan Islam bukan terletak pada aspek zahir mahupun luarannya. Keindahan Islam bukanlah pada kesopanan pakaian kita, atau kecantikan reka bentuk dan seni bina masjid-masjid. Sebaliknya, daya tarikan Islam datang dari sesuatu yang lebih mendalam dan holistik, iaitu konsep akhlak yang menyeluruh.

Islam adalah agama yang menggalakkan kita berbuat baik, bukan hanya untuk diri sendiri, tetapi juga untuk orang lain. Ajaran agama kita tentang etika dan akhlak sangat berkaitan dengan hubungan kita dengan Allah SWT dan prinsip-prinsip iman. Apabila seseorang berbuat baik terhadap dirinya dan orang lain, dia

akan mendapat ganjaran dari Allah SWT melalui pelbagai cara.

Hal ini terbukti dalam banyak hadis, seperti di bawah ini:

*“Seorang lelaki terjumpa duri di jalan dan berkata, ‘Saya akan mencabut duri ini supaya tidak membahayakan seorang Muslim.’ Oleh sebab itu dia diampuni.”* (Riwayat Bukhari)

*“Tiada apa-apa lebih berat di atas timbangan berbanding dengan akhlak yang baik. Sesungguhnya orang yang berakhlak mulia akan mencapai darjat orang yang berpuasa dan solat.”* (Riwayat Tirmidzi)



*“Allah menolong seorang hamba selama mana dia menolong saudaranya.” (Riwayat Muslim)*

Sistem akhlak Islam merangkumi segala-galanya, kerana ia mencerminkan cara hidup seseorang, termasuk hubungan dengan dirinya sendiri dan dengan orang lain. Mempunyai akhlak yang baik juga memupuk seseorang untuk menjadi hamba yang soleh. Kaitan langsung antara iman dan akhlak mulia telah disebutkan oleh Nabi ﷺ dalam hadis berikut:

*“Orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya di antara mereka.”*

*(Riwayat Tirmidhi)*

*“Al-Birr (iaitu kebajikan atau kebaikan) adalah dalam akhlak yang baik.”*

*(Riwayat Muslim )*

Hadis-hadis diatas menegaskan bahawa akhlak yang baik adalah penting untuk menguatkan iman kita. Selain itu, usaha untuk menjadi

seorang yang lurus dan berakhlak mulia juga bermakna kita perlu mencontohi cara Nabi Muhammad ﷺ, yang telah diutuskan oleh Allah SWT sebagai contoh akhlak yang baik, seperti yang disebutkan dalam sebuah hadis:

*“Aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang baik.” (Riwayat Bukhari)*



## CONTOH AKHLAK MULIA YANG TERBAIK BAGI KITA

وَإِنَّكَ لَعَلَّ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

*“Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia.” (Qur’an 68:4)*

Seperti yang diterangkan dalam ayat Al-Qur’an di atas, teladan manusia yang paling agung berkenaan dengan akhlak dan budi pekerti yang mulia dalam Islam adalah Nabi Muhammad ﷺ. Intipati nilai akhlak Islam terakam sepanjang hayat Nabi ﷺ melalui sunnahnya. Penyusunan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat Nabi ﷺ kita adalah panduan bagi umat Islam untuk cara hidup yang terbaik - daripada berurusan dengan kaum kerabat dan jiran tetangga, hinggalah kepada menjaga ciptaan lain seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Berikut adalah beberapa sifat mulia Nabi ﷺ yang boleh kita ikuti agar menjadi umat Islam yang dicontohi.


### Rendah Diri

Walaupun Baginda ﷺ seorang yang disegani pada zamannya, Nabi ﷺ tidak pernah menunjukkan kesombongan atau memandang rendah terhadap orang lain, meskipun jika mereka tidak beriman. Baginda ﷺ selalu merujuk kepada dirinya hanya sebagai seorang hamba Allah SWT.

Sebagai seorang yang menganjurkan kesaksamaan dan keadilan sosial, Nabi ﷺ juga menolak sebarang layanan istimewa daripada orang lain. Baginda ﷺ dipetik sebagai bersabda dalam sebuah hadis:

*“Aku makan sebagaimana seorang hamba makan, dan Aku duduk sebagaimana seorang hamba duduk. Sesungguhnya aku hanyalah seorang hamba (Allah).” (Riwayat Baihaqi)*

Salah satu kelebihan merendah diri seperti Nabi Muhammad ﷺ adalah untuk mendapat balasan syurga di akhirat kelak. Baginda ﷺ bersabda:



*“Tidak akan masuk syurga orang yang di dalam hatinya terdapat seberat biji kesombongan.” (Riwayat Muslim)*

### Penyayang

Nabi Muhammad ﷺ merupakan rahmat kepada semua manusia, seperti yang disebutkan di dalam Al-Qur’an:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

*“Dan tidaklah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.” (Qur’an 21:107)*

Rahmat Baginda ﷺ bukan sahaja terbatas untuk manusia, tetapi termasuk ciptaan Allah SWT yang lain, seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan dan alam sekitar.

Sifat belas kasihan adalah sesuatu yang sehati dengan Nabi ﷺ kita yang dikasihi. Baginda ﷺ sangat mengasihani orang lain dan sentiasa mengambil berat tentang kesejahteraan mereka - bukan sahaja para sahabatnya - malah musuh yang telah mencederakan Baginda ﷺ juga.

Allah SWT juga berfirman dalam Al-Qur'an tentang keseimbangan Nabi ﷺ terhadap pengikutnya:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ  
عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِالْمُؤْمِنِينَ  
رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad ﷺ, yang menjadi sangat berat keatasnya sebarang kesusahan yang ditanggung olehmu, yang sangat tamak (menginginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) dia pula (mencurahkan) perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman.” (Qur'an 9:128)

## Amanah

Allah memuji Nabi ﷺ kerana amanahnya dalam ayat Al-Qur'an:

مُطَاعٌ ثُمَّ آمِنٌ ﴿٢١﴾

*“Yang ditaati di sana (dalam kalangan malaikat), lagi dipercayai.”*  
(Qur'an 81:21)

Semasa hayatnya, Nabi Muhammad ﷺ digelar sebagai 'Al-Ameen' - yang bermaksud seorang yang dipercayai - kerana Baginda ﷺ adalah seorang yang paling dipercayai di kalangan orang Arab, bahkan sebelum turunnya wahyu dari Allah SWT pun. Ketika Baginda ﷺ pernah bekerja dengan saudagar-saudagar di Makkah, Nabi ﷺ sering diamanahkan untuk mentadbir kewangan urusan perniagaan kerana Baginda ﷺ seorang yang adil, lurus dan jujur. Seorang Muslim yang sejati adalah seorang yang berusaha untuk berpegang teguh pada janjinya kerana jika dia gagal untuk berbuat demikian, itu akan menjadikannya seorang yang munafik, sebagaimana Nabi ﷺ memperingatkan kita dalam sebuah hadis:

*“Tanda-tanda orang munafik ada tiga: Setiap kali dia bercakap dia berdusta; setiap kali dia diamanahkan dia terbukti tidak jujur; setiap kali dia berjanji, dia memungkirkan janji.”* (Riwayat Bukhari)

## Penyabar

Nabi Muhammad ﷺ merupakan salah seorang daripada lima Nabi yang mempunyai keazaman yang paling tinggi (ulul 'azmi), yang tabah mengharungi kesusahan yang hebat sepanjang perjalanan mereka menyeru manusia supaya beriman.

Walaupun dihadapi dengan ujian dan kekerasan, Baginda ﷺ tetap sabar dan tabah serta teguh kepercayaan dengan Allah SWT. Hal ini ditunjukkan dalam

sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik (RA):

*“Aku sedang berjalan bersama Rasulullah ﷺ dan Baginda telah memakai jubah Najran dengan tepian yang tebal. Seorang badwi menemuinya dan menarik labuhan kain mantelnya dengan kuat sehingga aku melihat ia meninggalkan kesan (tarikan kolar) pada kulit leher Rasulullah ﷺ. Dan dia (orang badwi itu) berkata: ‘Muhammad, sampaikan perintah supaya aku diberikan (sebahagian) daripada harta Allah yang ada padamu.’ Rasulullah ﷺ menoleh kepadanya dan tersenyum, lalu memerintahkan (sebahagian) pemberian untuknya.” (Riwayat Muslim)*

Lebih daripada sifat-sifat yang telah disebutkan secara keseluruhan, Nabi Muhammad ﷺ benar-benar merupakan ukuran yang terbaik untuk kita berkelakuan baik. Apabila

kita mencontohi perbuatannya, kita bukan sahaja mendapat pahala kerana mengikuti sunnah Baginda ﷺ, tetapi kita juga mendekatkan diri kepada Allah SWT dan mendidik diri untuk memaparkan Islam dengan cara yang terbaik. Allah SWT berfirman di dalam Al-Qur'an:


لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ  
حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ  
وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

*“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta sangat banyak menyebut (mengingati) Allah.” (Qur'an 33:21)*



## BUKU SARANAN: POTRET NABI

Buku yang bertajuk ‘A Portrait of the Prophet’ (Al-Shama’il Muḥammadiyya) karangan Imam Muhammad ibn Isa at-Tirmidhi mendalami bagaimana Baginda ﷺ berurusan dalam kehidupan peribadinya dan mempunyai kompilasi lebih 200 riwayat tentang sifat Nabi ﷺ yang fizikal dan bukan fizikal.



## CIRI-CIRI AKHLAK YANG BAIK DALAM ISLAM

Prinsip akhlak dan etika dalam Islam bukan sahaja terhad kepada kelakuan kita dalam perhubungan manusia. Ia juga menekankan kepentingan melayan semua ciptaan Allah SWT yang lain, termasuklah haiwan dan alam sekitar, dengan keprihatinan dan kasih sayang yang sewajarnya. Ini disebutkan oleh Nabi ﷺ dalam hadis berikut:

*“Orang-orang yang penyayang akan dikasihi oleh Yang Maha Penyayang. Kasihanilah apa yang berada di muka bumi, nescaya yang berada di langit akan mengasihani kamu.”* (Riwayat Tirmidhi)

### Terhadap Orang Lain

Sebahagian besar kehidupan seharian kita merangkumi interaksi dengan manusia lain. Apabila kita saling hormat-menghormati dan saling menyantuni dengan baik, kita mengekalkan keamanan dan keharmonian di dalam masyarakat. Suatu ukuran yang baik untuk mengetahui samada kita berbuat baik kepada orang lain dapat diperhatikan dari hadis yang mana Rasulullah ﷺ bersabda:

*“Tidak beriman salah seorang di antara kamu sehinggalah dia mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri.”* (Riwayat Bukhari)

Dari hadis ini, kita dapat pelajari bahawa kita harus memperlakukan orang lain sepertimana kita mengharapkan diri kita diperlakukan. Kaedah ini bukanlah terhadap saudara Muslim kita sahaja. Orang bukan Islam, termasuk orang yang berlainan

etnik dan latar belakang, juga harus dilayan dengan hormat yang sama.

Berlaku adil dan dengan niat untuk melakukan kebaikan adalah sesuatu asas moral apabila kita berinteraksi dengan orang lain, tanpa mengira orang dari agama lain, etnik atau peringkat sosial yang berbeza. Malah, kita juga digalakkan berbuat baik kepada mereka yang tidak seagama, sebagaimana Allah SWT berfirman di dalam Al-Qur'an:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

*“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan (kepada orang-orang yang) tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”* (Qur'an 60:8)

### Terhadap Haiwan<sup>20</sup>

Nabi ﷺ juga menggalakkan umatnya untuk melayani haiwan dengan baik, dan terdapat banyak hadis yang menekankan ganjaran yang amat besar dari Allah SWT buat mereka yang berbuat baik dan menunjukkan kasih sayang (rahmah) terhadap haiwan.

<sup>20</sup> Ramadhan Untuk Semua (Majlis Ugama Islam Singapura [MUIS], 2018)





Nabi ﷺ pernah bercerita kepada sahabat tentang kisah seorang lelaki yang sedang berjalan dalam cuaca panas terik dan kemudian terlihat sebuah perigi. Lalu lelaki itu turun ke dalam perigi untuk mengambil air untuk menghilangkan dahaga. Setelah dia selesai, dia naik semula dan melihat seekor anjing tercungap-cungap akibat kehausan. Dia pun kemudian berkata kepada dirinya sendiri: ‘Anjing ini sangat dahaga sepertiku.’ Maka dia turun ke dalam perigi itu semula, lalu mengisi kasutnya dengan air, dan naik semula, menahan (kasutnya) di antara giginya. Dia kemudian memberi minum kepada anjing tadi, dan kerana itu, Nabi ﷺ berkata bahawa dosanya telah diampunkan. Nabi ﷺ kemudian ditanya oleh para sahabat: “Wahai Nabi, adakah kami mendapat pahala kerana berbuat baik kepada haiwan?” Dan Nabi ﷺ menjawab:

*“Sebarang kebaikan yang dilakukan kepada makhluk yang bernyawa akan meraih pahala.” (Riwayat Bukhari)*

### Terhadap Alam Sekitar

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ  
فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ... ﴿٣٠﴾

*“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat, ‘Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang khalifah di muka bumi’...”*  
(Qur'an 2:30)

Sebagai pentadbir (khalifah) di dunia ini, manusia bertanggungjawab memelihara bumi dan isi kandungannya. Ini termasuk mengelak dari pembaziran sumber dan rezeki

## ADAKAH KITA DIBENARKAN MENYENTUH ANJING JIKA MEREKA DALAM KESUSAHAN?

Dalam Islam, haiwan seperti anjing dianggap najis yang berat dan kita perlu membersihkan kesannya dengan menggunakan kaedah pembersihan Islam yang tertentu dengan menggunakan tanah dan air. Namun, ini tidak menafikan tanggungjawab kita untuk menyelamatkan seekor anjing yang sedang nazak atau dalam kesusahan, seperti yang digambarkan dalam hadis yang disebutkan tadi.

yang Allah SWT telah sediakan di dunia ini. Nabi ﷺ kita telah mengajar kita beberapa cara untuk memelihara alam sekitar, termasuk menggunakan air secara jimat dan menanam lebih banyak pokok, seperti yang dinyatakan dalam hadis-hadis berikut:

Abdullah ibn Amr (RA) berkata: Rasulullah ﷺ melewati Sa'd ketika beliau sedang berwuduk. Nabi ﷺ berkata,

*“Mengapakah berlebihan-lebihan ini?” Sa'ad berkata, “Apakah ada berlebihan dengan air dalam wudhu?” Baginda ﷺ berkata, “Ya, walau (sekalipun) engkau berada di tebing sungai yang mengalir.”*

(Riwayat Ibnu Majah)

*“Tiada seorang pun di antara kaum Muslimin yang menanam pohon atau menabur benih, kemudian burung, atau manusia atau binatang memakannya (tanaman itu), melainkan (perbuatan menanam itu) dianggap sebagai sedekah untuknya (si penanam).”*

*(Riwayat Bukhari)*

## **FAEDAH MEMILIKI AKHLAK YANG HEBAT**

Akhlak yang baik ternyata akan memberikan kesan yang positif kepada diri sendiri berbanding orang lain. Seperti yang disebutkan melalui banyak hadis dan ayat Al-Qur'an dalam bab ini, Allah SWT telah menjanjikan balasan baik yang berlimpah, yang akan bermanfaat untuk diri kita di dunia dan akhirat.

### **Kita akan disayangi oleh Nabi ﷺ**

Salah satu sebab kita harus berusaha seberapa mungkin untuk mencontohi akhlak junjungan kita Nabi ﷺ adalah kerana ia merupakan suatu cara untuk kita, sebagai seorang Muslim, menzahirkan rasa cinta kita kepada Baginda ﷺ.

Ada pepatah yang mengatakan ‘anda adalah sepertimana orang yang anda campuri’. Oleh itu, jika kita ingin kekal soleh dan mendapat keredhaan Allah SWT, kita mesti memperoleh dan mengamalkan sifat-sifat Baginda ﷺ.

Rasulullah ﷺ bersabda,

*“Adakah engkau mahu aku ceritakan kepadamu tentang orang yang paling ku*

*cintai dan yang paling dekat berhimpun denganku pada Hari Kiamat?’ Mereka diam, maka Nabi ﷺ ulang dua tiga kali lagi. Mereka berkata, ‘Ya, wahai Rasulullah.’ Nabi ﷺ bersabda, ‘Mereka yang paling baik akhlaknya.’”*

*(Narrated by Ahmad)*

### **Kita akan mendapat rahmat Allah**

*“Katakanlah (wahai Muhammad): “Jika benar kamu mengasihi Allah*

*قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾*

*maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihimu serta mengampunkan dosa-dosamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (Qur'an 3:31)*

Faedah lain apabila seseorang itu berakhlak dan berkelakuan positif adalah memperoleh kasih sayang dan rahmat Allah SWT. Allah SWT menyukai orang-orang yang berbuat baik untuk mendapatkan keredhaanNya. Selain itu, setiap amalan baik yang kita lakukan, Allah SWT akan menghapuskan dosa-dosa kita yang lalu, sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis:

*“Turutkanlah keburukan dengan kebaikan yang akan menghapuskannya, dan berbuat baiklah kepada manusia.”*

*(Riwayat Tirmidhi)*

## RINGKASAN BAB

- Etika dan akhlak dalam Islam sangat bersangkutan paut dengan kepercayaan agama dan hubungan kita dengan Allah SWT.
- Nabi Muhammad ﷺ merupakan suri teladan yang cemerlang dan kita digalakkan untuk mencontohi cara Baginda ﷺ menjalani kehidupan seharian.
- Islam mengajar kita supaya berbudi bahasa dengan orang Islam dan juga penganut agama lain.
- Prinsip etika dan akhlak dalam Islam bukan sahaja terbatas kepada tingkah laku kita terhadap manusia, tetapi juga makhluk Allah SWT yang lain, seperti haiwan dan alam sekitar.
- Faedah berakhlak mulia termasuklah meraih cinta Nabi ﷺ dan rahmat Allah.



The background of the entire page is a repeating geometric pattern in orange. It consists of interlocking lines that form a series of triangles and polygons, creating a complex, star-like or lattice-like structure. The pattern is centered and fills the entire frame.

**BAB 15**

**MENIMBA  
ILMU AGAMA  
ISLAM**



## KEPENTINGAN MENIMBA ILMU

Menimba ilmu pengetahuan adalah sesuatu yang penting yang harus diusahakan oleh setiap individu secara konsisten dalam kehidupan sehari-hari mereka. Samada ilmu agama atau ilmu secara umum, kita seharusnya mengamalkan tabiat belajar sepanjang hayat untuk melengkapi diri dengan ilmu yang bermanfaat dan berfaedah dalam kehidupan sehari-hari kita, bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga untuk orang lain di sekeliling kita. Nabi ﷺ kita juga telah menekankan tentang kepentingan menuntut ilmu dan mewajibkannya keatas kita:

*“Menuntut ilmu itu wajib ke atas setiap Muslim (lelaki dan perempuan).”*

*(Riwayat Ibnu Majah)*

Islam adalah agama yang memberi kepentingan yang sangat tinggi kepada

kegiatan mencari dan menuntut ilmu. Malah, ayat Al-Qur'an yang pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ adalah ayat yang memerintahkannya untuk membaca. Perkara ini tercatat dengan ketara dalam Surah Al-'Alaq di dalam Al-Qur'an:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ  
الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ اقْرَأْ وَرَبُّكَ  
الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾  
عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

*“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia menciptakan manusia dari segumpal darah beku;*



*Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, - Yang mengajar manusia melalui pena (dan tulisan), - Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.”*

*(Qur'an 96:1-5)*

Menuntut ilmu seharusnya menjadi proses yang berterusan seumur hidup untuk kita semua, muda dan tua. Bahkan, Nabi ﷺ juga menyebut bahawa antara fadilat menuntut ilmu adalah supaya Allah SWT akan memudahkan kita untuk masuk ke syurga.

*“Barangsiapa yang menempuh jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah memudahkan baginya jalan menuju syurga.” (Riwayat Tirmidhi)*

## KEDUDUKAN SEORANG ISLAM YANG BERILMU

Islam sangat menitikberatkan usaha menuntut ilmu sehinggakan Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang terus berusaha mencari dan mempelajari ilmu yang bermanfaat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (RA), Rasulullah ﷺ terdengar bersabda:

*“Dunia ini terlaknat dan terlaknat apa yang ada di dalamnya, kecuali mengingati Allah (dzikir) dan apa yang menuntunnya, atau orang yang berilmu atau yang menimba ilmu.”*

*(Riwayat Ibnu Majah)*

Mereka yang memperolehi kekayaan ilmu dan keimanan dianggap mulia dan akan dinaikkan darjatnya dengan kehendak Allah SWT di akhirat kelak.

## DOA UNTUK MEMOHON ILMU YANG BERMANFAAT

Terdapat doa yang boleh kita baca untuk mendapatkan petunjuk dalam menuntut ilmu.

Salah satu doa yang pernah dipanjatkan oleh Rasulullah ﷺ terdapat dalam hadis yang diriwayatkan oleh Anas (RA):

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ  
وَقَلْبٍ لَا يَخْشَعُ وَدُعَاءٍ لَا يُسْمَعُ  
وَنَفْسٍ لَا تَشْبَعُ

*Allahumma inni a'udhu bika min 'ilmin la yanfa'u, wa qalbin la yakhsha'u, wa du'a'in la yasma'u, wa nafsini la tashba'u*

*(Ya Allah, sesungguhnya aku berindung denganMu dari ilmu yang tidak bermanfaat, hati yang tidak khushyuh, doa yang tidak dikabulkan dan jiwa yang tidak puas).*





## ETIKA MENUNTUT ILMU

Sebagaimana ibadah-ibadah lain dilakukan dengan niat untuk mencari keredhaan Allah, terdapat adab yang sebaiknya kita ikuti dalam menuntut ilmu - dari sikap kita dalam proses menuntut ilmu, hingga ke tingkah laku kita terhadap orang lain.

### MULAKAN DENGAN NIAT YANG BETUL

01

Sama seperti amalan lain yang kita lakukan di dunia ini, kita hendaklah sentiasa memulakan usaha menuntut ilmu dengan niat yang betul. Adakah niat apabila kita sedang belajar untuk menarik perhatian orang lain atau mencari keredhaan Allah SWT? Menuntut ilmu dianggap sebagai ibadah jika dilakukan dengan niat yang betul. Oleh itu, eloklah kita renungkan hati kita, untuk memastikan usaha kita tidak akan sia-sia. Rasulullah ﷺ bersabda:

*“Barangsiapa yang menuntut ilmu bukan semata-mata untuk mencari keredhaan Allah tetapi untuk mendapatkan dunia, maka ia tidak akan mencium bau syurga pada hari kiamat.” (Diriwayatkan oleh Abu Dawud)*

## BERSIKAP RENDAH DIRI

Kita boleh mudah rasa terbawa-bawa apabila berasa bahawa ilmu kita di dalam sesuatu perkara atau bidang itu sudah mencukupi. Ada kalanya, kita terlupa bahawa kemampuan untuk memperoleh dan memiliki ilmu tidak akan dapat tercapai tanpa kehendak Allah yang Maha Mengetahui. Oleh itu, Islam menggalakkan orang yang berilmu untuk merendah diri dan menjauhi kesombongan. Ini termasuk tidak memandang rendah terhadap orang lain dan bertolak ansur serta menerima pendapat dan pandangan orang lain. Allah SWT berfirman di dalam Al-Qur'an:

02

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ  
الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا ﴿٦٣﴾

*“Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang diredhaiNya), ialah mereka yang berjalan di muka bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang jahil melontarkan kata-kata (berkelakuan kurang adab) kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan selamat (salaam).”*

*(Qur'an 25:63)*

## BELAJAR DARI SUMBER YANG BETUL

Pada zaman ini di mana maklumat boleh ditemui dan didapati dengan hanya menekan sebuah butang (digital), kita harus lebih berhati-hati dan prihatin tentang sumber pengetahuan kita. Apabila kita mencari jawapan untuk soalan-soalan kita, terutamanya yang berkaitan dengan agama, kita harus sentiasa mencari sumber yang boleh dipercayai dan diiktiraf. Beberapa sumber yang boleh dipercayai termasuklah pelbagai pusat pendidikan Islam yang ada (ada di antaranya disenaraikan dalam buku ini), atau guru agama bertauliah yang telah diiktiraf melalui Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) di bawah MUIS.

03

Apabila kita gagal berbuat demikian, kita berisiko mendapat maklumat yang bukan sahaja tidak tepat, tetapi juga mungkin terpesong dalam pandangan dan tafsirannya. Seterusnya, ia boleh mengakibatkan tercetusnya pandangan yang tidak boleh diterima atau melampau dalam lanskap Islam Singapura, yang berpotensi mengganggu keharmonian dalam masyarakat kita.

## KELAS-KELAS AGAMA DI SINGAPURA

Muslim Converts' Association of Singapore (Darul Arqam Singapura) adalah sebuah pertubuhan amal berdaftar yang khusus untuk pendidikan awam, kebajikan sosial dan peningkatan agama masyarakat. Kebanyakan kelas yang ditawarkan oleh MCAS ditujukan kepada saudara Islam baru atau mereka yang berminat untuk mempelajari asas-asas Islam. Ini termasuk kelas-kelas seperti Sesi Mengenal Islam (KIS) dan Kursus Permulaan dalam Islam (BCI).



[www.mcas.sg](http://www.mcas.sg)



[@darularqamsg](https://www.instagram.com/darularqamsg)



[darularqam.sg](https://www.facebook.com/darularqam.sg)

### Masjid-Masjid

Masjid-masjid di Singapura bukan sahaja berfungsi sebagai tempat bagi umat Islam untuk menunaikan solat fardhu lima waktu, solat Jumaat, atau solat-solat lain, tetapi mereka juga menyediakan program pendidikan Islam untuk melengkapkan masyarakat Islam dengan ilmu agama yang asas, praktikal dan juga mendalam.

Program-program yang disediakan oleh masjid terdiri daripada pelbagai macam seperti kelas sambilan, ceramah atau seminar, dan ia boleh disampaikan dalam pelbagai bahasa, seperti bahasa Inggeris, Melayu dan Tamil. Beberapa kelas terkemuka yang dijalankan di masjid-masjid termasuk:

- **aLIVE**

Program aLIVE disediakan untuk golongan muda (5-20 tahun) dan disediakan oleh MUIS untuk meningkatkan pengetahuan agama masyarakat Islam, dengan tujuan untuk memberi inspirasi kepada pelajar untuk terus Mempelajari Nilai-Nilai Islam Setiap Hari. Mata pelajaran yang disampaikan termasuk 'Iman & Amalan', 'Akhlak & Kemahiran Hidup', 'Islam Sosial & Tamadun' dan 'Literasi Al-Qur'an'.

- **ADIL**

Pembelajaran Islam Dewasa (ADIL) adalah program untuk pelajar Islam golongan dewasa. Program yang dibangunkan oleh Pejabat Mufti ini diciptakan supaya ia kekal relevan dan sesuai untuk keperluan rohani dan intelek kontemporari orang Muslim masyarakat kita yang dewasa. Ia ditawarkan dalam bahasa Melayu dan Inggeris untuk memenuhi pelbagai permintaan dan keperluan masyarakat Islam.

## KHIDMAT DAN PUSAT PENDIDIKAN ISLAM (IECP)

Berikut adalah beberapa khidmat dan pusat pendidikan Islam yang diiktiraf oleh MUIS supaya umat Islam di Singapura dapat menimba lebih banyak pengetahuan tentang Islam.

### Perbadanan Andalus

Selepas masjid, ia merupakan Khidmat Pendidikan Islam terbesar di Singapura, dan mempunyai beberapa pusat swasta di seluruh Singapura. Sukatan pelajaran mereka berasaskan peperiksaan, di mana pelajar akan diuji pada akhir setiap semester. Program ini dijalankan terutamanya dalam bahasa Melayu, tetapi mereka juga menyediakan kursus Bahasa Inggeris di pusat terpilih.



[http://andalus.sg/andalus\\_eng/index.php](http://andalus.sg/andalus_eng/index.php)

### Institut Safinah

Institut Safinah adalah penyedia Pendidikan Islam bagi seminar dan persidangan yang diadakan di banyak lokasi berbeza seperti Pusat Konvensyen Suntec dan pelbagai ruang acara di hotel. Menerusi tempat yang dianggap tidak konvensional bagi sebuah penyedia pendidikan Islam, Institut Safinah dapat menarik ramai orang kontemporari yang kebanyakannya terdiri daripada golongan pekerja muda dan pelajar. Institut Safinah mengadakan kelas, kursus dan menganjurkan acara dan bengkel khas yang menyentuh topik dan minat semasa. Kursus mingguan mereka memperkenalkan dan memperkayakan pengetahuan Islam bagi para peserta, manakala acara-acara mereka menangani isu-isu kontemporari yang dihadapi oleh masyarakat kita.



<https://safinah.sg/>



[@safinahinstitute](https://www.instagram.com/safinahinstitute)



[safinahinstitute](https://www.facebook.com/safinahinstitute)

### SimplyIslam

SimplyIslam.sg adalah organisasi swasta yang bertujuan untuk pendidikan, bantuan kemanusiaan, pembangunan sosial dan komuniti, dan perkhidmatan sastera untuk memudahkan kemajuan masyarakat. Ia tekun terhadap pengekalan tradisi, budaya, dan nilai murni di samping menyepadukan cabaran kontemporari yang dihadapi oleh umat manusia hari ini. Cawangan pendidikannya, Pusat Pengajian Islam As-Siddiq, menawarkan kelas keagamaan Islam pada hujung minggu untuk kanak-kanak dan belia berumur antara 5 hingga 21 (prasekolah hingga pengajian tinggi), sesuai untuk pelajar yang menuntut di sekolah akademik, institut, politeknik dan universiti.



[www.simplyislam.com.sg](http://www.simplyislam.com.sg)

## SUMBER LAIN YANG BOLEH DIPERCAYAI

Jika anda ingin mendalami ilmu tentang Islam, anda boleh mulakan melalui beberapa saluran pembelajaran Islam dalam talian berikut:

**Laman web rasmi Pejabat Mufti** menyediakan maklumat tentang khutbah, bimbingan agama dan fatwa. Laman web rasmi mereka ialah



[www.muis.gov.sg/officeofthemufti](http://www.muis.gov.sg/officeofthemufti)



**Majlis Ugama Islam Singapura**  
(Islamic Religious Council of Singapore)

**Muslim.Sg** ialah platform media sehenti dalam talian yang bertujuan untuk memberi inspirasi dan memperkasakan umat Islam Singapura dengan kandungan agama yang bersesuaian. Ia melibatkan Muslim milenial dengan menawarkan kandungan digital yang interaktif dan relevan, dan menghubungkan masyarakat Islam di Singapura dengan Asatizah Youth Network (AYN).



**muslim.sg**



[muslim.sg](http://muslim.sg)



[Muslim SG](https://www.facebook.com/MuslimSG)



[Muslim.SG](https://www.instagram.com/Muslim.SG)



## RANGKAIAN BELIA ASATIZAH (AYN)

Rangkaian Belia Asatizah adalah sebuah rangkaian oleh Muslim SG yang menghimpunkan guru agama dinamik yang mahir dalam jangkauan media digital, kaunseling, dan kerja-kerja daya ketahanan belia. Ia menyediakan kandungan keagamaan yang kreatif dan relevan di media sosial melalui video dan vlog dalam talian yang menarik.

## RINGKASAN BAB

- Segala jenis ilmu adalah bernilai dan sesuatu yang kita harus usaha untuk menimba, dengan pengetahuan bahawa Allah SWT meninggikan darjat mereka yang sentiasa berusaha untuk belajar dan mempertingkatkan diri.
- Adab untuk menuntut ilmu termasuklah memperbetulkan niat kita, mengamalkan kerendahan hati, dan belajar dari guru dan sumber yang boleh dipercayai. Terdapat juga doa yang boleh kita baca ketika sedang menuntut ilmu.
- Terdapat banyak platform dan sumber Pendidikan Islam yang tersedia di Singapura yang memenuhi pelbagai keperluan dan golongan dalam masyarakat, dari bahasa ke peringkat umur serta tahap pengetahuan Islam.





# SEBUTAN DAN TRANSLITERASI

## Sebutan

Terdapat beberapa nama dan istilah Arab yang telah digunakan di dalam teks, yang ditransliterasi kepada huruf Romawi. Adakalanya tidak mungkin untuk menyebut bunyi sesuatu bahasa dengan abjad bahasa yang lain, kerana terdapat bahasa yang mungkin tidak mempunyai konsonan atau vokal yang tertentu.

Oleh itu, perkataan yang ditransliterasi hanyalah anggaran perkataan yang asal. Mendengar dan merujuk kepada penutur atau guru bahasa Arab akan memberikan contoh yang lebih baik tentang bunyi perkataan Arab.

Dalam badan teks utama, banyak istilah Arab yang biasa telah diubahkan kepada Inggeris. Walau bagaimanapun, di mana terdapat keperluan untuk menghafal teks Arab tersebut, perkataan itu telah dipecahkan kepada suku kata. Di semua tempat sedemikian, penggunaan huruf besar telah dielakkan.

Kadangkala, perkataan Arab bergabung dengan perkataan yang berikutnya. Gabungan sedemikian menyebabkan bahagian yang dicantumkan berubah sedikit. Selalunya, sebutan bentuk gabungan sedemikian adalah berbeza daripada bentuk bertulis. Secara amnya, ini berlaku kerana sesetengah huruf adalah senyap (tidak disebut). Penyampaian transliterasi kami mengikut bentuk yang disebut.

Jadual 1 dan 2 menunjukkan kunci kepada sebutan dan transliterasi konsonan dan vokal Arab.

---

JADUAL 1: Vokal

| Bentuk Arab    | Penulisan | Sebutan                                              |
|----------------|-----------|------------------------------------------------------|
| Bentuk Singkat |           |                                                      |
| اَ             | a         | seperti <i>a</i> dalam saya                          |
| اِ             | i         | seperti <i>i</i> dalam diri                          |
| اُ             | u         | seperti <i>u</i> dalam susu                          |
| Bentuk Panjang |           |                                                      |
| آ or عا        | ā ā       | Sebutan seperti diatas, tetapi vokalnya dipanjangkan |
| إِ             | ī         |                                                      |
| وِ             | ū         |                                                      |
| Diftong        |           |                                                      |
| اِيْ           | ai        | seperti <i>ai</i> dalam mainan                       |
| اُوْ           | au        | seperti <i>au</i> dalam taufan                       |
| Penekanan      |           |                                                      |
| اِيْْ          | iyy       |                                                      |
| اُوْْ          | aww       |                                                      |
| اِيْْ          | aiy       |                                                      |

JADUAL 2: Konsonan

| Bentuk Arab | Nama   | Penulisan | Sebutan                              | Rujukan |
|-------------|--------|-----------|--------------------------------------|---------|
| ب           | ba     | b         | seperti <i>bas</i>                   | 1       |
| ت           | ta     | t         | <i>t</i> lembut                      | 2       |
| ث           | tha    | th        | Rujuk kepada Nota                    | 3       |
| ج           | jim    | j         | seperti <i>jam</i>                   | 1       |
| ح           | ha     | h         | Rujuk kepada Nota                    | 3       |
| خ           | kha    | kh        | seperti <i>bakhil</i>                | 3       |
| د           | dal    | d         | Rujuk kepada Nota                    | 2       |
| ذ           | dzal   | dz        | Rujuk kepada Nota                    | 3       |
| ر           | ra     | r         | seperti <i>rambut</i>                | 1       |
| ز           | zai    | z         | seperti <i>zaitun</i>                | 1       |
| س           | sin    | s         | seperti <i>singa</i>                 | 1       |
| ش           | shin   | sh        | seperti <i>syampu</i>                | 3       |
| ص           | Sad    | s         | Rujuk kepada Nota                    | 3       |
| ض           | dad    | d         | Rujuk kepada Nota                    | 3       |
| ط           | ta     | t         | Rujuk kepada Nota                    | 3       |
| ظ           | za     | z         | Rujuk kepada Nota                    | 3       |
| ع           | ain    | ‘         | Rujuk kepada Nota                    | 3       |
| غ           | ghain  | gh        | seperti Paris dalam bahasa Perancis  | 3       |
| ف           | fa     | f         | seperti <i>fana</i>                  | 1       |
| ق           | qaf    | q         | huruf <i>k</i> dari tekak            | 3       |
| ك           | kaf    | k         | seperti <i>kancil</i>                | 1       |
| ل           | lam    | l         | seperti <i>lampu</i>                 | 1       |
| م           | mim    | m         | seperti <i>minum</i>                 | 1       |
| ن           | nun    | n         | seperti <i>nangis</i>                | 1       |
| و           | wow    | w         | seperti <i>wangi</i>                 | 1       |
| ه           | ha     | h         | <i>h</i> ringan seperti <i>harum</i> | 1       |
| ء           | hamzah | ’         | seperti <i>askar</i>                 | 3       |
| ي           | ya     | y         | seperti <i>yatim</i>                 | 1       |

**NOTA: (Jadual 1)**

Bahasa Arab menggunakan tiga vokal, tetapi setiap satu digunakan dalam tiga bentuk yang berbeza, bergantung pada ukuran sebutan; pendek, panjang dan lebih panjang. Versi yang lebih panjang tidak digunakan dalam buku ini.

**NOTA: (Jadual 2)**

Perkara berikut perlu diberi perhatian:

1. Terdapat beberapa huruf Melayu yang bunyinya hampir sama dengan huruf yang setara dalam bahasa Arab. Ini digunakan dengan bunyi asalnya, seperti b, f, j, k, l, m, n, r, s, z

Selain itu,

h seperti h ringan dalam harum

w (konsonan) seperti dalam wangi, dan

y (konsonan) seperti dalam yatim

2. Terdapat beberapa konsonan lain yang digunakan dengan bunyi yang berbeza sedikit daripada bahasa Melayu asal seperti t dan d.

Bunyi Bahasa Melayu bagi t dan d tidak wujud dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun, kedua-duanya muncul dalam versi mereka yang lebih lembut, yang disebut dengan hentian pergigian (atau *alveolar*).

3. Huruf Gabungan atau Diubahsuai

' (apostrof) sebagai konsonan a dalam askar.  
dalam penulisan, ini kadangkala dihilangkan pada permulaan perkataan

th bunyi yang mirip dengan s tetapi menggunakan pergigian

h adakalanya disebut dengan menggunakan tekak

dz Bunyi mirip dengan z tetapi menggunakan pergigian

s pangkal lidah terangkat kepada alveolar (langit-langit) tetapi hujung lidah seperti huruf s di pergigian bawah

d tiada persamaan dalam Bahasa Melayu  
seolah-olah huruf *d* tetapi bunyi yang tebal

t Huruf *t* tetapi dengan tebal dan kuat

z sebutan *dz* tetapi tebal

'  
tiada persamaan dalam Bahasa Melayu  
bunyi yang menggunakan tekak tetapi menutup saluran udara dan bunyi dengan lembut

gh mirip bunyi huruf *kh* tetapi lembut

r sebutannya harus bergetar

# GLOSARI

| Terms                            | Meaning                                                                                                                                                                                                                 |
|----------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>‘Aql</i>                      | Akal, fikiran<br>Berkaitan dengan <i>‘aqil</i> : Orang yang waras iaitu tidak gila                                                                                                                                      |
| <i>‘Aurah</i>                    | Istilah yang digunakan untuk merujuk kepada bahagian tubuh, baik lelaki mahupun perempuan, yang mesti ditutup dengan pakaian                                                                                            |
| <i>ADIL</i>                      | Adult Islamic Learning (ADIL)/ Pembelajaran Islam Dewasa<br>Program pembelajaran Islam yang disesuaikan khas oleh MUIS untuk pelajar Islam dewasa di Singapura                                                          |
| <i>Aidilfitri</i>                | Sambutan selepas tamat puasa sebulan di bulan Syawal                                                                                                                                                                    |
| <i>Aidiladha</i>                 | Sambutan yang ditandakan dengan penyembelihan haiwan korban pada bulan Zulhijjah                                                                                                                                        |
| <i>AMLA</i>                      | Administration of Muslim Law Act (AMLA)/ Akta Pentadbiran Undang-undang Muslim<br>Di bawah AMLA, MUIS akan menasihati Presiden Singapura mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Islam di Singapura                |
| <i>Al-Maqasid Ash-Shar’iyyah</i> | Matlamat syariat Islam                                                                                                                                                                                                  |
| <i>Alhamdulillah</i>             | Segala puji-pujian hanya bagi Allah                                                                                                                                                                                     |
| <i>aLIVE</i>                     | Learning Islamic Values Everyday (aLIVE)/ Belajar Nilai Islam Setiap Hari<br>Satu program kurikulum yang dicipta oleh MUIS bertujuan untuk membentuk anak-anak yang soleh dan solehah yang bertaqwa dan berakhlak mulia |
| <i>Aqidah</i>                    | Akidah (kepercayaan) Islam                                                                                                                                                                                              |
| <i>Arkan</i>                     | Secara harfiah bermaksud ‘tiang’, ia adalah istilah dalam perundangan Islam yang merujuk kepada perkara-perkara yang diperlukan supaya sesuatu ibadah itu diterima atau menjadi sah                                     |
| <i>ARS</i>                       | <i>Asatizah</i> Recognition Scheme (ARS)/ Skim Pengiktirafan Asatizah                                                                                                                                                   |

|                       |                                                                                                                                                                  |
|-----------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Asabah</i>         | Orang-orang yang mewarisi bahagian baki selepas bahagian ahli waris utama ( <i>ashabul furud</i> ) telah dibahagikan                                             |
| <i>Asatizah</i>       | Istilah jamak bagi guru agama, termasuk guru lelaki ( <i>ustaz</i> ) dan guru perempuan ( <i>ustazah</i> )                                                       |
| <i>Ashabul furud</i>  | Kumpulan waris yang mewarisi bahagian harta pusaka yang telah ditetapkan                                                                                         |
| <i>Asnaf</i>          | Kategori penerima dana zakat yang berbeza                                                                                                                        |
| <i>Baitul mal</i>     | erbendaharaan negara atau tabung amanah orang Islam yang ditadbir oleh MUIS                                                                                      |
| <i>Baligh</i>         | Seorang yang telah baligh (kematangan seksual)                                                                                                                   |
| <i>Bismillah</i>      | Dengan nama Allah                                                                                                                                                |
| <i>Dakwah</i>         | Menyeru manusia kepada Allah dengan mengajar dan menyebarkan ilmu                                                                                                |
| <i>Deen</i>           | Agama                                                                                                                                                            |
| <i>Faraid</i>         | Cabang perundangan Islam yang memperjelaskan tentang hukum pusaka                                                                                                |
| <i>Fardhu kifayah</i> | Kewajipan yang diwajibkan ke atas masyarakat yang tidak lagi diwajibkan kepada semua apabila telah ditunaikan oleh sebahagian pihak dalam masyarakat             |
| <i>Fatwa</i>          | Ketetapan undang-undang Islam, pendapat atau dekri yang disampaikan oleh seorang pemimpin agama Islam (iaitu Mufti Singapura)                                    |
| <i>Fidyah</i>         | Sedekah yang wajib diberikan oleh seorang Muslim jika dia tidak dapat berpuasa kerana sakit, tua atau lemah.                                                     |
| <i>Fiqh</i>           | Perundangan Islam, teori dan falsafah undang-undang Islam                                                                                                        |
| <i>Fitnah</i>         | Tuduhan palsu atau memalukan, atau pencemaran nama dengan tujuan untuk menimpa kesusahan                                                                         |
| <i>Fitrah</i>         | Sifat kebaikan semulajadi atau kecenderungan semula jadi yang sihat                                                                                              |
| <i>Hadis</i>          | Sabda Nabi ﷺ, dijadikan rujukan teks dalam ajaran Islam                                                                                                          |
| <i>Haji</i>           | Rukun Islam, wajib bagi umat Islam untuk menunaikan haji di Makkah sekurang-kurangnya sekali seumur hidup, jika berkemampuan dan dapat bermusafir dengan selamat |



|                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|----------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Hakam</i>                           | Penimbangtara                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| <i>Halal</i><br>(atau <i>Halalan</i> ) | Sah/Dibenarkan/Diizinkan                                                                                                                                                                                                                                                        |
| <i>Haram</i>                           | Tidak boleh, dilarang                                                                                                                                                                                                                                                           |
| <i>Haul</i>                            | Tempoh setahun Hijrah atau 355 hari                                                                                                                                                                                                                                             |
| <i>Hidayah</i>                         | Bimbingan / Panduan                                                                                                                                                                                                                                                             |
| <i>Hijab</i>                           | Tudung kepala yang dituntut oleh agama keatas kaum wanita, sering dilihat sebagai selendang atau pakaian luar yang menutup rambut, telinga dan leher wanita. Dalam bahasa Arab, ia bermaksud ‘penutup’ atau ‘penyelindung’.                                                     |
| <i>Hijrah</i>                          | Penghijrahan yang dilakukan oleh Nabi ﷺ dan pengikutnya dari Makkah ke Madinah. Juga menandakan permulaan kalendar Islam.                                                                                                                                                       |
| <i>I'tikaf</i>                         | Keadaan beribadat apabila seseorang memasuki masjid                                                                                                                                                                                                                             |
| <i>Ibadah</i>                          | Ketaatan dan ketundukan kepada Allah. Satu kegiatan kehambaan.                                                                                                                                                                                                                  |
| <i>Iddah</i>                           | Tempoh yang mesti dipatuhi oleh seorang wanita selepas bercerai apabila dia tidak boleh berkahwin dengan lelaki lain                                                                                                                                                            |
| <i>Iftar</i>                           | Hidangan berbuka puasa selepas matahari terbenam pada bulan Ramadan                                                                                                                                                                                                             |
| <i>Ijma'</i>                           | Kesepakatan ulama Islam                                                                                                                                                                                                                                                         |
| <i>Intestate</i>                       | Apabila seseorang tidak menulis wasiat sebelum dia meninggal dunia                                                                                                                                                                                                              |
| <i>JMS</i>                             | Joint Madrasah System (JMS)/ Sistem Madrasah Bersama Kerjasama antara sekolah rendah Madrasah Irsyad Zuhri Al-Islamiah dan sekolah menengah Madrasah Aljunied Al-Islamiah (yang menawarkan aliran agama) dan Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah (yang menawarkan aliran akademik). |
| <i>Kadi</i>                            | Pegawai agama yang bertanggungjawab menguruskan majlis akad nikah                                                                                                                                                                                                               |
| <i>Khalifah</i>                        | Pengganti atau pemimpin                                                                                                                                                                                                                                                         |
| <i>Kuliah</i>                          | Syarahan tentang agama, biasanya lebih pendek daripada ceramah atau khutbah                                                                                                                                                                                                     |

|                    |                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|--------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Madzhab</i>     | Aliran pemikiran dalam perundangan Islam                                                                                                                                                                                                                                      |
| <i>Mahr</i>        | Mas kahwin yang diberikan kepada isteri semasa bernikah                                                                                                                                                                                                                       |
| <i>Mahram</i>      | Saudara yang dilarang dalam Islam untuk dinikahi                                                                                                                                                                                                                              |
| <i>MUIS</i>        | Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)<br>MUIS adalah badan utama yang mengurus hal ehwal umat Islam di negara ini                                                                                                                                                               |
| <i>Makruh</i>      | Tidak digalakkan                                                                                                                                                                                                                                                              |
| <i>Mal</i>         | Kekayaan atau harta                                                                                                                                                                                                                                                           |
| <i>MBMF</i>        | Mosque Building and Mendaki Fund (MBMF)/ Dana Pembangunan Masjid dan Mendaki<br>Di bawah MUIS, dana ini diperuntukkan khas untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf yang diperlukan oleh masjid-masjid di Singapura, serta untuk menyokong inisiatif pendidikan agama |
| <i>Mu'min</i>      | Seorang yang beriman (Islam)                                                                                                                                                                                                                                                  |
| <i>Mubah</i>       | Dibolehkan, tidak digalakkan dan tidak dilarang                                                                                                                                                                                                                               |
| <i>MCAS</i>        | Muslim Converts' Association of Singapore<br>Juga dikenali sebagai Darul Arqam Singapura, MCAS adalah pertubuhan yang mengendalikan kebajikan dan bimbingan agama bagi saudara Islam baru dan menawarkan kelas-kelas pengenalan kepada Islam                                  |
| <i>Musolla</i>     | Ruang kecil yang dikhaskan untuk solat                                                                                                                                                                                                                                        |
| <i>Muta'ah</i>     | Pemberian saguhati kepada isteri selepas perceraian                                                                                                                                                                                                                           |
| <i>Nafs</i>        | Kehendak, Nyawa, Kehidupan                                                                                                                                                                                                                                                    |
| <i>Nasab</i>       | Keturunan                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| <i>Nawafil</i>     | Solat sunat yang sangat digalakkan tetapi tidak wajib                                                                                                                                                                                                                         |
| <i>Niqab</i>       | Tudung muka, biasanya berwarna hitam, digunakan untuk menutup muka wanita                                                                                                                                                                                                     |
| <i>Nisab</i>       | Jumlah minimum apa-apa jenis kekayaan yang menjadikannya wajib untuk dizakat                                                                                                                                                                                                  |
| <i>Qiyamullail</i> | Solat sunat waktu malam yang sangat dianjurkan                                                                                                                                                                                                                                |
| <i>Qiyas</i>       | Penaakulan analogi, terhasil dari analisa perbandingan menggunakan Al-Qur'an dan sunnah                                                                                                                                                                                       |

|                                          |                                                                                                                                          |
|------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Al-Qur'an</i>                         | Buku panduan Islam, yang mengandungi firman Tuhan, diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ dengan perantaraan malaikat Jibril                  |
| <i>Qurban</i>                            | Penyembelihan haiwan ternakan semasa Hari Raya Aidiladha                                                                                 |
| <i>Rahmah</i>                            | Belas kasihan                                                                                                                            |
| <i>Rizq</i>                              | Rezeki yang Allah SWT kurniakan                                                                                                          |
| <i>Sabr</i>                              | Kesabaran                                                                                                                                |
| <i>Suci</i>                              | Kudus, sangat penting dan bernilai                                                                                                       |
| <i>Shariah</i><br>(atau <i>Syariah</i> ) | Undang-undang Islam, dari wahyu Allah SWT kepada Nabi Muhammad ﷺ, yang tercatat dalam Al-Qur'an dan boleh disimpulkan daripada sunnahnya |
| <i>Identiti Muslim Singapura (SMI)</i>   | Satu himpunan sifat dan nilai yang membentuk identiti unik seorang Muslim Singapura                                                      |
| <i>Sunnah (1)</i>                        | Ajaran Nabi Muhammad ﷺ, dalam bentuk percakapan, perbuatan, sifat dan persetujuan diam (taqrir) Baginda ﷺ.                               |
| <i>Sunnah (2)</i>                        | Digalakkan                                                                                                                               |
| <i>Syarahan</i>                          | Khutbah atau ceramah agama yang lebih panjang                                                                                            |
| <i>Syubhah</i>                           | Meragukan                                                                                                                                |
| <i>Tahiyyatul masjid</i>                 | Solat sunat yang dilakukan apabila seseorang memasuki masjid                                                                             |
| <i>Taqrir</i>                            | Persetujuan senyap, bermakna diam (tidak melarang) terhadap sesuatu perbuatan lantas menandakan kebolehannya                             |
| <i>Taqwa</i>                             | Kebaikan, kesolehan                                                                                                                      |
| <i>Tarawih</i>                           | Solat-solat sunat yang dilakukan khas pada waktu malam di bulan Ramadan                                                                  |
| <i>Tauhid</i>                            | Akidah Islam yang meyakini keesaan Tuhan                                                                                                 |
| <i>Tayammum</i>                          | Alternatif untuk berwuduk yang menggunakan pasir atau debu yang suci, yang boleh dilakukan apabila tiada air bersih                      |
| <i>Toyyiban</i>                          | Baik dan selamat                                                                                                                         |

|                     |                                                                                                                                                                                                    |
|---------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Ulul 'azmi</i>   | Nama yang diberikan kepada lima Nabi – Nabi Nuh, Isa, Musa, Ibrahim dan Muhammad ﷺ – yang diberi penghormatan tertinggi atas ketabahan dan sifat-sifat luar biasa mereka                           |
| <i>Uruf</i>         | Jumlah barang kemas yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat mengikut amalan dan adat. Uruf 860 gram adalah berdasarkan pilihan Imam An-Nawawi dalam kitabnya, Al-Majmuk.                            |
| <i>Wajib</i>        | Mesti dituruti                                                                                                                                                                                     |
| <i>Wali</i>         | Penjaga lelaki, yang mempunyai pertalian darah dengan seorang wanita (mengikut urutan: bapa, datuk sebelah bapa, anak lelaki, abang lelaki, anak lelaki saudara lelaki, bapa saudara sebelah bapa) |
| <i>Waqaf</i>        | Endowmen harta Islam yang dipegang sebagai amanah dan digunakan untuk tujuan kebajikan atau keagamaan                                                                                              |
| <i>Wasaq</i>        | Satu unit sukatan berat yang bersamaan dengan 130.56 kilogram menurut jumhur ulama                                                                                                                 |
| <i>Zabiha</i>       | Menyembelih haiwan mengikut hukum syarak untuk dimakan                                                                                                                                             |
| <i>Zakat</i>        | Sedekah wajib yang merupakan rukun Islam yang ketiga, yang merupakan bahagian harta yang ditentukan oleh Allah SWT untuk diagihkan kepada lapan golongan penerima yang berhak                      |
| <i>Zakat fitrah</i> | Sedekah wajib yang dilakukan pada bulan Ramadan, disyariatkan sebagai alat untuk menyucikan diri orang yang berpuasa dan berfungsi sebagai bantuan kepada orang yang memerlukan                    |
| <i>Zina</i>         | Hubungan seksual (persetubuhan) di luar nikah                                                                                                                                                      |













**Buku Panduan Saudara Baru Muslim**  
**Memahami Masyarakat Islam Singapura**

menawarkan sumber yang sangat baik untuk meningkatkan pemahaman tentang ajaran Islam, untuk semua saudara Islam baru yang menetap di Singapura.

Tujuan buku ini adalah untuk memberi saudara dan saudari Islam kita yang baru keupayaan untuk memahami dengan objektif yang jelas, dan untuk membimbing mereka dalam aktiviti seharian semasa mereka memulakan perjalanan sebagai seorang Muslim, setelah mengisytiharkan kesaksian keimanan mereka (shahadah). Sebagai sebuah organisasi yang khusus dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam baru di Singapura, kami menyedari keperluan untuk sumber yang merangkumi cara praktikal untuk menjalankan urusan mereka sebagai seorang Muslim.

Buku panduan ini kaya dengan maklumat, rujukan dan ilustrasi, dan disusun untuk memberikan panduan dengan cara yang mesra pengguna, dan memudahkan dari perlunya membuat penyelidikan yang adakalanya mencabar.



ISBN 978-981-9414-30-7



9 789819 414307 >